

2024

RONA TINTA

e-BULETIN
EDISI
2024

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU



CHIEF EDITOR
SYAZLIANA KASIM

EDITORS
FARRAH OTHMAN
NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI
SHahrul Amri Ab Wahab
DR. HAFIZ ALI, M.



RONA TINTA EDISI 2024

Chief Editor
Syazliana Kasim

Editors:
Farrah Othman
Noor Azillah Mohamad Ali
Shahrul Amri Ab Wahab
Dr. Hafiz Ali, M

© FIRST PUBLISHED 2024

Penerbit UiTM Rembau Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus

e-ISSN: 2785-9126

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of Penerbit UiTM Rembau

Majalah ini diterbitkan secara tahunan
Cetakan di Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Published and Printed by: Penerbit UiTM Rembau Universiti
Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SEKAPUR SIREH	
Kata Aluan Ketua Pusat Pengajian	1
Dari Pena Ketua Editor	2
GIAT SEPENGGAL	5 – 38
SUDUT SANTAI	
<i>Pendidikan Memanusiakan Manusia, Bukan Mengindustrikan – Afizan Amer</i>	41 – 45
<i>The Pivotal Role of Lecturers in Fostering Students' Success – Yaasmin Farzana Abdul Karim</i>	46 – 49
<i>Memahami Objektif Membeli Emas: Pelaburan, Perhiasan dan Sumber Tunai Masa Hadapan – Siti Hajar Md Jani</i>	50 – 54
<i>Kepentingan Ilmu Untuk Menjadi Pelabur Bijak – Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis</i>	55 – 57
<i>The Impact of The Gig Economy on Career Pathways for Higher Education Students - Sazlin Suhalmie Binti Mohd Shariff</i>	58 – 61
<i>Sustaining Ev Growth for Malaysia's Low-Carbon Future – Shahrul Amri Ab Wahab & Syazliana Kasim</i>	62 – 66
<i>Varsity's Orientation: Time For a Fresher Air! – Syazliana Kasim & Shahrul Amri Ab Wahab</i>	67 – 70
<i>Ar-Rahnu: Membantu Atau Mengaut Keuntungan? – Siti Hajar Md Jani</i>	71 – 74
<i>Kepentingan Pengkhususan "Takhasus" Dalam Kualiti Keilmuan – Afizan Amer</i>	75 – 78
<i>Understanding BRICS – Syazliana Kasim</i>	79 – 82
<i>Apabila Media Tidak Berhenti Pada Waktu Yang Sepatutnya - Shahrul Amri Ab Wahab & Noor Azillah Mohamad Ali</i>	83 – 85
<i>Manfaatkan Peningkatan Gaji: Menabung Untuk Masa Hadapan Dan Kecemasan – Fakrulnizam Jafri</i>	86 – 89
<i>The 3M'S Problem: Implications for Our Future Professionals - Syazliana Kasim & Shahrul Amri Ab Wahab</i>	90 – 91
<i>Tugasan Pelajar Universiti Dan Kaitannya Dengan AI – Saflina Azis & Mustafa Kamal Mat</i>	92 – 94
<i>Adakah Yang Cemerlang Itu Benar-Benar Cemerlang? – Shahrul Amri Ab Wahab</i>	95 – 97
<i>5 Langkah Peranan Ibu Bapa Dalam Memupuk Amalan Membaca di Kalangan Anak-Anak – Nor'azurah Md Kamdari, Farrah Othman & Sharfizie Mohd Sharip</i>	98 – 100

MUKA SURAT	
Industri Pelancongan Malaysia dan Thailand – Noor Azillah Mohamad Ali & Shahrul Amri Ab Wahab	101 – 104
Kongsi Ilmu, Cipta Kejayaan: Kepentingan Perkongsian Ilmu Senjata Utama Dalam Perniagaan Antarabangsa – Mumtaz Ahmad	105 – 111
Membantu UiTM Sambil Menyelamatkan Dunia – Shahrul Amri Ab Wahab & Noor Azillah Mohamad Ali	112 – 115
Tactics to Restrict Urban Deprivation – Yaasmin Farzana Abdul Karim	116 – 119
Asas Kejayaan Pendidikan Rasulullah SAW - Mohd Ridzuan Bin Ibrahim	120 – 122
Tahap Masalah Kesihatan Mental Dikalangan Masyarakat di Malaysia - Nor'azurah Md Kamdari, Farrah Othman & Sharfizie Mohd Sharip	123 – 126
Pelaburan Kripto Ethereum di Malaysia Pada 2024 - Mohd Azlan Abdul Majid & Afizan Amer	127 – 129
Ar-Rahnu vs Pinjaman Bank: Kemudahan Jangka Pendek Atau Beban Jangka Panjang Usahawan? – Siti Hajar Md Jani	130 – 132
Perkahwinan Jarak Jauh (PJJ) – Noor Azillah Mohamad Ali & Shahrul Amri Ab Wahab	133 – 135
Sesal Kemudian Tidak Berguna – Farrah Othman, Sharfizie Mohd Sharip & Nor'azurah Md Kamdari	136 – 138
Why Negeri Sembilan Needs Monorail – Yaasmin Farzana Abdul Karim	139 – 141
Pusingan Kerja (Job Rotation) Dalam Organisasi - Sharfizie Mohd Sharip, Nor'azurah Md Kamdari & Farrah Othman	142 – 143
Social Economic Perspective After Pandemic Era in Malaysia in 2024 – Mohd Azlan Abdul Majid & Afizan Amer	144 – 146
Learning Beyond the Classroom: Knowledge is Power, Experience is Always the Best Teacher – Hazira Mohd Nasir	147 – 151
Dari Sekolah ke Universiti: Kuasai Kemahiran Untuk Melangkah Dengan Yakin – Syazliana Kasim & Shahrul Amri Ab Wahab	152 – 154

Sekapur Sireh



KATA ALUAN KETUA PUSAT PENGAJIAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتٍ

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Rona Tinta Edisi 2024 atas kejayaan menerbitkan buletin ini sekali lagi dengan penuh dedikasi dan komitmen. Buletin ini bukan sekadar penerbitan, tetapi satu simbol kesungguhan kita semua dalam mendokumentasikan pencapaian warga fakulti dan para pelajar, serta menghidupkan budaya penulisan yang kreatif dan intelektual.

Saya ingin menzahirkan penghargaan saya yang tidak terhingga kepada semua pensyarah yang telah menyumbangkan idea, masa, dan tenaga dalam menghasilkan karya-karya yang berkualiti untuk buletin ini. Setiap penulisan, baik besar atau kecil, adalah bukti komitmen dan semangat kita untuk terus memperkaya dunia akademik. Anda semua adalah tulang belakang kepada kejayaan penerbitan ini, dan saya amat bangga dengan pencapaian ini.

Sebagai Ketua Pusat Pengajian, harapan saya adalah agar Rona Tinta terus menjadi median terbaik untuk kita mengekspresikan kreativiti, menyebarkan ilmu, dan membina nama dalam arena akademik, bukan hanya di UiTM tetapi juga di peringkat nasional dan antarabangsa. Saya juga berharap agar budaya penulisan ini terus berkembang dalam kalangan pensyarah dan pelajar, sehingga menjadi sebahagian daripada identiti kita sebagai warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampust Rembau.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat. Marilah kita terus berkarya, menyumbang dan bersama-sama membina masa depan yang lebih gemilang.

Sekian dan terima kasih



PUAN FARRAH OTHMAN

KETUA PUSAT PENGAJIAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DARI PENA KETUA EDITOR RONA TINTA EDISI 2024

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتٍ

Alhamdulillah, Rona Tinta Edisi 2024 telah berjaya diterbitkan sebagai buah tangan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau bagi tahun yang keempat.

Selaku Ketua Editor, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembaca setia yang terus menyokong penerbitan ini. Dengan penuh rasa teruja, saya mempersembahkan edisi terbaru yang mengandungi laporan aktiviti fakulti sepanjang 12 bulan bermula Julai 2023 sehingga Jun 2024 serta Sudut Santai yang mempamerkan koleksi penulisan rakan-rakan pensyarah dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan.




PUAN SYAZLINA KASIM
KETUA EDITOR
RONA TINTA EDISI 2024

Seperti yang kita sedia maklum, dunia kita terus berkembang dan berubah dengan pantas, dan sebagai penerbit, adalah tanggungjawab kami untuk memastikan bahawa setiap artikel yang diterbitkan mampu memberikan manfaat serta menjadi sumber inspirasi kepada pembaca sekalian. Dalam edisi kali ini, kita akan menyelami pelbagai isu penting, daripada perkembangan ekonomi terkini, inovasi dalam teknologi, sehingga kepada pandangan kritis tentang cabaran-cabaran sosial yang semakin kompleks.


Kami juga komited untuk menyediakan platform yang inklusif dan bermanfaat untuk semua pembaca. Oleh itu, kami sentiasa mengalu-alukan maklum balas, idea, serta pandangan daripada anda, para pembaca, yang tidak hanya memberi pandangan kritis tetapi juga membantu kami untuk terus memperbaiki kualiti penerbitan ini. Sokongan anda amat bermakna kepada kami.

Akhir kata, kami berharap anda semua akan menikmati setiap halaman dalam edisi ini, dan semoga ianya memberi inspirasi serta memperkayakan minda anda. Teruskan bersama kami dalam perjalanan ini, dan kami yakin bersama-sama, kita dapat terus membentuk sebuah penerbitan yang lebih bermakna dan relevan.

Selamat membaca dan terima kasih atas sokongan anda!



Giat Sepenggal



**PROGRAM SEKOLAH ANGKAT: KEM PEMANTAPAN MENTAL &
FIZIKAL: PELAJAR SMK PEDAS PEMACU MASA HADAPAN**
7 - 9 SEPTEMBER 2023

MASRUL HAYATI KAMARULZAMAN

Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pedas (SMK Pedas) telah berbincang dan bersetuju untuk mengadakan kerjasama antara dua hala, justeru menjalinkan hubungan “SEKOLAH ANGKAT”. Pihak Fakulti sangat berbesar hati dapat menyumbangkan kepakaran, tenaga, idea dan sumber dalam memastikan generasi akan datang terus mempunyai keazaman dalam mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara. Selain itu, Program “SEKOLAH ANGKAT” ini adalah satu Inisiatif yang dijalankan bagi membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar melalui pelbagai kerjasama yang bakal dijalankan di masa akandatang di antara Fakulti dan juga SMK Pedas.

Justeru, sebagai langkah permulaan, Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTM Kampus Rembau dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Fakulti Sains Sukan & Rekreasi UiTM Kampus Seremban dan SMK Pedas telah berjaya menganjurkan satu program khusus bagi memantapkan kebolehan mental & fizikal pelajar SMK Pedas. Program tersebut adalah atas nama KEM PEMANTAPAN MENTAL & FIZIKAL: PELAJAR SMK PEDAS PEMACU MASA HADAPAN pada 07 hingga 09 September 2023 di UiTM Kampus Seremban dan Taman Cabaran. Program ini telah disertai oleh 122 orang pelajar yang terdiri daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan pelajar ini terdiri daripada kalangan pelajar B40. Program ini juga melibatkan seramai 15 orang pelajar UiTM sebagai fasilitator serta 33 orang staf UiTM sebagai ahli jawatankuasa serta penceramah.



Kejayaan kem ini amatlah penting kerana ianya membantu pencapaian KPI yang ditetapkan oleh Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Pusat Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat (PJIA&M) yang perlu dicapai oleh Fakulti bagi tahun 2023. Diantara objektif kerjasama ini adalah seperti dibawah:

- a. Mewujudkan dan menjalin hubungan dua hala Bersama sekolah angkat dibawah KPI HEA diantara universiti dan komuniti setempat.
- b. Membantu mencapai KPI ICAN dibawah PJIA&M yang diturunkan kepada Fakulti untuk melaksanakan Program University Social Responsibility (USR).
- c. Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan iaitu Mampan 4: Pelajar tidak kira di bandar atau diluar bandar layak mendapat Pendidikan berkualiti.
- d. Meningkatkan ketahanan mental dan fizikal pelajar bagi memastikan pelajar kekal bersemangat dan cergas dalam pelbagai aktiviti dan tugas harian.
- e. Meningkatkan kebolehan pelajar dari segi kemahiran berkomunikasi, menyesuaikan diri dalam kerja berkumpulan, menepati masa, memahami serta patuh pada arahan yang diberi, bertanggungjawab dan tolong-menolong antara satu sama lain.
- f. Menanamkan minat dan keazaman para pelajar dari kalangan pelajar B40 dari SMK Pedas untuk menyambung pelajaran ke peringkat Universiti dan lebih berjaya di masa hadapan apabila diberi pendedahan terhadap suasana kampus.
- g. Memberi pengalaman berharga buat para pelajar Fakulti untuk bertindak sebagai fasilitator kepada seramai 122 orang pelajar SMK Pedas.
- h. Memberi pendedahan kepada para pelajar UiTM berkenaan khidmat kepada masyarakat sekitar dan menyumbang tenaga kepada pembangunan insaniah pelajar.

Komuniti Kita

Hantarkan gambar aktiviti bersama keterangan ke utusannews@mediamulia.com.my

Kem motivasi mantapkan mental, fizikal

SERAMAI 122 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pedas mengambil bahagian dalam Kem Pemantapan Mental dan Fizikal untuk Sekolah Angkat Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau di UiTM Kampus Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Kem berkenaan dianjurkan FPP UiTM Kampus Rembau dengan kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang turut mendapat tajaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Ezcare Warranty Sdn. Bhd.

Majlis perasmian kem itu disempurnakan Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Dr. Yamin Yasin.

Tujuan program itu adalah sumbangan universiti kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) yang merangkumi jaminan pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran kepada komuniti setempat.

■ DR. Yamin Yasin (depan, enam dari kiri) bergambar bersama para pensyarah, guru dan pelajar selepas majlis perasmian Kem Pemantapan Mental dan Fizikal untuk Sekolah Angkat Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/NAZARUDIN SHAHARI.



Program khidmat komuniti sebegini wajar diteruskan oleh UiTM untuk memastikan hubungan baik UiTM bersama masyarakat setempat kekal didalam keadaan yang cemerlang serta kewujudan Universiti keramat ini diiktiraf kepentingannya oleh masyarakat setempat kerana kewujudan UiTM didalam masyarakat dapat memberi manfaat serta kepentingan kepada masyarakat.



FPP STUDENT OUTREACH PROGRAMME

11 - 15 SEPTEMBER 2023

DR SUTINA JUNOS

FPP Student Outreach Programme merupakan Projek Kolaborasi Pengantarabangsaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) & Universitas Hasyim Asy'ari (UNHASY) anjuran Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Program ini telah dijalankan pada 11 hingga 15 September 2023, bertempat di Universitas Hasyim Asy'ari (UNHASY), Surabaya, Indonesia.

Bersasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang bertujuan untuk memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan ke arah bertaraf dunia, pihak UiTM telah pun melancarkan aspirasi UiTM iaitu Pelan Strategik UiTM 2025. Selaras dengan hasrat Kerajaan dan UiTM, pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Perniagaan & Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah merangka sebuah projek khas kolaborasi bersama dengan Universitas Hasyim Asy'Ari (UNHASY) Surabaya Indonesia yang bersifat global dan menyeluruh. Hasilnya bukan sahaja untuk pihak Universiti malah turut memberi platform kepada semua staf akademik serta para pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menerusi penglibatan mereka dalam mana-mana inisiatif bersasar projek.

FPP Student Outreach Programme ini merupakan program kolaborasi pengantarabangsaan antara pihak UiTMCNS dan UNHASY yang pertama kali diadakan di luar negara anjuran Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) & Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Projek ini telah dijalankan pada 11 September 2023 hingga 15 September 2023 yang melibatkan pihak staf akademik Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), staf residen kolej, staf unit pengurusan kolej dan NR serta Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Majlis Tertinggi DBS dan DBankers UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau (UiTMCNS) di Universitas Hasyim Asy'ari (UNHASY) Tebuireng Jombang, Surabaya Indonesia.



Sebanyak lapan (8) program/aktiviti yang telah dijalankan semasa projek kolaborasi pengantarabangsaan ini iaitu; (1) Lawatan ke Ma'had Tahfidz Al-Quran Al-Alamiy (MTQA), (2) Majlis Perasmian program dan Professorial Talk, (3) Benchmarking Programme, Research and matching grant collaboration, (4) University Social Responsibility (USR) Programme, (5) Lawatan ke Pusat IKS sekitar Jombang, (6) International Colloquium on Entrepreneurship, (7) Lawatan ke Studio dan Muzium sekitar UNHASY, dan (8) Malam Kebudayaan dan Pameran Antarabangsa.



Objektif program ini adalah untuk menyokong dan merealisasikan hasrat, seruan dan sasaran objektif pihak-pihak berkepentingan seperti berikut;

MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (Sustainable Development Goals - SDGs)

- a) Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti – Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.
- b) Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat - Menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa demi pembangunan mampan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

- a) Mencapai aspirasi Global Renowned University 2025 (GRU25) melalui interaksi dengan dunia luar melalui UiTM 2025 Strategik Plan pada Wave 2: Globally Competent.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

- a) Mencapai sasaran PI kampus seperti ;
 - 1) Meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam program pengantarabangsaan. (PI031 - Number of international communication skill related programme) 28 orang pelajar
 - 2) Meningkatkan jumlah keterlibatan pelajar dalam program pengantarabangsaan. (PI032 - Number of students participated in international programme organised by partner university/ industry/ institution) 28 orang pelajar
 - 3) Penyelidik Utama dalam matching grant. (PI063 - Number of principal

- investigators (PI) for research grants: International funded) 2 penyelidik utama dalam matching grant
- 4) Projek Khidmat Masyarakat (PI075 - Number of University Social Responsibility programmes (USR). 1 projek USR
 - 5) Melaksanakan program/aktiviti antarabangsa untuk MoU/MoA aktif bagi tahun semasa. (PI084 - Number of international programmes/ activities for active MoU/ MoA for the current year) 5 aktiviti / program
 - 6) Potensi program-program masa akan datang antara UiTM dengan Industri di Indonesia. (PI 072 - number of new MOU and MOA with international industries
- b) Memanfaatkan hala tuju perancangan strategik FPP 2024 di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta kualiti kerja dan perkhidmatan pelajar dan staf akademik yang terlibat.
- c) Mempersiapkan pelajar / peserta program ke arah graduan holistik yang berintelektual tinggi dan memenuhi kebolehpasaran yang berkualiti dari aspek;
- 1) Kemahiran teknikal – memperoleh sumber ilmu pengurusan kolej kediaman dan beberapa program lain yang pelbagai disamping latihan secara hands on.
 - 2) Kemahiran sosial – membina kemahiran interaksi sosial dan kemampuan berkomunikasi berkesan serta mempelajari kepelbagaian budaya.
 - 3) Kemahiran insaniah – menerapkan nilai-nilai murni, ketinggian akhlak peribadi serta menjawai kerohanian yang lebih dalam.
- d) Mewujudkan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui kerjasama universiti di peringkat antarabangsa.
- e) Meningkatkan kedudukan Universiti Teknologi MARA di peringkat global.



Program ini melibatkan peserta sebanyak; 4 orang staf akademik Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), 2 orang Staf Residen Kolej (SRK) - seorang staf unit pengurusan kolej dan NR, 24 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), 2 orang MT DBS, dan 2 orang MT DBankers UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau (UiTMCNS). Menjadikan jumlah keseluruhan peserta adalah 35 orang.

Program kolaborasi ini dirangka sebagai inisiatif untuk merealisasikan beberapa sasaran hala tuju Sustainable Development Goals (SDGs), mencapai aspirasi UiTM dan beberapa petunjuk prestasi (PI) UiTMCNS. Selain itu program ini juga dapat mempersiapkan pelajar ke arah graduan holistik yang berintelektual tinggi dan memenuhi kebolehpasaran yang berkualiti dan

dapat mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui kerjasama universiti di peringkat antarabangsa.

PELAJAR

- a) Meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam program pengantarabangsaan
- b) Meningkatkan jumlah keterlibatan pelajar pelajar dalam program pengantarabangsaan
- c) Meningkatkan kemahiran teknikal, sosial, insaniah pelajar
- d) Meningkatkan kemahiran keusahawanan pelajar
- e) Menggerakkan hubungan silaturahim sesama mahasiswa kedua2 buah universiti dan masyarakat setempat

UNIVERSITI

- a) Membantu merealisasikan Aspirasi UiTM
- b) Membantu mencapai Petunjuk Prestasi yang disasarkan
- c) Membantu meningkatkan kerjasama bersama rakan strategik
- d) Memperkenalkan UiTM di peringkat global

MASYARAKAT

- a) Dapat menggerakkan hubungan silaturahim antara pelajar UiTM dan masyarakat di Surabaya Indonesia
- b) Dapat mempersiapkan pelajar ke arah graduan holistik yang berintelektual tinggi dan memenuhi kebolehpasaran yang berkualiti.



INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL SCIENCES, INFORMATICS AND ISLAMIC STUDIES (ICoSSIIS) 2023: “ENHANCING KNOWLEDGE, EXPLORING POSSIBILITIES”

31 OKTOBER 2023

DR. PURNOMO M. ANTARA

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah bergabung dengan fakulti-fakulti lain di kampus Rembau untuk menganjurkan satu program persidangan akademik. Persidangan antarabangsa yang dinamakan *International Conference on Social Sciences, Informatics and Islamic Studies (ICoSSIIS) 2023* telah diadakan pada 31 Oktober 2023 secara atas talian, dengan tema “Enhancing Knowledge, Exploring Possibilities”. Program ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dengan kerjasama beberapa institusi luar negara seperti *Global University, Lebanon, Universitas Hasyim Asy’ari, Indonesia* dan *Universitas Padjadjaran, Indonesia*. Persidangan ini telah menarik perhatian peserta dari pelbagai latar belakang, termasuk pelajar prasiswazah, pascasiswazah, penyelidik, ahli akademik, serta pengamal industri dari dalam dan luar negara.



ICoSSIIS 2023 bertujuan untuk menyediakan platform bagi peserta dari pelbagai latar belakang disiplin untuk berkongsi idea dan penemuan penyelidikan dalam bidang masing-masing. Antara objektif utama persidangan ini adalah untuk menggalakkan pertukaran ilmu dan idea yang berasaskan kajian, sekali gus memperkuatkan kerjasama antara akademia dan sektor industri. Ini penting untuk memastikan bahawa hasil penyelidikan bukan hanya relevan dari sudut akademik, tetapi juga memberi impak positif terhadap perkembangan industri dan masyarakat. Di samping itu, persidangan ini berusaha untuk memupuk kesedaran tentang isu-isu semasa dalam sains sosial, informatika, dan pengajian Islam, serta memperluas pemahaman tentang bagaimana bidang-bidang ini dapat memberi kesan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan budaya di peringkat global.

Dengan tema "Enhancing Knowledge, Exploring Possibilities," persidangan ini menekankan kepentingan penerokaan kemungkinan baharu melalui kajian dan inovasi dalam pelbagai bidang ilmu. Ia juga menegaskan bahawa ilmu bukan hanya alat untuk pemahaman, tetapi juga memungkinkan untuk perubahan yang lebih baik dalam masyarakat. Oleh itu, melalui perbincangan dan pembentangan hasil penyelidikan, ICoSSIIS 2023 berfungsi sebagai jambatan untuk menghubungkan teori dan amalan dalam konteks global.

ICoSSIIS 2023 dimulakan dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Profesor Dr. Yamin Yasin, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan. Ucapan perasmian beliau menekankan kepentingan persidangan ini dalam memperkuatkan hubungan kerjasama antara institusi akademik antarabangsa serta mempromosikan pertukaran ilmu yang melangkaui sempadan geografi.



Tiga tokoh akademik terkemuka turut dijemput sebagai pembicara utama. Pembentangan pertama disampaikan oleh Dr. Omar Muhammad Kalash, wakil rasmi *Global University* di Malaysia, yang membincangkan isu-isu kritikal dalam sains sosial dan informatika dari perspektif global. Pembicara kedua, Prof. Dr. Atwar Bajari, Drs., M.Si. dari *Universitas*

Padjadjaran, Indonesia, menyentuh tentang perkembangan terkini dalam komunikasi dan teknologi maklumat, serta bagaimana perubahan teknologi ini mengubah landskap sosial dan budaya di rantau ASEAN. Pembicara terakhir, Prof. Dr. H. Haris Supratno, Rektor *Universitas Hasyim Asy'ari*, Indonesia, membincangkan isu-isu semasa dalam pengajian Islam dan bagaimana pendekatan Islam kontemporari dapat memainkan peranan penting dalam menyelesaikan cabaran global yang berkaitan dengan keamanan dan kestabilan sosial.

Pembentangan oleh pembicara utama ini disambut baik oleh peserta, yang terdiri daripada penyelidik, ahli akademik, dan pelajar. Setiap pembentangan membuka ruang untuk sesi soal jawab yang interaktif, membolehkan peserta berinteraksi secara langsung dengan pembicara dan mendalami topik-topik yang dibentangkan. Ini mencerminkan sifat dinamik dan inklusif persidangan, yang memberi tumpuan kepada dialog dua hala antara peserta dan pembicara utama.

Sebagai sebahagian daripada program persidangan, dua bengkel metodologi penyelidikan turut dianjurkan. Bengkel pertama mengenai *Qualitative Data Analysis* dikendalikan oleh Dr. Nursafra Mohd Zhaffar, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Bengkel ini memberi tumpuan kepada teknik analisis data kualitatif, dengan penekanan kepada pengumpulan, interpretasi, dan pengelompokan data dalam penyelidikan sosial.



Bengkel kedua yang bertajuk *Quantitative Data Analysis* telah dikendalikan oleh Associate Professor Dr. Vahid Nimehchisalem dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bengkel ini memberi fokus kepada kaedah pengukuran dan analisis statistik dalam penyelidikan kuantitatif, serta kepentingan kaedah kuantitatif dalam kajian empirikal.

Kedua-dua bengkel ini telah menarik minat ramai peserta, terutamanya pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang ingin mendalami kaedah penyelidikan yang lebih sistematis. Aktiviti ini bukan sahaja membantu peserta memahami teknik analisis data dengan lebih baik, tetapi juga

meningkatkan kemahiran praktikal mereka dalam menjalankan penyelidikan yang berkualiti tinggi.

ICoSSIIS 2023 telah menerima penyertaan sebanyak 56 artikel penyelidikan daripada pelbagai latar belakang disiplin, merangkumi bidang sains sosial, teknologi maklumat, dan pengajian Islam. Semua artikel yang diserahkan telah disaring dan diterbitkan dalam *e-Proceeding Conference*, yang boleh diakses melalui laman sesawang persidangan di <https://icossiis.com/>.

Penerbitan artikel dalam *e-Proceeding Conference* ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memamerkan hasil kajian mereka kepada khalayak yang lebih luas. Ia juga memberi pengiktirafan kepada penulis atas sumbangan mereka dalam bidang masing-masing, sekali gus meningkatkan profil penyelidikan di peringkat antarabangsa. Penyertaan daripada peserta luar negara juga membuktikan bahawa ICoSSIIS 2023 telah berjaya menarik minat komuniti penyelidik global untuk terlibat dalam dialog ilmiah.

Secara keseluruhannya, ICoSSIIS 2023 berjaya mencapai objektif utamanya iaitu menyediakan platform untuk pertukaran ilmu dan idea, serta memperkuatkkan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dari Malaysia, Lebanon, dan Indonesia. Persidangan ini bukan sahaja memberi impak yang besar dalam konteks akademik, tetapi juga membuka peluang kerjasama antara sektor industri dan institusi pendidikan tinggi.

Dengan penyertaan yang meluas dari dalam dan luar negara, ICoSSIIS 2023 berjaya memupuk dialog global yang bermakna mengenai pelbagai isu semasa dalam sains sosial, informatika, dan pengajian Islam. Melalui aktiviti seperti bengkel metodologi penyelidikan, persidangan ini turut membantu meningkatkan kemahiran penyelidikan para peserta, terutamanya dalam mengaplikasikan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam penyelidikan mereka.

Secara keseluruhannya, kejayaan ICoSSIIS 2023 mencerminkan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam memajukan bidang akademik, serta peranan persidangan sebagai platform untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu global yang kritikal.

FPP WEEK FOR WEEK WITHOUT WALL (WWW)

4 - DISEMBER 2023

DR. MUHAMMAD HAFIZ ALI

FPP Week for Week-Without-Wall merupakan satu projek pembelajaran di luar kelas yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para mahasiswa dan mahasiswi tentang halalatu industri terkini dan haluan kerjaya selepas tamat pengajian diploma. FPP Week ini telah dijayakan dengan bantuan kumpulan SIG EMLD yang berjaya menjemput panel-panel daripada industri tempatan dan internasional. Turut membantu adalah persatuan pelajar DBankers. Program ini telah berlangsung selama satu minggu dari 4 hingga 8 Disember 2023, bertempat di Dewan Biduanda, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Rembau.



Sebanyak 11 program yang dijalankan. Program-program tersebut adalah;

- 1) FPP Industrial Link-up
- 2) Innovation in Business Today
- 3) Life is a Startup
- 4) IM2GREAT
- 5) Lawatan ke Bank Negara Malaysia
- 6) Celik SPRM
- 7) International Cultural Festival
- 8) FPP Icons Shout-out
- 9) What I Wish I Knew When I Was 20
- 10) Money Maze Ghombau
- 11) FPP Week Business Carnival

Antara penceramah yang berjaya dijemput adalah:

- 1) Hussen Hassan Ali, Project Manager East Region Risk Management, Liberty Mutual Insurance Bhd.
- 2) Ibrahim Ariffin, Senior Manager Management Consulting Division, Afry (M) Sdn. Bhd.
- 3) Zusuff Kan, Business Designer, Startlah Innovation PLT.
- 4) Afizan Amer, Pensyarah Kanan, FPP UiTMCNS.
- 5) Nurul Nosa Mohd Shah, Pensyarah, FPP UiTMCNS.
- 6) Normaliza Jaafar, Penolong Kanan Penguasa SPRM.
- 7) Siti Syazwani Zulhain, Executive Group Treasury, Petronas Bhd.
- 8) Mirza Syazan Mohd Fizar, Executive Governance, Risk, & Compliance, Bank Simpanan Nasional.
- 9) Farah Hanani Roslan, Executive Content Analyst, ByteDance (M) Ltd.
- 10) Nur Asilah Abu Bakar, Korean Government Scholar, University of South Korea



Objektif FPP Week ini adalah untuk menyokong dan merealisasikan hasrat pendidikan berkualiti, di mana kita berjaya menghasilkan graduan yang holistik dan berpandangan jauh. Selain itu, FPP Week ini juga diharap dapat mempersiapkan pelajar ke arah graduan yang berintelektual tinggi dan memenuhi kebolehpasaran yang berkualiti. Menghasilkan graduan yang peka dengan kehendak industry semasa dan merupakan acuan yang dicari oleh syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa. Agar graduan yang kita hasilkan sejajar dengan aspirasi UiTM iaitu; ‘Globally Renowned, Locally Rooted’.



Program-program sepanjang FPP Week ini dirangka khas untuk meningkatkan kemahiran komunikasi sesama pelajar dan industri luar. Ia mampu meningkatkan jumlah keterlibatan pelajar pelajar dalam program bersama industri luar. Program-program bersama wakil-wakil industry ini diharap dapat membina jaringan yang lebih utuh di antara UiTM dengan industry luar. Sekaligus boleh meningkatkan kedudukan UiTM di peringkat global.



BENGKEL INTENSIF KURSUS UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

27 FEBRUARI 2024

DR. SUTINA JUNOS

Pelaksanaan Bengkel Intensif Kursus Undang-undang Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa ini merupakan program sesi perkongsian kepakaran pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau bersama komuniti setempat. Bengkel ini diadakan bertujuan memberi pemahaman secara lebih mendalam dan pengetahuan tambahan kepada semua peserta mengenai kursus Undang-undang Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa yang baru dipelajari oleh mereka.

Peserta bagi program ini terdiri daripada pelajar-pelajar dan tenaga pengajar Jabatan Perniagaan Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja Chembong Rembau Negeri Sembilan. Bengkel ini juga telah diadakan untuk memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah UiTM untuk berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing bersama komuniti dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Jabatan Perniagaan, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja bagi menjalankan program-program berimpak tinggi di masa akan datang.



Program ini dirangka bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut: 1) memberi pengetahuan dan kefahaman kepada peserta dengan lebih mendalam mengenai kursus Undang-undang

Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa, 2) membantu peserta untuk mempelajari cara mengenalpasti kes dan rujukan kes yang sesuai untuk menyelesaikan sesebuah kes yang berlaku dalam skop kedua-dua kursus. 3) memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah fakulti untuk berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing, 4) mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua buah institusi.

Bengkel ini dijalankan pada 27 Februari 2024 (Selasa) dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di TEC 15 dan TEC 16, UiTM Kampus Rembau. Bengkel ini disertai oleh 31 orang pelajar Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Chembong Rembau Negeri Sembilan dan 4 orang tenaga Pengajar Jabatan Perniagaan, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Chembong Rembau Negeri Sembilan.

Senarai penceramah adalah seperti berikut:

- 1) Dr Siti Sara Ibrahim - Timbalan Rektor Bahagian PJIM&A / Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
- 2) Nuryusmawati Binti Mohd Yusof - Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Selangor
- 3) Najwa Binti Azizun- Pensyarah, Jabatan Undang – Undang UiTM Kampus Dengkil
- 4) Namirah Binti Mohd Akhsah - Pensyarah, Jabatan Undang – Undang UiTM Kampus Dengkil



Bengkel ini mempunyai impak dari segi membantu peserta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dengan lebih mendalam mengenai kursus Undang-undang Perniagaan dan Perniagaan Antarabangsa. Ia dapat membantu peserta untuk mempelajari cara mengenalpasti kes dan rujukan kes yang sesuai untuk menyelesaikan sesebuah kes yang berlaku dalam skop kedua-dua kursus. Ia juga dapat memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah UiTM untuk berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing. Selain itu, ia dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua buah institusi.

Antara Cadangan penambahbaikan program adalah; (1) untuk mengadakan perjanjian persefahaman antara kedua-dua buah institusi, supaya perancangan program hendaklah dilakukan lebih awal dan lebih sistematis, (2) untuk mengadakan program ini secara berkala, dan (3) berkongsi kepakaran untuk bidang yang lain dan institusi yang berbeza.

PROGRAM INTERNATIONAL CULTURAL FESTIVAL (ICuF)

7 JUN 2023 & 5 JUN 2024

FARRAH OTHMAN

Pada 7 Jun 2023 dan 5 Jun 2024, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau telah menganjurkan program International Cultural Festival (ICuF). di DK200 dan Foyer DK. Program ini melibatkan 68 pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan yang mengambil kursus MGT361. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang perbezaan budaya dalam perniagaan antarabangsa, di samping mengasah kemahiran berfikir secara kreatif, keyakinan diri, dan kerjasama dalam kumpulan. Program ini juga merupakan sebahagian daripada penilaian berterusan kursus MGT361, yang menyumbang sebanyak 35% daripada markah keseluruhan. Pelajar terlibat dalam pameran dan persembahan budaya seperti pentomin, 'choral speaking', dan booth pameran. Walaupun terdapat sedikit masalah seperti kekurangan mikrofon, program ini telah berjalan dengan lancar dan semua juri berpuas hati dengan prestasi pelajar. Cadangan penambahbaikan termasuk menambah jumlah mikrofon untuk program akan datang.



PERTANDINGAN INTERNATIONAL BUSINESS PITCHING 3.0

10 JUN 2024

DR ASMA' RASHIDAH IDRIS

Pertandingan International Business Pitching 3.0 telah diadakan pada 10 Jun 2024 semester Februari - Ogos 2024 10 dengan tujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk mempersembahkan idea perniagaan mereka. Program kolaborasi antarabangsa di antara Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTM Kampus Rembau bersama PJIM&A UiTM Negeri Sembilan, Universiti Mae Fah Luang Thailand, Universiti Malang Indonesia dan pakar-pakar daripada industri. Pertandingan yang diadakan secara atas talian ini merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan individu dan menyokong para pelajar membangunkan perancangan perniagaan baru yang inovatif dan berdaya saing.

Objektif utama pertandingan ini adalah:

- a. Mencungkil bakat keusahawanan di kalangan peserta.
- b. Menyediakan platform bagi peserta untuk membentangkan idea perniagaan yang inovatif.
- c. Menyokong pembangunan perancangan perniagaan baru melalui jaringan bersama pakar industri.
- d. Menilai daya saing perniagaan yang dipersembahkan dari segi inovasi, potensi pasaran, dan keupayaan pelaksanaan.


Seramai 954 peserta merupakan mahasiswa mahasiswi daripada 6 buah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Komunikasi & Pengajian Media dan Fakulti Pengurusan Maklumat, (UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau) dan Jabatan Kimia & Alam Sekitar, Jabatan Industri Tekstil (UiTM Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah) telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Perancangan idea perniagaan yang dipertandingkan adalah terdiri daripada 3 kategori iaitu kategori produk, makanan & minuman dan perkhidmatan. Setiap kumpulan diberi masa selama 5 minit untuk mempersembahkan idea perancangan perniagaan mereka, diikuti dengan sesi soal jawab oleh panel juri. Setiap pitching menyediakan rancangan perniagaan dan menjawab soalan panel juri berkaitan aspek-aspek tertentu perniagaan seperti pengurusan kewangan, pemasaran, dan operasi. Hadiah yang disediakan untuk pemenang adalah berbentuk wang tunai sebanyak RM 150 kepada pemenang pertama, RM 130 kepada pemenang kedua, RM120 kepada pemenang ketiga, RM100 kepada Perancangan Perniagaan Berpotensi.

Program ini telah dijayakan oleh barisan pensyarah daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Pensyarah fakulti yang terlibat adalah; Dr Asma' Rashidah Idris, Dr Asiah Ali, Dr

Purnomo M Antara, Puan Nurain Farahana Zainal Abidin, Puan Masrul Hayati Kamaruzzaman, Dr Sazlin Suhalmie Bt Mohd Shariff, dan Puan Mumtaz Ahmad.

Turut membantu 15 orang mahasiswa dan mahasiswi program BA111 dan BA119 sebagai Moderator. Antara barisan Moderator yang adalah; Sara Ellieya Binti Suhaidi, Siti Nursyahirah Binti Abd Karim, Syaza El Shamimi Binti Shari@Shaari, Intan Nur Firzanna Binti Mohd Fadill, Nur 'Atikah Binti Muhammad, Izma Nurul Syafiqah Binti Rohaizam, Siti Nur Atiqah Binti Abdullah, Nur Qurratul Alia Binti Mohammad, Noor Hidayatul Husna Binti Sabri, Nur Balqis Maisarah Binti Mohamad Nor Azam, Nur Rindiani Zulaikha Binti Zakri, Nurul Dafina Binti Mohd Nazir, Aisyah Syafiah Binti Mohd Azhan, Nur Farah Binti Hasnor Hadi, dan Nurul Aina Safiyya Binti Ibrahim.

Secara keseluruhannya, pertandingan International Business Pitching 3.0 ini telah berjaya mencapai objektifnya dengan memberikan platform kepada peserta untuk mengembangkan idea mereka dan mendapatkan maklum balas dari juri tempatan dan antarabangsa yang berpengalaman. Diharapkan pertandingan ini akan terus dijalankan pada masa hadapan untuk memberi lebih banyak peluang kepada mahasiswa kita yang bakal menjadi usahawan.



PROGRAM INNOCREATIVE YOUTH DAY 6.0

21 JUN 2024

DR SUTINA JUNOS

Pada 21 Jun 2024, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau telah menganjurkan program Innocreative Youth Day 6.0 di Dewan Biduanda. Program ini adalah berkaitan dengan subjek MGT315. Program ini dilaksanakan sebagai sebahagian pemarkahan pelajar di dalam aspek penilaian berterusan kursus iaitu sebanyak 30% daripada markah keseluruhan. Program ini diadakan dengan objektif untuk:

- a) Mempraktikkan kemahiran dan teknik pemikiran kreatif yang dipelajari dikalangan para pelajar.
- b) Menggalakkan para pelajar berfikir secara inovatif dengan menghasilkan produk yang mempunyai nilai-nilai inovasi, unik dan memberi manfaat kepada komuniti.
- c) Dapat menggalakkan budaya pelajar yang berfikiran kehadapan dan menerapkan pemikiran kreatif dan inovasi didalam setiap aspek pelajaran, pekerjaan dan juga kehidupan.
- d) Menerapkan aspek kerjasama di dalam kumpulan (team work) dan nilai-nilai kompetensi yang perlu ada didalam diri seorang pelajar yang kreatif dan berinovasi.
- e) Dapat memberi peluang kepada para pelajar dalam membentangkan idea-idea kreatif dan berinovasi kepada penilai serta dapat membentuk keyakinan diri didalam diri pelajar apabila berhadapan dengan penilai.



Program ini telah berjalan dengan lancar di mana sebanyak 56 kumpulan terdiri daripada 241 orang pelajar bahagian 4 BA111 telah menyediakan booth untuk membentangkan prototaip atau model produk kepada panel juri. Terdapat 3 kategori bagi produk yang dihasilkan pelajar iaitu Food & Beverages, Teaching & Learning dan Community Problem Solving. Produk yang dihasilkan oleh Pelajar mendapat pujian daripada panel Juri. Tiada masalah besar yang dihadapi kerana tempat masa dan tarikh sangat sesuai dan menepati objektif pengajuran.

Antara cadangan penampaikan program daripada pihak terlibat termasuk; untuk membuat promosi besar-besaran dan menjemput pakar-pakar dari industri untuk berkongsi pengalaman mengenai inovasi kepada peserta.



INTERNATIONAL COLLABORATIVE TEACHING DI ANTARA FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU, UNIVERSITAS HASYIM ASY'ARI DAN STAIM LUMAJANG

AFIZAN AMER

Seperti yang kita ketahui, pengajaran kolaboratif membawa pelbagai kemahiran sosial yang tidak ditawarkan oleh kaedah tradisional. Pengajaran kolaboratif memberi peluang untuk pendidikan holistik dan menilai pelajar dalam pelbagai kaedah.

Dengan kembalinya ke bilik darjah, tahun-tahun akan datang memberi peluang untuk membentuk semula pendidikan dengan cara yang lebih kolaboratif dan dipacu teknologi, kumpulan SIG EMLD (Entrepreneurship Management and Leadership Development) di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau mengambil inisiatif untuk menjalankan pengajaran kolaboratif yang diprogramkan di kalangan universiti rakan kongsi kami.

Usaha ini yang dalam beberapa cara menandakan perpisahan dengan strategi internalisasi seperti yang kita ketahui, menggariskan keperluan untuk perbincangan yang diperbaharui mengenai nilai-nilai asas kerjasama akademik antarabangsa dan untuk melakar laluan dalam konteks antarabangsa kepelbagaian universiti. Ini diprogramkan melibatkan subjek yang berbeza iaitu MGT315, MKT243, ENT300, dan FIN250.



Dalam era ini, kita perhatikan bahawa pelajar perlu ditugaskan sebanyak pendidikan yang didorong oleh holistik. Memahami topik tidak berhenti pada projek. Ia berterusan lebih jauh

apabila mereka menyelidiki situasi kehidupan sebenar. Ini membantu pelajar memahami penyelesaian berdasarkan teks mereka digunakan dalam kehidupan sebenar. Lebih daripada 400 pelajar mengambil bahagian dalam program dalam talian ini.

Dengan menggalakkan penyertaan aktif dalam aktiviti ilmiah seperti ini, melangkaui kerja kursus tradisional, kita boleh membangunkan inisiatif yang bertujuan untuk memupuk budaya pembelajaran berkualiti di peringkat akar umbi dengan kos minimum.

Pendekatan ini membangunkan kebolehan menyelesaikan masalah. Program pengajaran kolaboratif ini dijalankan dengan rakan universiti antarabangsa kami dari Indonesia, Universiti Hasyim Asy'ari, STAIM Lumajang, dan juga melibatkan rakan kongsi syarikat multinasional kami dari Indonesia Bank Syariah Indonesia.



Di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan kami menyedari bahawa pengajaran kolaboratif memang menimbulkan persoalan radikal. Ia menimbulkan persoalan terhadap sistem berasaskan tradisional yang telah lama diikuti. Pengajaran kolaboratif melibatkan perubahan peranan, komunikasi yang lebih rapat antara pensyarah dan pelajar. Ini adalah faktor yang jarang dilihat dalam kes tradisional.

Bagi kami, program ini adalah proses bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama dengan universiti antarabangsa dan rakan kongsi industri kami. Dalam pengajaran, matlamat bersama sentiasa meningkatkan hasil pelajar. Hasil pelajar yang mampu; 1) berdebat, merancang, dan menyelesaikan masalah bersama-sama, 2) bertanya bersama, menggunakan bukti dan penyelidikan untuk membimbang membuat Keputusan, 3) memanfaatkan kekuatan masing-masing dan bekerja dengan kelemahan masing-masing, dan 4) menyumbang secara aktif kepada persekitaran pembelajaran yang menghormati dan menyokong.

Pendidik dan pelajar di fakulti berkongsi kesan pengajaran dan pembelajaran kolaboratif. Mereka melihat tahap penglibatan pelajar yang lebih tinggi dan peningkatan dalam pencapaian. Pelajar mengulas tentang faedah bekerja secara kolaboratif dan mempunyai agensi ke atas pembelajaran mereka. Pelajar kami dapat memerhatikan pensyarah bekerjasama, kemahiran yang mempunyai banyak aplikasi dunia sebenar. Kerjasama yang berkesan mungkin melibatkan bekerja secara konstruktif dan profesional dengan orang yang anda tidak benar-benar bergaul secara semula jadi.

INTERNATIONAL ENTREPRENEURIAL ECOSYSTEM DI DALAM FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

AFIZAN AMER

Di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, kami menyedari bahawa universiti dan industri mempunyai banyak perkara untuk dipelajari antara satu sama lain dari segi memastikan bahawa graduan kami memenuhi atau sejajar dengan standard industri tertentu dan perkongsian antara kedua-duanya boleh saling menguntungkan sambil memberi perkhidmatan terutamanya kepada pelajar keusahawanan universiti.

Mungkin sukar untuk mendapatkan perkongsian ini dengan betul, tetapi dengan rangka kerja kolaboratif berstruktur di pihak universiti, mata kepada nilai bersama, fleksibiliti dan program pintar untuk syarikat permulaan yang sedang berkembang, perkongsian ini boleh memberi manfaat kepada semua yang terlibat.


Oleh itu, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau dengan bantuan kumpulan SIG EMLD (Entrepreneurship Management and Leadership Development) berkerjasama memangkin universiti supaya kami boleh mempunyai rakan kongsi yang lebih baik dengan industri dan menjadi lebih keusahawanan.

Fakulti Perniagaan dan Pengurusan memutuskan untuk menghantar wakil kami untuk melibatkan diri dengan rakan industri yang diprogramkan seperti Persidangan Perindustrian MarkPlus 2024, yang diadakan di Jakarta pada 7 Disember 2023. Walaupun ini bukan strategi yang mudah untuk digunakan tetapi kami menyedari bahawa tidak selalu mudah untuk bekerjasama dengan rakan kongsi berkualiti tinggi dalam membentuk ekosistem fakulti keusahawanan antarabangsa fakulti. Walaupun rakan kongsi kami mungkin mengharapkan proses yang diperkemas, tetapi kerjasama sering diasingkan, memerlukan rakan kongsi untuk berinteraksi dengan bahagian institusi yang berlainan.




Memupuk budaya fakulti untuk kerjasama industri adalah keutamaan institusi kami. Kami menyedari bahawa fakulti boleh meningkatkan kerjasama dengan mewujudkan rangka kerja yang telus untuk perkongsian industri. Ini termasuk melantik fasilitator perkongsian yang berdedikasi untuk membantu pemimpin perniagaan memahami proses dan urutan kerjasama dalam universiti dan menavigasi peralihan. Rakan sejawat sedemikian membolehkan universiti menerajui kerjasama dengan cara yang berstruktur.

Dengan lebih banyak pembiayaan fokus yang diperuntukkan untuk menyokong program kolaboratif, Inisiatif Pembuatan Inovatif (Initiative Manufacturing Innovative) membawa kepada pelbagai kerjasama industri penyelidikan baharu. Tetapi usaha ini mendedahkan keperluan untuk kapasiti industri yang lebih besar untuk menyerap hasil penyelidikan terkemuka.



Hubungan ini dan bagaimana mereka diuruskan dalam universiti terus berkembang, kerana diiktiraf bahawa ia membawa pelbagai faedah di luar kerjasama penyelidikan teras - termasuk akses dan kerjasama yang lebih baik dengan pelajar dan kakitangan berbakat, sokongan untuk syarikat permulaan melalui modal teroka korporat dan pecutan korporat, penglibatan dalam aktiviti komuniti tempatan dan mengadakan acara awam dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan jangka panjang sains, kejuruteraan, perubatan dan seni. Kerjasama sedemikian telah membawa kepada mekanisme yang lebih canggih dalam universiti untuk bekerja merentasi silo tradisional.



Fakulti Pengurusan dan Perniagaan mendapati perkongsian paling berjaya apabila pihak yang bekerjasama mempunyai aset pelengkap dan nilai yang sama. Adalah penting bagi pihak yang bekerjasama untuk mewujudkan konsensus berdasarkan pemahaman yang jelas tentang bagaimana kedua-dua pihak boleh mencipta sinergi dan memperoleh nilai sebelum mewujudkan perkongsian.

Tidak semua perkongsian antara ahli akademik dan industri berfungsi. Kerjasama kadangkala gagal kerana jangkaan kejayaan, masa dan pelaburan yang berbeza. Salah satu cara untuk menyelesaikannya ialah dengan mewujudkan rancangan bersama untuk kerjasama, dengan kalender komunikasi dan pencapaian yang jelas, senarai rakan sejawat, hasil yang diingini, pelaburan dan proses yang dipersetujui untuk penyelesaian pertikaian yang ditubuhkan pada awal perkongsian.

Komitmen ini boleh memastikan visi bersama untuk kerjasama universiti-industri –tetapi ia perlu kekal fleksibel, bersedia untuk menyesuaikan diri apabila keadaan di kedua-dua belah pihak berkembang. Ini amat penting dalam penyelidikan kolaboratif, apabila hasil yang tidak dijangka boleh membawa perkongsian ke arah baru.



Ketangkasan adalah teras kepada kerjasama yang berjaya. Perubahan dalam keperluan perindustrian mungkin bermakna rancangan untuk kerjasama mesti disesuaikan dengan cara yang pantas dan fleksibel.

Membina hubungan yang teguh antara pihak berkepentingan dari awal adalah penting. Hubungan memerlukan asas kepercayaan dan pemahaman tentang kepentingan setiap pihak – dan memupuk hubungan ini sepanjang perkongsian adalah sama pentingnya.



Memandangkan perubahan kepimpinan berlaku pada kadar yang berbeza dalam akademik, syarikat permulaan dan syarikat besar, ia boleh menjadi mencabar untuk mewujudkan semula kepercayaan dan menyelaraskan semula matlamat dalam menghadapi perubahan. Adalah penting untuk mempunyai konsensus strategik untuk mengekalkan intipati matlamat bersama dan mengukuhkan hubungan untuk mengekalkan hubungan yang kukuh sepanjang perkongsian mereka.



Akhir sekali, fakulti berharap untuk membantu syarikat permulaan adalah dengan menawarkan rejim hak harta intelek yang mudah, sama ada dengan universiti memperoleh peratusan ekuiti dalam syarikat permulaan untuk jumlah pembiayaan tertentu, atau dengan universiti menyokong sepenuhnya syarikat permulaan. Ringkasnya, pendekatan holistik terhadap keusahawanan boleh memberi manfaat bersama kepada universiti, usahawan yang bermula dalam bidang akademik dan industri. Dan dengan pakar yang bermotivasi dan berhubung yang berdedikasi untuk memudahkan pelbagai jenis hubungan, perkongsian universiti-industri boleh membawa kepada hasil yang luar biasa.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU DAN SYARIKAT INDUSTRI MULTINASIONAL INDONESIA

AFIZAN AMER

Memorandum Persefahaman (MOU) ialah perjanjian rasmi antara dua atau lebih pihak yang menggariskan syarat dan butiran persefahaman, pengaturan atau komitmen bersama. Di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, kami mengharapkan MOU boleh memainkan peranan penting dalam memupuk kerjasama, perkongsian dan inisiatif bersama di kalangan institusi pendidikan, badan kerajaan, organisasi atau pihak berkepentingan lain. Berikut ialah beberapa amalan tentang cara MOU digunakan dalam program pendidikan harian kita.

Sedang fakulti bergerak ke hadapan, kami ingin mengambil peluang untuk mengukuhkan lagi ikatan kami dan meneroka jalan baharu untuk kerjasama dengan rakan kongsi industri antarabangsa seperti syarikat multinasional (MNC) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) antarabangsa yang lain. Strategi dengan izin tuhan akan, membantu kita bersama-sama memberi inspirasi, berinovasi, dan memberi impak yang berkekalan kepada landskap akademik di UiTM.

MOU antara yang sedang kami usahakan akan menjadi penting dalam memupuk kerjasama dan memajukan usaha akademik dan penyelidikan. Hari ini, semasa kami memulakan perjalanan perkongsian yang lebih baik, kami mengesahkan komitmen Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dengan bantuan kumpulan SIG EMLD (Entrepreneurship Management and Leadership Development) untuk memacu kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan dan kerjasama bersama. Pada tahun 2023 dan seawal suku pertama 2024, fakulti memperoleh tiga MOU strategik dengan MarkPlus Institute Indonesia, Bank Syariah Indonesia dan satu NGO antarabangsa; Nahdlatul Ulama Indonesia.

MarkPlus Institute ialah pusat latihan dan pendidikan dalam pemasaran dan perniagaan untuk profesional dan usahawan. MarkPlus Institute bertujuan untuk menyampaikan program latihan untuk mengembangkan kecekapan pemasaran di rantau ini untuk organisasi melalui seminar dan program latihan antarabangsa.



Manakala Bank Syariah Indonesia (BSI) adalah bank hasil penggabungan antara PT Bank BRI Syariah Tbk, PT Bank Syariah Mandiri dan PT Bank BNI Syariah, melalui Lembaga Perkhidmatan Kewangan (OJK). Selanjutnya, pada 1 Februari 2021, Presiden Joko Widodo merasmikan kehadiran BSI. Penggabungan ini menghimpunkan kelebihan ketiga-tiga bank syariah, seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih lengkap, jangkauan yang lebih luas, dan mempunyai kapasiti modal yang lebih baik.



Fakulti juga memperoleh MOU antarabangsa dengan Nahdlatul Ulama Indonesia, Nahdlatul Ulama (NU) adalah sebuah NGO Islam di Indonesia. Keahliannya berjumlah lebih 95 juta pada 2021, menjadikannya pertubuhan Islam terbesar di dunia. NU juga merupakan badan kebajikan yang membiayai sekolah dan hospital serta menganjurkan komuniti untuk membantu mengurangkan kemiskinan.




Penandatanganan MOU akan membuka banyak peluang kepada semua institusi, menekankan kebanggaan Universiti dalam bekerjasama dengan rakan kongsi kami dan faedah bersama yang kedua-dua pihak boleh peroleh daripada perkongsian ini seperti di bawah.

- 1) **Kerjasama antara Institusi:** Institusi pendidikan, seperti fakulti perlu memupuk MOU yang berkualiti untuk mewujudkan perkongsian antara satu sama lain bukan sahaja dengan universiti lain tetapi organisasi profesional di peringkat global dari segi mencapai aspirasi UiTM selaras dengan visinya sebagai 'Globally Renowned, Locally Rooted'. Perjanjian ini boleh meliputi pelbagai aktiviti, seperti pertukaran pelajar, projek penyelidikan bersama, kerjasama fakulti, pembangunan kurikulum dan perkongsian sumber. MOU menyediakan rangka kerja berstruktur untuk institusi bekerjasama ke arah matlamat bersama.
- 2) **Perkongsian Antarabangsa:** MOU yang diusahakan oleh fakulti biasanya digunakan dalam pendidikan antarabangsa untuk merasmikan perkongsian antara institusi pendidikan, badan profesional dan kerjasama multinasional asing dari negara yang berbeza. Perjanjian ini boleh memudahkan pertukaran pelajar dan fakulti, program akademik bersama, inisiatif silang budaya, dan kerjasama penyelidikan. MOU membantu memastikan kedua-dua pihak mengetahui peranan, tanggungjawab dan syarat penglibatan mereka.
- 3) **Perjanjian Artikulasi:** FPP UiTM Cawangan Negeri Sembilan juga mengharapkan MOU boleh digunakan untuk mewujudkan laluan artikulasi antara tahap pendidikan yang berbeza. Sebagai contoh, MOU antara NGO global dan universiti mungkin menggariskan pemindahan kredit pengalaman kerja sosial pelajar dari arena global kepada universiti, memastikan peralihan yang lancar bagi pelajar yang mengikuti kemahiran insaniah mereka dalam pendidikan tinggi.
- 4) **Kerjasama Industri dan Akademia:** Institusi pendidikan seperti FPP sering bekerjasama dengan industri dan perniagaan untuk menyediakan pelajar pengalaman dunia sebenar dan meningkatkan kebolehpasaran mereka. MOU dengan MarkPlus Asean dan Bank Syariah Indonesia boleh menggariskan latihan amali, program koperasi, projek tajaan industri, dan perkongsian penyelidikan, mewujudkan situasi menang-menang untuk kedua-dua ahli akademik dan industri.
- 5) **Kerjasama Penyelidikan:** MOU yang kami wujudkan juga bernilai untuk memupuk bukan sahaja penyelidikan akademik tetapi juga melibatkan perkongsian penyelidikan pasaran dan industri antara institusi pendidikan dan firma perunding penyelidikan pasaran profesional seperti MarkPlus Institute. Perjanjian ini boleh menggariskan syarat projek penyelidikan bersama, perkongsian data, hak harta intelek dan pengaturan pembiayaan.
- 6) **Penglibatan dan Jangkauan Komuniti:** Institusi pendidikan seperti fakulti kami boleh menandatangani MOU dengan organisasi komuniti global seperti Nahdlatul Ulama Indonesia, dan kumpulan bukan untung untuk meningkatkan kualiti penglibatan komuniti dan mempromosikan inisiatif pendidikan yang memberi manfaat kepada kualiti kemahiran insaniah pelajar.
- 7) **Perkongsian Sumber:** MOU boleh memudahkan perkongsian sumber seperti perpustakaan, makmal, peralatan, dan kemudahan antara institusi, mengoptimumkan penggunaan aset yang ada.
- 8) **Program Dwi Ijazah:** MOU boleh digunakan untuk merasmikan program dwi ijazah antara dua institusi, membolehkan pelajar memperoleh ijazah daripada kedua-dua institusi dengan memenuhi keperluan akademik tertentu.

- 9) **Program Pertukaran Pelajar dan Fakulti:** Kebimbangan fakulti kami kerana MOU lazimnya boleh digunakan untuk menganjurkan program pertukaran pelajar dan fakulti, di mana individu daripada satu institusi menghabiskan tempoh masa tertentu di institusi lain untuk memperoleh pengalaman dan perspektif yang pelbagai.
- 10) **Tadbir Urus dan Perjanjian Dasar:** MOU juga boleh digunakan untuk perjanjian peringkat dasar antara badan pendidikan dan entiti kerajaan, menggariskan strategi dan komitmen untuk menambah baik keseluruhan sistem pendidikan.

Adalah penting untuk ambil perhatian di FPP, bahawa sementara MOU menyediakan rangka kerja untuk kerjasama, mereka tidak mengikat secara sah dengan cara yang sama seperti kontrak. Mereka biasanya dianggap sebagai ungkapan formal niat dan komitmen. Kandungan khusus MOU boleh berbeza-beza secara meluas berdasarkan matlamat dan keperluan pihak yang terlibat, dan penasihat undang-undang mungkin terlibat dalam penggubalan mereka, terutamanya untuk perjanjian yang rumit. Pada masa hadapan FPP perlu lebih fokus dan sentiasa memikirkan dimensi tempatan universiti apabila menjalin perkongsian antarabangsa.





Sudut Santai





PENDIDIKAN MEMANUSIAKAN MANUSIA, BUKAN MENGINDUSTRIKAN

AFIZAN AMER

“Memanusiakan manusia”

Petikan di atas sering terngiang-ngiang di telinga kita. Tetapi apakah maksud ini sebenarnya? Ungkapan tersebut merupakan satu bentuk sikap yang harus dipelihara dalam diri dan dimanifestasikan dalam kehidupan sosial setiap individu. Sejak kebelakangan ini banyak usaha pihak yang bertanggung jawab dalam bidang pendidikan tidak kira di peringkat sekolah mahupun institusi pendidikan tingi mula mengusahakan pengurusan pendidikan berteraskan usaha memanusiakan manusi, ada juga yang menggunakan istilah menginsankan manusia begitu juga dengan manusiawi.

Konsep Memanusiakan Manusia

Konsep “memanusiakan manusia” merupakan sebahagian daripada “humanism” yang muncul dalam kehidupan seharian. “Humanisme” berasal dari perkataan Latin “humanus” yang bermaksud manusia dan mempunyai makna fitrah manusia atau sesuai dengan fitrah manusia. Di dalam situasi yang kita hadapi sekarang dalam dunia pendidikan terutamanya, adalah penting untuk kita menerapkan konsep ini sesame manusia secara kemanusiaan tanpa mengira perbezaan bangsa, agama, warna kulit dan sebagainya.

Kita perlu melihat perikemanusiaan dalam kehidupan sehari-hari. Sama ada dalam persekitaran keluarga, masyarakat maupun dalam alam pekerjaan. Ciri-cirinya adalah berpaksikan beberapa perkara.

Kita perlu melihat perikemanusiaan dalam kehidupan sehari-hari. Sama ada dalam persekitaran keluarga, masyarakat maupun dalam alam pekerjaan. Ciri-cirinya adalah berpaksikan beberapa perkara.

Pertama, sikap saling menghormati, menghormati dan menghormati antara satu sama lain. Sikap ini merupakan satu bentuk yang tidak melihat kepada perbezaan yang wujud, sama ada dalam bentuk etnik, bangsa, status sosial, warna kulit tidak penting dalam hal ini. Kenapa?

Seseorang harus menjunjung nilai kemanusiaan. Tetapi kita sering melupakan perkara ini, contohnya dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam kehidupan bermasyarakat, ramai di antara kita masih memandang seseorang berdasarkan status sosialnya (kaya). Walau bagaimanapun, tidak semestinya benar bahawa orang yang mempunyai status sosial yang baik mempunyai sifat kemanusiaan.

Kedua, menolong orang yang dalam kesusahan, menolong orang yang dalam kesusahan adalah contoh sikap kemanusiaan yang boleh diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat. Contohnya, membantu menyelamatkan orang yang terjatuh di jalan, menderma kepada rumah anak yatim dan banyak lagi yang boleh kita lakukan.

Ketiga, jangan menzalimi orang lain, seseorang itu tidak boleh menzalimi orang lain, apatah lagi mengambil remeh dan memperlekehkan orang lain hanya kerana berlainan bangsa, agama atau status sosial. Sebagai contoh, seorang pemimpin tidak seharusnya melayan orang bawahannya sewenang-wenangnya hanya kerana dia merasakan dia mempunyai status sosial yang lebih tinggi. Ingat bahawa pekerja juga adalah manusia yang mempunyai hak asasi manusia seperti manusia lain.

Memaniaskan manusia bermaksud menghargai dan menghormati setiap individu yang sepatutnya dengan memberi penghargaan kepada kerja mereka, tanpa mengira kelebihan dan kekurangan yang mereka ada.


Ini juga boleh diaplikasikan dalam perhubungan manusia dan perkhidmatan awam, mewujudkan keharmonian dan saling menghormati tanpa mengambil tindakan yang merendahkan martabat atau menyakitkan hati.

Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) kini pula kita berhadapan dengan situasi, iaitu robot, automasi dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) akan mengambil alih peranan yang sekian lama telah dimainkan oleh manusia. Sektor industri kita kini dikuasai prosedur kaedah kerja dan berbagai bagi lagi dokumentasi yang tidak menyokong keadaan memanusiakan manusia ini.

Hanya pada aspek-aspek kreativiti sahaja mungkin masih ada ruang untuk manusia turut terlibat aktif sedangkan dalam ruang-ruang yang boleh diprogramkan berdasarkan algorisma pengkomputeran tertentu, ia tidak lagi memerlukan tenaga manusia sebaliknya robot mula bergerak ke zaman itu.

Tenaga kerja baru yang dilahirkan universiti di Malaysia lambat-laun akan turut merasai kesan daripada IR4.0 walaupun buat masa sekarang mungkin negara kita antara yang masih terkebelakang berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura, Finland, dan Sweden.


Kita tidak pasti apakah pula cabaran-cabaran lain yang akan mendarat dengan ledakan IR4.0 ini, bahkan selepas ini jika ada IR5.0 dan ledakan seterusnya. Lalu apakah persiapan yang sepatutnya kita miliki sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk anak-anak kita dan generasi yang akan datang?



Gambar 1: Excellence Without a Soul: Does Liberal Education Have a Future? Oleh Harry R. Lewis

Dalam mempersiapkan tenaga kerja industri untuk mengharungi hidup ini, ilmu pendidikan yang berasaskan manusiawi perlu ditekankan sejak kecil lagi. Anak-anak diajarkan dengan ilmu manusiawi yang mantap. Mereka seharusnya difahamkan yang gred dan nombor di sekolah itu bukanlah segala-galanya tetapi ilmu dan proses pembelajaran itu yang seharusnya mereka hargai.

Jika strategi memanusiakan manusia itu ingin ditambah lebih baik lagi, suatu sistem untuk melihat dan menilai kemajuan, pencapaian dan prestasi manusia itu juga harus diwujudkan. Terdapat pelbagai model atau sistem moden hari ini yang telah dicipta untuk tujuan itu dan dari situ, kita perlu kaji dan fikirkan apa langkah seterusnya yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi kualiti insan itu.



Gambar 2: The Soul of a University: Why Excellence is not Enough, oleh Chris Brink

Anak-anak kecil ini seharusnya diberikan kesedaran tentang matlamat kejadian manusia dan tujuan hidupnya serta kesudahan perjalanan hidupnya di dunia ini. Selain itu, manusia juga perlu disedarkan bahawa penghidupan di dunia ini hanya sementara belaka, dan akhirnya manusia akan kembali menemui pencipta-Nya di alam akhirat sana yang kekal selama-lamanya.

Kita juga seharusnya mendefinisikan semula apakah yang dimaksudkan kecemerlangan, adakah kecemerlangan itu hanya mendapat gred dan nombor yang baik di sekolah. Seharusnya pembelajaran perkara-perkara baru di sekolah itu harus di lihatkan sebagai kecemerlangan yang lebih penting berbanding nombor dan gred. Gred dan nombor itu hanyalah alat mengukur.

Atau adakah cemerlang itu didefinisikan dengan pencapaian skor KPI yang tinggi bagi sesebuah organisasi itu, sedangkan jalan mencapai KPI itu mengikuti kaedah menghalalkan cara? Perkara inilah yang dikatakan "memanusiakan manusia" supaya manusia tidak terpana dengan teknologi komputer dan robot sehingga lupa akan hakikat diri insan yang sebenar dan akhirnya tertekan sendiri dengan definisi kecemerlangan palsu yang mereka sendiri cipta.

Namun begitu, pendidikan yang berdasarkan usaha memanusiakan manusia tidaklah mampu atau boleh dilaksanakan oleh satu atau dua orang sahaja. Ia haruslah diusahakan oleh semua pihak di negara selain ibu bapa itu sendiri. Semua pihak perlu bekerjasama untuk perkara baik ini termasuklah media massa sendiri, kerajaan dan institusi-institusi pendidikan formal yang lain.

Adakah kita ingin cemerlang tanpa jiwa dan rasa, "*Excellence Without a Soul*"?



THE PIVOTAL ROLE OF LECTURERS IN FOSTERING STUDENTS' SUCCESS

YAASMIN FARZANA ABDUL KARIM

As a lecturer, you will play an important role in determining student success at the varsity level. At UiTM, the Massive Open Online Course (MOOC) offers a short course titled "How to Be a Successful Student," specifically tailored for first semester students pursuing both diploma and degree programs. Despite this, some students continue to lag behind their peers, a concern shared by both the management and the parents. Lecturers are more responsive to students' needs than parents, and they have the power to significantly influence their academic development. This makes an intense lecturer-student relationship much more suitable, or even required, for lazy, weak-willed university students with poor time management. Lecturers need to understand that they matter and must intentionally create a learning environment.

One of the first and most important steps a lecturer can take is to create an engaging learning environment. This includes using interactive pedagogical techniques, such as preparing for discussions, group work, or hands-on learning. Similarly, lecturers can use technology, such as online platforms and multimedia resources, to create a lively learning environment with virtual labs. In addition,

lecturers should create an inclusive learning environment that encourages discussions and questions from students. However, a lack of resources and learning environment quality can have consequences for the effectiveness of teaching and learning. These development environments allow teachers to teach more at the level of strengths and offer students a greater degree of personalization and space for experimentation in activities that are relevant to them or where their current goals lie.




Picture 1: Lecturer - student relationship

Students mostly need help in navigating the path. It starts with a thorough syllabus of course objectives, grading expectations, and crucial dates. Similarly, regular and constructive feedback on assignments or exams is also necessary to make students aware of how much they have gained up until now and in what areas they are lagging. Additionally, it is crucial for students to have the ability to interact with lecturers through office hours or other ongoing support mechanisms that clearly specify the time and method of engagement. Nevertheless, novice lecturers may find themselves so overwhelmed with the transition to their new roles and responsibilities that they become unable to wholly concentrate on guiding students through their learning experiences. Therefore, universities should create professional development opportunities for lecturers to address this challenge, equipping them with the necessary tools and high-impact competencies to support student success. The training center in UiTM, the Institute of Leadership and Development (ILD), offers a vast variety of courses to assist the lecturer in facing the teaching challenges.

Another significant role of a lecturer is to instill critical thinking and problem-solving skills. Lecturers can design higher-order assignments that force students to analyze, think creatively, or apply the detailed concepts in a different context. We give students more freedom to explore topics beyond the syllabus through independent research and encourage them to participate in debates and discussions, enabling them to appreciate diverse perspectives on

a topic and develop their own perspectives. While online learning can present disengagement and limited social interactions, its interactive elements provide solutions to these issues, which bridge the in-class gap.

Another emphasis, which is as important as a student-friendly atmosphere on campus, is creating an environment suitable for student retention. In this regard, educators should be aware of the academic and personal challenges students encounter when pursuing subjects involving major state-of-the-art technologies. They should then be able to provide these learners with appropriate support or connect them with an expert. Some students require assistance in transitioning to online instruction and gaining mental health awareness through courses such as stress management. Furthermore, educators could provide guidance on work-life balance, including time-management tips that are crucial for both school and extracurricular activities. At the level of a university, instructors are key players for students; recognizing and coming up with ways to help involve, maintain, and enhance undergraduate empowerment can be territorially transformational. That is where the academic advisor role comes in.



Picture 2: A famous quote

Lecturers also play a crucial role in assisting individuals in their career and personal development. Mentorship coaches can also enroll students on this platform, educating them about career paths, internships, and academic growth opportunities. Organize networking events to introduce industry professionals to students and previous alumni, aiming to broaden their perspectives. Workshops on employability skills, such as resume writing and interview techniques, adequately arm students for the demands of life after university. Yes, it

is a challenge, but caring lecturers also impact the lives of their students academically and personally.

And last but not least, educators are fundamental to lifelong learning. Once students embrace variety and embrace it, they will not only be able to apply it in post-graduation work environments, but they will also become lexicographers of fresh perspectives, which will spark further ideas for their personal growth. Connect this to practical applications or current events, and the enthusiasm for independent learning will surge. Furthermore, cultivating a growth mindset encourages students to view challenges as learning experiences rather than hindrances. This suggests that a lecturer's impact on students' success does not stop at delivering content. The process of establishing an effective teaching and learning community, providing instruction guidance for students, and incorporating critical thinking exercises into the workload are all crucial steps. As mentioned in Surah Az-Zumar 39:9, "Are those equal, those who know and those who do not know? Those endued with understanding receive admonition."



MEMAHAMI OBJEKTIF MEMBELI EMAS: PELABURAN, PERHIASAN DAN SUMBER TUNAI MASA HADAPAN

SITI HAJAR MD JANI

Emas merupakan logam yang tidak hanya berharga dari segi material, tetapi juga mempunyai nilai signifikan dari perspektif Islam. Dalam sejarah peradaban manusia, emas telah diiktiraf sebagai simbol kekayaan dan kestabilan. Dalam Islam, emas juga memainkan peranan penting, terutamanya dalam konteks *mas kahwin*, di mana ia melambangkan harta yang sah dan bernilai bagi pihak wanita. Emas menjadi pilihan utama ramai orang bukan sahaja kerana keindahannya, tetapi juga sebagai alat untuk melindungi kekayaan dari inflasi dan ketidakstabilan ekonomi.

Namun, sebelum membeli emas, seseorang perlu memahami tujuan dan objektif di sebalik pembelian tersebut. Adakah untuk pelaburan jangka panjang, sebagai perhiasan, atau untuk kemudahan tunai melalui institusi pajak gadai Islam? Artikel ini akan membincangkan kepentingan memahami objektif membeli emas, jenis-jenis emas yang sesuai, serta perbezaan antara emas yang dipakai dan emas yang disimpan.

Emas dalam Perspektif Islam

Islam mengiktiraf emas sebagai salah satu komoditi yang mempunyai nilai tinggi. Dalam perkahwinan, emas sering digunakan sebagai "mas kahwin", di mana ia dianggap sebagai harta sah yang diberikan oleh suami kepada isteri. Ini menunjukkan bahawa emas bukan sekadar logam, tetapi juga lambang tanggungjawab dan nilai yang diberikan kepada pihak wanita.

Selain itu, Islam juga mengharamkan lelaki daripada memakai emas dalam bentuk perhiasan kerana dianggap sebagai bentuk keangkuhan dan pembaziran. Namun, lelaki digalakkan untuk memiliki emas dalam bentuk kepingan atau dinar sebagai satu bentuk pelaburan. Wanita pula dibenarkan memakai emas sebagai perhiasan kerana sesuai dengan sifat semulajadi mereka yang suka kepada kecantikan.



Gambar 1: Emas dalam bentuk barang kemas

Jenis-jenis Emas: Perhiasan dan Pelaburan

Emas boleh didapati dalam pelbagai bentuk, namun yang paling biasa ialah barang kemas, kepingan emas, jongkong emas dan dinar emas. Setiap jenis emas ini mempunyai kegunaan dan objektif tersendiri.

1) Barang Kemas

Barang kemas bukan sahaja digunakan untuk perhiasan, tetapi juga sebagai aset mudah cair yang boleh dipajakkan di mana-mana institusi pajak gadai Islam seperti Ar-Rahnu. Ini memudahkan pemilik emas, terutamanya wanita, untuk mendapatkan tunai segera apabila memerlukan. Selain menjadi simbol kecantikan, barang kemas boleh dianggap sebagai 'aset simpanan' yang boleh digunakan dalam masa kecemasan.

2) Kepingan Emas Dinar Emas dan Jongkong Emas

Kepingan emas, dinar dan jongkong biasanya dibeli untuk tujuan pelaburan. Ia tidak digunakan secara harian, tetapi disimpan dengan niat untuk dijual pada masa akan datang apabila harganya meningkat. Lelaki digalakkan untuk membeli emas dalam bentuk ini kerana ia selaras dengan shariah, di mana mereka dilarang memakai emas sebagai perhiasan.

Namun begitu, satu perkara yang perlu diambil kira ialah tidak semua institusi pajak gadai Islam menerima kepingan emas atau dinar. Ini disebabkan risiko penipuan, di mana kepingan emas tersebut mungkin hanya disalut emas pada bahagian luar, manakala bahagian dalamnya adalah logam lain seperti besi.



Gambar 2: Emas dalam bentuk jongkong dan syiling dinar

Kadar Zakat untuk Emas yang Disimpan dan Emas yang Dipakai

Zakat emas berbeza, sama ada emas tersebut disimpan atau dipakai. Berikut adalah kadar zakat emas:

1. Emas yang Disimpan

Emas yang disimpan dan tidak digunakan perlu dikenakan zakat jika melebihi nisab (85 gram). Kadar zakat adalah sebanyak 2.5% daripada jumlah keseluruhan emas yang disimpan selama setahun.

2. Emas yang Dipakai

Emas yang dipakai sebagai perhiasan tidak diwajibkan zakat selagi kuantitinya tidak melebihi kadar *uruf* (kebiasaan) yang ditetapkan di setiap negeri di Malaysia. Jika kuantiti emas perhiasan yang dimiliki melebihi uruf, maka zakat 2.5% akan dikenakan terhadap jumlah lebihan tersebut.



Gambar 3: Emas palsu

Pelaburan Emas: Jangka Masa Panjang vs Jangka Masa Pendek

Mereka yang ingin membeli emas untuk tujuan pelaburan perlu memahami bahawa emas adalah aset yang sesuai untuk simpanan jangka panjang. Nilai emas cenderung meningkat dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun. Oleh itu, mereka yang membeli kepingan emas, jongkong dan dinar perlu bersedia menyimpan emas tersebut untuk tempoh yang lebih lama bagi mendapatkan keuntungan yang maksimum.

Sebaliknya, dalam jangka masa pendek, keuntungan daripada emas sukar diperolehi kerana harganya tidak selalu naik dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, bagi mereka yang memerlukan kecairan segera atau ingin menggunakan emas sebagai alat pajakan, barang kemas adalah pilihan yang lebih praktikal.

Emas sebagai Aset Usahawan dan Wanita

Usahawan dan wanita digalakkan untuk membeli barang kemas kerana ia mudah dipajakkan di institusi pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu. Dalam dunia perniagaan, aliran tunai yang lancar amat penting, dan emas boleh menjadi sumber kecairan segera apabila diperlukan. Dengan adanya barang kemas yang mudah dipajakkan, usahawan boleh

mendapatkan dana tunai untuk menampung modal perniagaan tanpa perlu melalui proses birokrasi yang rumit di bank.

Kesimpulannya, memahami objektif membeli emas adalah penting bagi memastikan pelaburan atau simpanan yang dibuat memberi manfaat yang optimum. Bagi tujuan pelaburan jangka panjang, kepingan emas atau dinar adalah pilihan terbaik. Manakala bagi tujuan perhiasan dan pajakan, barang kemas lebih sesuai kerana mudah diterima oleh institusi pajak gadai Islam. Setiap individu perlu menimbang tara tujuan mereka sebelum membeli emas, sama ada untuk kecantikan, simpanan, atau pelaburan.



KEPENTINGAN ILMU UNTUK MENJADI PELABUR BIJAK

MUSTAFA KAMAL MAT & SAFLINA AZIS

Seiring dengan perkembangan ekonomi global dengan pelbagai pilihan pelaburan yang tersedia, pelabur yang bijak memerlukan pemahaman yang mendalam tentang konsep-konsep kewangan, analisis pasaran, dan strategi pelaburan. Kepentingan ilmu dalam pelaburan tidak boleh dipandang remeh, kerana ia mampu membantu individu membuat keputusan yang tepat, di samping dapat mengurangkan risiko kerugian. Berikut merupakan enam sebab mengapa perlunya ilmu untuk menjadi pelabur bijak.

Memahami Asas Kewangan

Salah satu aspek terpenting dalam pelaburan adalah memahami asas kewangan. Ini termasuk pengetahuan tentang jenis-jenis aset, seperti saham, bon, dan harta tanah. Setiap jenis aset mempunyai ciri-ciri tersendiri yang mempengaruhi risiko dan pulangan. Sebagai contoh, saham mungkin menawarkan pulangan yang lebih tinggi tetapi datang dengan risiko yang lebih besar berbanding bon yang lebih stabil. Dengan memahami perbezaan ini, pelabur dapat memilih aset yang sesuai dengan matlamat kewangan dan toleransi risiko mereka.

Analisis Pasaran

Ilmu juga memainkan peranan penting dalam analisis pasaran. Pelabur yang bijak perlu tahu bagaimana untuk membaca dan menganalisis laporan kewangan syarikat serta memahami indikator ekonomi yang mempengaruhi

pasaran. Ini termasuk analisis teknikal dan fundamental. Analisis teknikal melibatkan pemerhatian terhadap carta harga dan jumlah dagangan untuk meramalkan pergerakan harga di masa hadapan, manakala analisis fundamental menilai nilai intrinsik sesuatu aset berdasarkan prestasi kewangan syarikat dan keadaan ekonomi secara keseluruhan.

Strategi Pelaburan

Dengan pengetahuan yang mendalam tentang pasaran, pelabur dapat merumuskan strategi pelaburan yang berkesan. Terdapat pelbagai pendekatan seperti pelaburan jangka panjang, dagangan harian, atau strategi nilai. Setiap pendekatan mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Pelabur yang bijak akan memilih strategi yang sesuai berdasarkan pengetahuan mereka tentang pasaran serta matlamat kewangan peribadi mereka. Tanpa ilmu, pelabur mungkin terjebak dalam strategi yang tidak sesuai dan menghadapi kerugian.

Mengurus Risiko

Salah satu cabaran terbesar dalam pelaburan adalah mengurus risiko. Ilmu membolehkan pelabur mengenal pasti risiko-risiko yang mungkin timbul dan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkannya. Ini termasuk diversifikasi portfolio, di mana pelabur membahagikan pelaburan mereka kepada beberapa jenis aset untuk mengelakkan kerugian besar jika satu aset mengalami kemerosotan. Selain itu, pengetahuan tentang alat-alat pengurusan risiko seperti opsyen juga dapat membantu pelabur melindungi diri mereka daripada turun naik pasaran.


Membaca Berita Ekonomi

Dalam dunia yang sentiasa berubah ini, berita ekonomi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pasaran. Pelabur yang berilmu akan sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui sumber-sumber berita ekonomi dan analisis pasaran. Dengan cara ini, mereka dapat membuat keputusan yang lebih baik berdasarkan maklumat terkini. Pengetahuan tentang faktor-faktor seperti kadar faedah, inflasi, dan dasar monetari juga membantu pelabur meramalkan arah aliran pasaran.

Pembelajaran Berterusan

Dunia kewangan sentiasa berubah dengan kemunculan teknologi baru, perubahan dalam undang-undang, dan dinamika pasaran global. Oleh itu, seorang pelabur bijak harus sentiasa memperbaharui pengetahuan mereka melalui kursus, seminar, atau membaca

buku-buku berkaitan pelaburan. Pembelajaran berterusan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran tetapi juga membina keyakinan dalam membuat keputusan pelaburan.



Gambar 1: Enam Sebab Utama Kepentingan Ilmu Pelaburan

Secara keseluruhannya, ilmu adalah kunci utama untuk menjadi seorang pelabur yang bijak. Dengan memahami asas kewangan, menganalisis pasaran dengan tepat, merumuskan strategi yang sesuai, mengurus risiko dengan bijak, dan mengikuti perkembangan terkini dalam dunia ekonomi, individu dapat meningkatkan peluang mereka untuk mencapai kejayaan dalam pelaburan. Dalam era di mana maklumat mudah diakses, tidak ada alasan untuk tidak melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan pelaburan yang bijak dan menguntungkan.



THE IMPACT OF THE GIG ECONOMY ON CAREER PATHWAYS FOR HIGHER EDUCATION STUDENTS

SAZLIN SUHALMIE BINTI MOHD SHARIFF


The gig economy, characterized by temporary and flexible jobs, has become increasingly prevalent in the modern workforce, and its impact on the career choices of higher education students is a topic of significant interest (Abraham et al., 2018). As the gig economy continues to expand, it is therefore crucial to understand how it shapes the aspirations and career decisions of students pursuing higher education.

Advantages of the Gig Economy for Students

One key aspect of the gig economy's influence is its ability to provide alternative earning opportunities for students. Specifically, gig work, such as freelancing, driving for rideshare services, or completing online tasks, offers students a flexible way to supplement their income while managing academic responsibilities. This flexibility, in turn, can be particularly appealing to students with financial obligations, as it allows them to choose their work schedules and, potentially, earn more than through traditional part-time jobs. Consequently, many students

find that the gig economy enables them to maintain a healthier work-life balance alongside their studies.

Moreover, the gig economy exposes students to a diverse range of career paths and skills, which can significantly influence their future career choices. For example, students who engage in gig work often develop entrepreneurial skills, gain experience across various industries, or even discover new areas of interest that they had not previously considered (Singh, 2023). As a result, the gig economy not only provides financial benefits but also broadens students' professional horizons, contributing to a more holistic learning experience.



Picture 1: Advantages of the Gig Economy for Students

Challenges and Limitations

However, despite these benefits, the gig economy also presents certain challenges for higher education students. Notably, the lack of job security, benefits, and stable income associated with gig work can create uncertainty and financial instability. This reality, in effect, might deter some students from pursuing this type of employment, particularly if they are seeking long-term stability (Hsieh et al., 2023). Furthermore, the gig economy's emphasis on short-term, project-based work may not always align with the more traditional

career paths that students have been exposed to, thereby necessitating greater career exploration and planning.



Picture 2: Challenges and Limitations of the Gig Economy for Students

The Role of Higher Education Institutions

In light of these challenges, higher education institutions can play a crucial role in supporting students navigating the gig economy. By offering career counselling, workshops on financial planning, and skill-building opportunities, universities can help students acquire the necessary tools and knowledge to make informed decisions about their career paths (Chritton, 2006; Singh, 2023; Hsieh et al., 2023; Datta et al., 2023). Furthermore, integrating discussions about the gig economy and its implications for the future of work into academic curricula can help students better understand and prepare for the changing employment landscape (Datta et al., 2023; Hsieh et al., 2023).

In summary, while the gig economy presents both opportunities and challenges for higher education students, understanding and addressing these factors can empower students to make more informed and strategic career choices. By acknowledging the diverse ways in which the gig economy influences students' lives, higher education institutions can foster a more adaptable and resilient workforce that is prepared for the evolving demands of the job market.

References

- Abraham, K. G., Haltiwanger, J., Sandusky, K., & Spletzer, J. R. (2018). *Measuring the gig economy: Current knowledge and open issues* (Working Paper No. 24950). National Bureau of Economic Research. <https://doi.org/10.3386/w24950>
- Datta, N., Chen, R., Singh, S., Stinshoff, C., Iacob, N., Nigatu, N. S., Nxumalo, M., & Klimavičiūtė, L. (2023). *Working without borders: The promise and peril of online gig work*. The World Bank. <https://doi.org/10.1596/40066>
- Hsieh, J., Adisa, O., Bafna, S., & Zhu, H. (2023). *Designing individualized policy and technology interventions to improve gig work conditions*. ACM. <https://doi.org/10.1145/3596671.3598576>
- Singh, D. (2023). *Theoretical integration of gig economy: Exploring various prospects, challenges, and regulatory measures*. *International Journal of Finance and Management Research*, 5(1). <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i01.4860>



SUSTAINING EV GROWTH FOR MALAYSIA'S LOW- CARBON FUTURE


**SHAHRUL AMRI AB WAHAB &
SYAZLIANA KASIM**

The hotter dry spell that we experienced earlier this year, followed by the recent floods that hit several northern states in Malaysia, might just be part of climate change manifestations. This global phenomenon, which also threatens food security and health, is now a key concern in many parts of the world. In response, many countries have now adopted the reduction of greenhouse gases (GHG) as the central theme of their national plans and policies.

Malaysia is no different. Besides the planned Climate Change bill that will be tabled soon, the Madani Government too has in August 2023 introduced a policy named National Energy Transition Roadmap (NETR) – primarily designed to reverse global warming and climate change through 50 initiatives. One of the initiatives aims to reduce carbon emissions from the transportation sector, which is Malaysia's second largest contributor to GHG, by shifting towards electrification.

Built on the existing targets outlined by Low Carbon Mobility Blueprint 2021-2030 (LCMB) and National Energy Policy 2022 - 2024 (NEP), the said initiative aims to achieve

at least 15% (equivalent to 100,000 units) of electric vehicles (EVs) out of the total industry volume (TIV) by 2030 and 38% by 2040.



Picture 1: National Energy Transition Roadmap (NETR)

Even though some experts initially argued against the ability of EVs to reduce nett GHG emissions in countries whose electricity generation relies heavily on fossil fuels, the argument was refuted by a 2020 study published in the prestigious Nature Sustainability Journal. Authored by researchers from universities of Exeter and Cambridge in the UK and Nijmegen in the Netherlands, the study concludes that the level of GHG produced at the power plants to fuel EVs is lower than the GHG emitted by conventional vehicles. Hence, the aspiration to increase the number of EVs in Malaysia befits the fight against climate change.

Until July this year, there were over 29,000 units of EVs on Malaysian roads, and almost one-third of them were registered in the first seven months of 2024. It is also important to emphasise that to date, the only new EVs available in the Malaysian market are the ones priced at RM100,000 or more following the restrictions set by the Investment, Trade and Industry Ministry (MITI) on imported new EVs. The growth would probably reach a new high when cheaper, locally assembled EVs enter the market at the end of this year once Proton launches its first EV, followed by the Rembau-assembled Dongfeng Nammi 01 in early 2025, and Perodua's EV end of next year.

While the figures have so far been encouraging, we should not be complacent as the growth might turn transient if we neglect the other factors (apart from price) that may inhibit consumers from purchasing EVs – as indicated by a team of University of Texas' researchers in their recently-published article. It is therefore wise to chart our way forward based on these factors to maintain the growth momentum.

After analysing 537 academic publications from more than 15 countries that discuss the barriers and motivators to the adoption of EVs, the aforementioned researchers concluded that limited driving range and lengthy charging time are the most critical factors that impede the acceptance of EVs. Reducing anxiety issues related to these problems is hence necessary to boost EV sales.

As a quick fix, several EV models come with detachable batteries to enable battery swapping. Instead of spending hours to charge the battery, the driver can just exchange the discharged battery for a fully charged one. This measure, however, does not resolve the underlying issues mentioned earlier.

Although many believe that the task of fixing these problems should be left to the EV manufacturers, the Malaysian government can play a proactive role by encouraging local scientists at local universities and institutions to collaborate with EV manufacturers to overcome these barriers. Not only could this move accelerate the improvement of EVs, but it could also enhance the capability of our local talents and the reputation of our universities. This in turn would entice investors to make Malaysia their centre of EV research & development and will subsequently create high-paying jobs.

The second vital determinant of EV adoption is the adequacy of charging infrastructure. While the availability of chargers in urban areas like Klang Valley and Penang is not currently a concern, the same could not be said for less developed areas. The obvious solution is, of course, to increase the number of chargers in these areas as outlined in LCMB, but the government must first remove the major obstacles standing in the way of pursuing this goal.



Picture 2: An EV at a charging station

At present, charging point installation proposals are often met with slow approval process by the local councils. Thus, there is a necessity for the federal government to intervene to make it more efficient. Aside from that, some incentives like lower interest rates or grants can be afforded to smaller private operators to deploy charging stations in rural areas as many find such task financially challenging.

Alternatively, charge point operators can also explore more innovative solutions, such as schedule-based mobile charge points that work like 'pasar malam' or 'pasar tani', or mobile charge points on-demand to cater to short-lived demand surges in certain areas.

In addition to sufficient charging facilities, the same research paper also states that government policies should make owning an EV economically comparable, if not better, than conventional vehicles. Issues such as charging cost per kilometre, resale value, and battery replacement cost are among the major cost-related concerns expressed by consumers. To tackle these issues, we can emulate the strategies used by a number of other countries, like the USA and China, that have successfully driven EV sales up along with our existing policies.

The final significant factor that warrants government intervention is the belief that electric vehicles (EVs) truly benefit the environment. To instill such belief, the government can fully exploit the media to present EVs from an environmental perspective. We can also use respected public figures to communicate how EVs can help reverse global warming and

eventually save people from the negative effects of climate change to increase the message's acceptance.

If our government works hand in hand with industry players and local researchers to address these factors, we can sustain the growth momentum and attain the goal of 38% EV usage of the country's TIV by 2040 or earlier, as these four factors exert the most significant impact on EV purchase decisions.



VARSITY'S ORIENTATION: TIME FOR A FRESHER AIR!

**SYAZLIANA KASIM & SHAHRUL AMRI AB
WAHAB**

In today's fast-paced and ever-changing world, universities are under increasing pressure to stay relevant. One of the most important yet often overlooked areas that demands attention is the university orientation program. Traditionally, orientation has been seen as a brief period where new students are introduced to campus facilities, meet academic staff, and attend introductory lectures. However, as universities strive to remain meaningful in the 21st century, it is becoming clear that the traditional orientation model no longer meets the needs of today's diverse student body.

Why the Traditional Orientation Is No Longer Enough

The university experience has evolved dramatically over the past few decades. With advances in technology, globalization, and changing societal expectations, the expectations of students entering higher education have also changed. Today's students are not just looking for academic excellence; they are seeking holistic personal development, career preparation, and a sense of belonging. Orientation programs, which often last just a few days, tend to be too focused on administrative logistics and academic formalities, failing to address these deeper needs.

One of the key shortcomings of traditional orientation is its emphasis on information overload. New students are bombarded with facts about course registration, library systems, and campus rules in a short amount of time. While these are important, they can easily be communicated through digital platforms before students even step foot on campus. What is needed is a reimagining of orientation as a more dynamic, continuous process that goes beyond the first week and focuses on helping students adjust to university life in a more meaningful way.

Emphasizing Well-Being and Mental Health

University is a significant life transition, and it can be overwhelming for many students, particularly those who are away from home for the first time. While traditional orientation may offer a cursory mention of mental health services, it often fails to provide students with the tools they need to manage the emotional and psychological challenges that come with university life. Research consistently shows that mental health issues among university students are on the rise, and without the proper support systems in place, this can have a detrimental impact on academic performance and student retention.

A rejuvenated orientation program should place mental health and well-being at its core. Rather than a one-time session on where to find the counseling center, orientation should introduce students to strategies for managing stress, coping with homesickness, and balancing academic and personal responsibilities. Peer mentorship programs, wellness workshops, and ongoing support groups can be invaluable in helping students navigate the emotional complexities of university life.

Fostering a Sense of Belonging and Inclusion

Universities are increasingly diverse environments, attracting students from a wide range of cultural, social, and economic backgrounds. One of the key challenges of university life for many students is the feeling of isolation and not belonging. Traditional orientation programs, which often focus on broad, one-size-fits-all messages, fail to address the unique needs of students from different backgrounds.

A modern, relevant orientation should actively foster a sense of community and inclusion. This could include creating specific programs tailored to the needs of international students, first-generation university attendees, and students from marginalized communities. Orientation should go beyond simply introducing students to the physical campus; it should introduce them to the social networks and support systems that will help them thrive. Creating spaces where students can connect with others who share their experiences and challenges can go a long way in helping them feel like they belong.

Integrating Career Preparation and Life Skills

One of the primary reasons students attend university is to prepare for their future careers. Yet, traditional orientation programs rarely make career preparation a priority. In many

cases, students are left to figure out how to navigate career services, internships, and job opportunities on their own, often missing out on valuable resources until it's too late.

To remain relevant, orientation programs should integrate career preparation from day one. This could involve workshops on resume building, networking, and job search strategies, as well as introducing students to career advisors early on. Universities should also consider including sessions on practical life skills that will serve students well beyond their time on campus, such as financial literacy, time management, and interpersonal communication.

These skills are crucial not only for academic success but for personal and professional growth. By embedding these elements into orientation, universities can equip students with the tools they need to succeed both during their studies and after graduation.

Leveraging Technology to Enhance the Experience

In an age where technology permeates every aspect of life, universities must adapt their orientation programs to include digital tools and platforms that enhance the student experience. While many universities now offer some form of online orientation, these are often limited to basic logistical information. There is a significant opportunity to use technology in more creative ways to engage students and help them transition to university life.

For instance, universities could create interactive mobile apps that guide students through their first semester, providing them with personalized resources, campus maps, and event notifications. Virtual reality (VR) could be used to give students immersive campus tours or simulate real-life scenarios they might face during their time at university. Social media platforms can also be harnessed to create online communities where new students can connect with each other, share experiences, and seek advice.

By leveraging technology, universities can make orientation more accessible, engaging, and relevant to the digital generation.

Making Orientation an Ongoing Process

Perhaps the most important shift that needs to happen in university orientation is the recognition that it should not be a one-off event. Transitioning to university is not something that happens over a single week. It is a process that unfolds over the entire first year and beyond. A modern orientation program should reflect this reality by providing ongoing support and resources throughout a student's university journey.

This could involve a series of follow-up events, workshops, and check-ins throughout the first semester and into the second year. By maintaining a continuous connection with students, universities can help them navigate the challenges they face at different stages of their academic and personal development.

Time to Reimagine Orientation

In conclusion, as universities strive to remain relevant in an increasingly complex world, it is crucial that they reimagine their orientation programs. The traditional model, with its focus on administrative logistics and information overload, is no longer sufficient. A rejuvenated orientation should place greater emphasis on mental health, foster a sense of belonging, integrate career preparation, leverage technology, and extend support beyond the first week.

By adopting these changes, universities can create a more meaningful, supportive, and relevant orientation experience that truly meets the needs of today's diverse and dynamic student population. It is time to move beyond the outdated approach and embrace an orientation program that prepares students not just for university, but for life.



AR-RAHNU: MEMBANTU ATAU MENGAUT KEUNTUNGAN?

SITI HAJAR MD JANI

Pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu adalah salah satu daripada alat pembiayaan mikro yang disediakan untuk membantu mendapatkan tunai segera dan mudah dengan memajakkan emas bagi tujuan mendapatkan pinjaman. Pada awalnya ianya terkenal untuk golongan berpendapatan rendah kerana mereka sukar mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan atas faktor syarat yang sukar untuk dipenuhi. Lama-kelamaan Ar-Rahnu meluas digunakan untuk pelbagai tujuan seperti untuk tujuan memulakan perniagaan dan tujuan pendidikan.

Ar-Rahnu menjadi pilihan dalam membuat pinjaman kerana ianya mudah tanpa pelbagai syarat, boleh mendapatkan tunai segera pada hari yang sama, ianya berlandaskan shariah, proses telus kerana pengujian dan timbangan emas dibuat di hadapan pelanggan serta ia mempunyai jaminan keselamatan emas yang di pajakkkan oleh penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu. Namun, kadar upah yang dikenakan oleh Ar-Rahnu, masih menjadi persoalan, adakah ianya betul-betul mahu membantu golongan yang memerlukan atau mahu mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang tinggi melalui golongan yang tidak dapat memohon pinjaman dalam sistem perbankan atau institusi kewangan di arus perdana.

Contohnya seperti kes di bawah:

Gambar1: Kadar Pembiayaan dan upah Ar-Rahnu disebuah bank di Malaysia

Tarikh Gadaian	: 20/05/2024	Jumlah	: RM 58,090.00	
Tarikh Matang	: 20/11/2025	Pembayaran	:	
Tempoh	: 18 Bulan	Bayaran	:	
Pembiayaan		Keuntungan		
Cara Bayaran	: Setiap 6 bulan	Bayaran Keuntungan	Tarikh	
Keuntungan		Pertama	20/11/2024	
Jumlah	: RM 11,140.31	Kedua	20/05/2025	
Keuntungan		Ketiga	20/11/2025	
Harga Jualan	: RM 69,230.31	No. Sekuriti	: 10000555	
No. Kotak	: 00013	Jumlah		
Nilai Marhun	: RM 72,613.60	Pembayaran Lama	: N/A	
KETERANGAN MARHUN				
Bil	Marhun	Karat	Berat (gm)	Nilai marhun (RM)
1	RANTAI TANGAN UD	22K	62.12	23,755.93
2	RANTAI LEHER UD	22K	61.09	23,362.04
3	RANTAI TANGAN UD	22K	21.69	8,294.69
4	RANTAI TANGAN UA	22K	11.73	4,485.79
5	GELANG TANGAN UA	21K	12.78	4,665.21
6	CINCIN UD	3C	22K	13.67
7	CINCIN UD	2C	22K	7.38
				190.46
				72,613.60

Gambar 2: Kadar keuntungan pinjaman peribadi yang dikenakan oleh sebuah bank di Malaysia

Amaun Pembiayaan (RM)	Tempoh (Tahun) / Kadar Terapung (Asas Bulanan)									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Kadar Terapung	KAS + 2.52% = 5.52%					KAS + 2.77% = 5.77%				
Kadar Tetap	3.02%	2.93%	2.91%	3.06%	3.07%	3.09%	3.11%	3.14%	3.16%	3.19%
5,000	430	221	152	117	97	83	73	66	60	55
10,000	859	442	303	234	193	165	145	131	119	110
20,000	1,717	883	605	468	385	330	290	261	238	220
30,000	2,576	1,324	907	702	577	494	435	391	357	330
40,000	3,434	1,765	1,209	936	770	659	580	522	476	440
50,000	4,293	2,206	1,511	1,169	962	824	725	652	595	550
60,000	5,151	2,647	1,813	1,403	1,154	988	870	782	714	660

Berdasarkan dua rajah di atas adalah: 1) contoh kadar pembiayaan dan upah Ar-Rahnu disebuh bank di Malaysia , 2) contoh kadar keuntungan pinjaman peribadi yang dikenakan oleh salah sebuah bank di Malaysia. Pada rajah 1, dapat kita lihat pinjaman dana Ar-Rahnu yang bernilai RM58,090.00 dalam tempoh 6 bulan pertama kadar upah dikenakan adalah sebanyak RM3730.30. Ini bersamaan RM621.72 sebulan atau 6.42% bagi 6 bulan, dan jatuh 1.07% sebulan. Dalam kes pinjaman tersebut, seandainya pelanggan mahu melunaskan dalam tempoh 6 bulan maka, setiap bulan perlu membayar RM9682 (pinjaman) + kadar upah sebulan RM 621.72 = RM 10,303.72 sebulan. Ini menjadikan liabiliti bulanan pelanggan Ar-Rahnu sangat tinggi.

Bagi mendapatkan kadar upah rendah serta mengurangkan risiko, pelanggan perlu melunaskan atau menebus barang gadaian dengan kadar segera. Seandainya pelanggan memerlukan masa sehingga setahun untuk menebus barang gadaian, kadar upah menjadi 12.84% setahun. Oleh itu, sekiranya pelanggan adalah usahawan, perniagaan mereka perlu perniagaan yang betul-betul produktif dalam menjana keuntungan. Andai perniagaan sebaliknya, ianya akan membebankan dan kemungkinan untuk barang gadaian tidak dapat di tebus adalah tinggi.

Jika dibandingkan dengan kadar keuntungan yang dikenakan oleh salah sebuah bank (rajah 2) terhadap pinjaman peribadi adalah hanya 2.91% setahun untuk kadar pinjaman 3 tahun. Ini bermaksud seandainya pinjaman bernilai RM58090.00 kadar keuntungan 2.91% setahun adalah bersamaan dengan RM141.00 sebulan atau RM846 bagi tempoh 6 bulan. Dan bayaran bulanan untuk pinjaman beserta kadar keuntungan berdasarkan jumlah pinjaman RM58090.00 adalah hanya RM1754.61 sebulan selama 3 tahun.

Namun, terdapat beberapa faktor tarikan yang menyebabkan pelanggan terpaksa memilih Ar-Rahnu bagi mendapatkan dana, antaranya adalah:

- a) Ingin mendapatkan tunai segera
- b) Tidak layak meminjam dengan perbankan atau institusi kewangan di arus perdana
- c) Mahukan pinjaman berjangka masa pendek
- d) Tidak mahu mengikuti karenah biokrasi yang terdapat dalam pinjaman perbankan atau institusi kewangan.
- e) Nilai pinjaman yang tidak banyak.

Kesimpulannya, setiap pinjaman yang mahu dibuat perlu ditimbang tara sebelum membuat keputusan peminjaman. Ar-Rahnu tidak dapat dinafikan sangat membantu dalam mendapatkan pinjaman mudah dan fleksibel. Seandainya nilai pinjaman yang dikehendaki tidak banyak, ia masih sesuai dipilih bagi jangka masa pendek. Seandainya nilai pinjaman yang tinggi diperlukan, pengguna perlu tahu implikasi pinjaman yang perlu ditanggung.



KEPENTINGAN PENGKHUSUSAN “TAKHASUS” DALAM KUALITI KEILMUAN

AFIZAN AMER


Penguasaan ilmu pengetahuan dalam diri ahli ilmu dan pendekatan integratif dalam pendidikan banyak dibicarakan orang. Ianya bukan saja menuntut pemerincian tetapi juga kejelasan kandungan dan juga proses aplikasinya. Kemajuan dan pembangunan suatu negara banyak bergantung kepada jenis manusia atau modal insan yang dilahirkan oleh sistem pendidikannya.

Dalam konteks keilmuan yang bersifat integratif bukan saja dari segi kandungan ilmu perlu diperkuuhkan kembali tetapi juga metodologi pengajaran-pembelajarannya memerlukan tinjauan yang serius. Ilmu yang berasaskan nilai-nilai peradaban dan nilai-nilai etika perlu diperkuuhkan seiring dengan fokus terhadap merit akademik, sains dan teknologi supaya integrasi antara keduanya menyumbang ke arah penyuburan kualiti holistik pada diri para ahli ilmu atau orang yang alim dalam bidang pengkhususannya.

Pendidikan pula dari keilmuannya adalah proses mengadabkan insan. Pada tanggapan Barat pendidikan dikaitkan dengan proses memindahkan maklumat,

ketrampilan dan pengalaman dari seorang ahli ilmu kepada penuntut ilmu atau dari pensyarah kepada pelajar. Antara ilmu dan adab seharusnya adab diutamakan. Jika sekadar ilmu menjadi ukuran maka syaitan itu jauh lebih berilmu dari manusia.

Tradisi keilmuan Islam dalam pendidikan sering menghubungkan pendidikan dengan pembangunan potensi insan. Manusia tidak hanya memiliki kekuatan akal atau minda tetapi Allah mengurniakan manusia dengan potensi rohaniah dan jasmaniah. Ketiga-tiga potensi memerlukan penyuburan yang seimbang.



Gambar 1: Mutiara Kata Imam Syafie

Dalam perkembangan pengkhususan ilmu seseorang ahli ilmu itu harus mempunyai pengetahuan seperti huruf T. Kepakaran dalam satu bidang, pengetahuan mendalam tentang bidang tertentu yang diceburinya tetapi dia juga harus mempunyai pengetahuan asas mengenai bidang lain hanya sekiranya mereka perlu mengaitkan bidang ilmu mereka dengan bidang ilmu lain atau apabila tidak ada lagi keperluan jenis tertentu pekerjaan, dia akan mempunyai pilihan dan dia tidak perlu bermula dari kosong. Kita sudah tentu tidak akan alim dalam semua bidang ilmu.

Yang bergelar ahli ilmu perlu ingat dengan memberikan fokus kepada pengupayaan akal saja tidak melengkapi sifat pembangunan diri yang menyeluruh. Membangunkan rohani dan jasmani tanpa memberikan fokus kepada akal tidak juga menepati proses pembangunan insan. Menyuburkan kualiti rohaniah, akliah dan jasmaniah secara


seimbang adalah pendekatan yang amat serasi dengan proses pembangunan insan (nurturing process).

Asas ilmu yang diperlukan oleh manusia ialah dua, iaitu ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem. Insan diciptakan sebagai suatu unit sistem yang mempunyai hikmah dan peranannya sendiri. Sifat baik, amanah, adil, jujur, ikhlas dan lain-lain adalah sifat-sifat hati yang ada pada diri. Fitrah manusia atau insan tadi memerlukan nilai sebagai ukurara mengurus diri dan sistem.

Bagi yang memiliki keteguhan nilai keilmuan seharusnya menjadikannya landasan mengurus diri dan sistem. Bagi yang berpedoman nilai-nilai tradisi dan nilai-nilai semasa aspek etika adalah amat penting. Ianya amat relevan dalam masyarakat yang berbilang kerana kecenderungan berinteraksi antara kaum yang berbilang adalah aktif.

Tanpa adanya asas nilai dan etika yang memberikan pedoman dan batasan, dinamika sosial tidak akan wujud secara positif. Tanpa asas pengkhususan ilmu kita akan didorong untuk mengeluarkan pendapat yang bukan dari bidang pengkhususan ilmu kita.

Seorang ahli ilmu Al-Quran Imam Zarkasyi, pengarang kitab al-Burhan fi 'Ulumi al-Qur'an , yang mengatakan bahawa, Ulum al-Qur'an (ilmu Al-Quran) mempunyai 47 cabang ilmu, di mana jika seseorang mengejar hanya satu ilmu cabang ilmu darinya, maka dia tidak akan dapat menyempurnakannya sehingga dia meninggal dunia, "dan ini juga ditegaskan pada zaman Imam Suyuthi, dikatakan cabangnya ilmu al-Quran itu telah bertambah menjadi 80 cabang. Jadi bagaimana kita dapat mengatakan bahawa kita merupakan pakar dalam sesuatu bidang keilmuan itu.



Gambar 2: Cabang Utama Epistemologi Ilmu

Pengkhususan saintifik membawa maksud seseorang ahli ilmu itu memahami sesuatu cabang ilmu secara menyeluruh, walaupun tidak sempurna. Ilmu pemasaran misalnya, seseorang yang memahami ilmu pemasaran secara mendalam sudah tentu dapat memahami ilmu-ilmu lain seperti saluran agihan, pengiklanan, gelagat pengguna dan ilmu yang berkaitan dalam kelompok pemasaran.

Dengan memahami sesuatu cabang ilmu secara mendalam, kita berharap ada yang mampu memberikan jawapan kepada permasalahan semasa yang dihadapi oleh kelompok industri yang semakin kompleks ini tanpa terkeluar daripada apa yang telah ditetapkan oleh pakar ilmu pengkhususan tersebut. Ini juga dapat mengelakan seseorang ahli ilmu itu mengeluarkan pendapat yang lemah akibat bercakap di luar bidang pengkhususan ilmu mereka.

Walau bagaimanapun sekali lagi tidak dapat dinafikan bahawa mengetahui sesuatu ilmu dengan sempurna adalah suatu kemustahilan, sebagaimana dalam ayat al-Quran, Surah al-Kahfi yang menegaskan:

"Katakanlah! Sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhan, nescaya habislah lautan sebelum dituliskan kalimat-kalimat Tuhan, walaupun kami datangkan tambahan sebanyak itu." Ahli ilmu khususnya yang baru tamat pengajian seharusnya terus bersemangat belajar dan tidak berputus asa, kerana tiada ilmu yang tidak rumit, justeru kesukaran dalam menuntut ilmu merupakan satu kemestian yang harus dihadapi dengan kesungguhan kesungguhan.

Pembangunan masyarakat sesebuah negara seharusnya bergerak dengan kekuatan ilmu yang pelbagai dan keupayaan metodologi yang sezaman. Pengurusan negara yang menggalakkan masyarakat menguasai ilmu pengetahuan sebagai asas membangunkan ekonomi yang seimbang dan komprehensif akan menyuburkan kehidupan yang berkualiti.



UNDERSTANDING BRICS

SYAZLIANA KASIM

BRICS is an acronym for an association of five major emerging economies: Brazil, Russia, India, China, and South Africa. Initially coined as "BRIC" in 2001 by economist Jim O'Neill of Goldman Sachs, the grouping originally included only Brazil, Russia, India, and China. These countries were highlighted for their rapidly growing economies and potential to significantly influence global economic trends. In 2010, South Africa was added to the group, leading to the current BRICS configuration. This collective of nations represents a significant portion of the world's population, landmass, and economic output, positioning it as a formidable force in global politics and economics. This article explores the historical development, economic impact, political influence, and future prospects of BRICS.

Historical Development

The concept of BRICS originated in the early 2000s, when the global economic landscape was dominated by the advanced economies of the United States, Europe, and Japan. The inclusion of Brazil, Russia, India, and China into a single grouping was based on their potential to become global economic powerhouses. These countries were experiencing rapid industrialization, urbanization, and economic growth, which prompted speculation about their future role in the global economy.

In 2006, the BRIC nations began meeting as a formal group, with their first ministerial meeting taking place on the sidelines of the United Nations General Assembly. This marked the beginning of a more structured cooperation among these countries. The first official BRIC summit was held in Yekaterinburg, Russia, in 2009, where leaders discussed ways to enhance cooperation and reform international financial institutions like the International Monetary Fund (IMF) and the World Bank.

South Africa's inclusion in 2010 transformed BRIC into BRICS, making the group more representative of different regions across the Global South. South Africa's addition was significant as it brought in an African perspective, further diversifying the group's global influence.

Economic Impact

The BRICS nations collectively represent over 40% of the world's population and approximately 25% of global GDP. This economic clout is significant, as it challenges the dominance of traditional economic powers. The BRICS economies are characterized by large populations, vast natural resources, and diverse economic structures. Each member brings unique strengths to the group:

1. **Brazil** is a major agricultural exporter, with vast natural resources and a strong manufacturing sector.
2. **Russia** is a global energy giant, rich in oil, natural gas, and minerals.
3. **India** has a rapidly growing economy, driven by its services sector and a large, young workforce.
4. **China** is the world's second-largest economy, with a massive industrial base and a dominant position in global trade.
5. **South Africa** serves as a gateway to Africa, with a well-developed financial sector and abundant natural resources.

The BRICS countries have taken steps to reduce their dependency on Western-dominated financial institutions. In 2014, they established the New Development Bank (NDB), headquartered in Shanghai, with the aim of financing infrastructure and sustainable development projects in BRICS and other developing countries. The NDB is seen as an alternative to the World Bank and IMF, providing a platform for BRICS nations to exert greater influence over global financial governance.

Additionally, the Contingent Reserve Arrangement (CRA) was created to provide liquidity support to BRICS countries in times of economic crisis. The CRA is a financial safety net designed to address short-term balance of payments pressures and prevent financial instability within the group.

Political Influence

BRICS is not just an economic grouping; it also has significant political dimensions. The members of BRICS share a common interest in promoting a multipolar world order, where power is more evenly distributed across various global actors rather than being concentrated in the hands of a few Western nations. This aligns with their historical experiences of colonialism, economic marginalization, and political exclusion.

The BRICS nations have consistently advocated for reforming international institutions to better reflect the current global order. They have called for greater representation in the United Nations Security Council, the IMF, and the World Bank, arguing that these institutions are outdated and do not adequately represent the interests of emerging economies.

Moreover, BRICS has emerged as a platform for coordinating positions on various global issues. The group has taken unified stances on topics such as climate change, terrorism, and sustainable development. For example, at the 2015 BRICS summit in Ufa, Russia, the group reaffirmed its commitment to addressing climate change and supported the adoption of the Paris Agreement.

However, the political influence of BRICS is not without challenges. The member countries have differing political systems, economic structures, and foreign policy priorities. For instance, China and India have longstanding border disputes, and Russia's actions in Ukraine have created tensions with other BRICS members. These differences sometimes hinder the group's ability to present a united front on global issues.

Challenges and Criticisms

Despite its successes, BRICS faces several challenges. The economic growth of BRICS countries has been uneven, with some members, like Brazil and South Africa, experiencing economic stagnation or recession in recent years. Political instability and corruption have also plagued certain BRICS nations, undermining their economic potential.

Moreover, there are concerns about the dominance of China within BRICS. As the largest economy in the group, China wields considerable influence, which sometimes leads to perceptions of an unequal partnership. Some critics argue that BRICS risks becoming a platform for advancing Chinese interests rather than a truly cooperative grouping.

The lack of institutionalization within BRICS is another challenge. Unlike other international organizations, BRICS does not have a permanent secretariat or a formal treaty underpinning its operations. This lack of structure can limit the effectiveness of the group's initiatives and make it difficult to implement agreements reached at summits.

Future Prospects

The future of BRICS will largely depend on how the group navigates its internal challenges and external pressures. As global power dynamics continue to shift, BRICS has the potential to play a crucial role in shaping the 21st-century world order. To do so, the group will need to enhance its internal cohesion, deepen economic cooperation, and continue advocating for a more inclusive and equitable global governance system.

The expansion of BRICS to include other emerging economies has been discussed, with countries like Indonesia, Turkey, and Argentina expressing interest in joining the group. An expanded BRICS could further enhance its global influence, although it would also require careful management to ensure that the group remains effective and coherent.

In conclusion, BRICS is a significant player in global economics and politics, representing the aspirations of emerging economies to have a greater say in the world order. While the group faces challenges, its collective potential is undeniable. As the global landscape continues to evolve, BRICS will remain a key forum for dialogue and cooperation among some of the world's most important emerging powers.



APABILA MEDIA TIDAK BERHENTI PADA WAKTU YANG SEPATUTNYA

**SHahrul Amri Ab Wahab & Noor
Azillah Mohamad Ali**

Tanggal 20 Julai yang lalu, tular satu kes kehilangan kanak-kanak yang bernama Albertine Leo dalam satu pesta Bon Odori di Eco Galleria, Iskandar Puteri. Hasil siasatan pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) akhirnya mendapat bahawa kanak-kanak itu telah diculik dan berdasarkan laporan terkini, pelakunya sudahpun dihadapkan ke muka pengadilan.

Memandangkan kes ini telah tular sejak awal, pihak media massa seperti biasa melaporkan kes tersebut dari awal kes sehingga suspek penculikan dibicarakan di mahkamah. Walaubagaimanapun, pihak media telah melakukan satu kesilapan apabila memilih untuk terus melaporkan perkembangan kes tersebut melampaui had garis masa yang sepatutnya.

Bilakah yang dimaksudkan dengan had garis masa yang sepatutnya itu? Had garis masa laporan itu sepatutnya tamat apabila pihak polis mendedahkan bahawa suspek penculikan Albertine Leo disyaki seorang pedofil. Walaupun setelah itu media hanya menyebut 'seorang

kanak-kanak' dalam laporan seterusnya, semua orang yang mengikuti kes tersebut sudah maklum siapakah kanak-kanak yang 'dirahsiakan' identitinya itu, lebih-lebih lagi bila tempat kehilangannya disebut secara jelas dalam laporan tersebut.

Kebiasaan media tidak akan mendedahkan identiti kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual atas sebab ingin menjaga maruah kanak-kanak yang terlibat. Sekiranya si pelaku jenayah itu merupakan saudara terdekat kanak-kanak tersebut, muka tertuduh akan dikaburkan agar orang ramai tidak dapat mengenalpasti si pelaku tersebut. Namun dalam kes Albertine Leo ini, para pengarang berita kelihatan seperti tidak menggunakan kemahiran berfikir dengan baik apabila memutuskan untuk terus memberi liputan kepada kes kanak-kanak malang tersebut.

Bahkan ada sesetengah media dengan jelas menyebut nama mangsa tanpa berselindung. Tidak dapat dipastikan mengapa piawaian media bagi kes ini dilihat longgar dan bersalahan dengan piawaian sebelum-sebelum ini. Yang lebih aneh, tidak ada pihak atasan yang menegur keterlanjuran itu.



Gambar 1: Sidang media oleh Ketua Polis Negeri Johor

Di samping pihak media, pihak PDRM juga seharusnya memainkan peranan untuk tidak mendedahkan hasil siasatan yang mengaibkan mangsa dalam sidang media khususnya apabila mangsa telahpun dikenali ramai. Kendatipun begitu, kesalahan PDRM ini tidaklah seberat kesilapan yang dibuat oleh pihak media.

Semoga kejadian sebegini tidak lagi berulang pada masa hadapan. Sama-sama lah kita berdoa agar para pengarang media lebih cakna dan berfikir lebih panjang sebelum menerbitkan satu-satu laporan selepas ini, dan juga agar masyarakat melupakan apa yang telah terjadi kepada adik Albertine dalam masa terdekat ini supaya beliau boleh hidup dengan tenang.



MANFAATKAN PENINGKATAN GAJI: MENABUNG UNTUK MASA HADAPAN DAN KECEMASAN

FAKRULNIZAM JAFRI

Peningkatan gaji adalah berita baik bagi setiap pekerja. Ia sering dianggap sebagai pengiktirafan terhadap usaha keras dan pencapaian dalam kerjaya. Namun, walaupun kenaikan gaji dapat memberikan manfaat jangka pendek, ia juga membuka peluang untuk perancangan kewangan yang lebih strategik. Dalam dunia yang sentiasa berubah dan penuh mencabar kini, kemampuan dalam menguruskan sumber kewangan secara bijak menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi apabila gaji seseorang meningkat.

Namun begitu, berita berkenaan peningkatan gaji dalam kalangan kakitangan awam di Malaysia disambut penuh syukur, kebanyakan orang mungkin mudah tergoda untuk meningkatkan perbelanjaan mereka, berkira-kira untuk mula membeli barang mewah, atau menambah hutang. Ini bakal mengakibatkan ketidakstabilan kewangan jika tidak dikendalikan dengan terbaik.

Meningkatnya pendapatan bulanan adalah merupakan suatu peluang yang harus tidak perlu disia-siakan sebaliknya perlu digunakan dengan sebaik mungkin, bukan

sahaja untuk meningkatkan gaya hidup, tetapi juga untuk memastikan kewangan kekal stabil, terutama dalam menghadapi waktu-waktu kesukaran serta kecemasan yang tidak dijangka. Oleh itu, adalah sangat penting untuk menabung dari pendapatan bulanan agar apabila kecemasan berlaku, ada simpanan yang boleh digunakan tanpa perlu memikirkan tentang bebanan hutang.

Peningkatan Gaji: Berkat atau Bebanan?

Peningkatan gaji pastinya membawa kegembiraan. Ia boleh memberikan seseorang kebebasan kewangan yang lebih baik dan kemampuan untuk mendapatkan apa yang mereka idamkan selama ini. Walau bagaimanapun, peningkatan gaji juga boleh menjadi pedang bermata dua jika tidak diuruskan dengan bijak.

Sebahagian besar individu, apabila mendapat peningkatan gaji, cenderung untuk menyesuaikan gaya hidup mereka mengikut pendapatan yang lebih tinggi. Ini dikenali sebagai inflasi gaya hidup yang mana perbelanjaan bertambah seiring dengan peningkatan pendapatan. Jika seseorang tidak berhati-hati, walaupun gaji meningkat, mereka masih mungkin merasa kesulitan kewangan kerana tidak ada simpanan atau perbelanjaan mereka terus meningkat.

Menabung adalah salah satu cara paling berkesan untuk mengatasi masalah ini. Dengan disiplin yang betul, seseorang dapat menggunakan peningkatan gaji mereka untuk membina tabungan kecemasan, melabur untuk masa depan, dan mencapai matlamat kewangan yang lebih besar.



Gambar 1: Perancangan perbelanjaan adalah penting.

Kepentingan Menabung untuk Kecemasan

Kecemasan kewangan boleh datang dalam pelbagai bentuk: kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba, penyakit atau kemalangan, kerosakan besar pada rumah atau kenderaan, atau bahkan pandemik global seperti COVID-19. Situasi ini tidak boleh diramalkan, dan mereka boleh menyebabkan tekanan kewangan yang serius jika seseorang tidak bersedia.

Simpanan kecemasan adalah pelampung kewangan yang dapat memberikan sokongan apabila keadaan menjadi sukar. Pakar kewangan sering menyarankan agar kita mempunyai simpanan kecemasan yang cukup untuk menampung tiga hingga enam bulan perbelanjaan harian. Ini bermakna simpanan ini dapat membantu anda terus hidup dan membayar bil tanpa perlu segera mencari pekerjaan baru atau meminjam wang dengan kadar faedah yang tinggi.

Simpanan kecemasan bukanlah untuk digunakan sewenang-wenangnya; ia perlu disimpan dan hanya digunakan apabila benar-benar diperlukan. Mempunyai simpanan ini memberikan ketenangan fikiran dan kebebasan dari kebimbangan kewangan yang berlebihan apabila menghadapi situasi tak terduga.



Gambar 2: Pelaburan untuk simpanan jangka masa panjang.

Kesimpulannya, meningkatnya gaji adalah peluang besar untuk meningkatkan kestabilan kewangan, bukan sekadar untuk menikmati gaya hidup yang lebih mewah. Dengan menabung sebahagian daripada pendapatan bulanan, seseorang dapat bersiap sedia menghadapi keadaan kecemasan tanpa menambah beban hutang. Disiplin dalam

menguruskan kewangan, seperti membuat bajet, melunaskan hutang, dan melabur, adalah kunci untuk membina simpanan yang kukuh. Tabungan kecemasan bukan sahaja memberikan ketenangan fikiran tetapi juga kebebasan kewangan yang lebih besar serta jaminan keselamatan untuk masa depan yang tidak menentu.

Rujukan

Ayoub, H., Sawandi, N., Abdullah, Z., Jaffri, R.A. & Yu, T.C. (2006). *Duit banyak bertambah banyak*. Malaysia: PTS Professional Publishing.

Shafie, M.Z. (2015). *Zero Hutang*. Selangor, Malaysia: Galeri Ilmu.



THE 3M'S PROBLEM: IMPLICATIONS FOR OUR FUTURE PROFESSIONALS

SYAZLIANA KASIM & SHAHRUL AMRI AB WAHAB

In recent years, there has been a growing concern in Malaysia over the three basic skills of students leaving school, namely the reading, writing and calculating skills (also known as the 3Ms). Despite completing their formal education, many students enter higher education or the workforce with inadequate reading comprehension and weak mathematical abilities. This issue is not merely an academic shortfall but has far-reaching implications for the development of skilled professionals in Malaysia. As the nation strives to achieve its developed country's goals and beyond, the production of capable, critical-thinking professionals is essential for the country's economic growth and competitiveness in the global market.

One of the primary factors contributing to this issue is the curriculum and teaching approach at the school level. While Malaysia has invested heavily in education, the focus often leans towards rote memorization and exam-based assessments, leaving little room for the development of critical thinking, problem-solving, and analytical skills. Students may be able to pass exams, but they frequently lack the ability to apply what they have learned in practical, real-world situations. This deficiency becomes glaringly obvious when students transition into higher education or enter the workforce.

For reading, students often struggle with understanding complex texts or synthesizing information from multiple sources. This can hinder their ability to engage with academic materials at university, where they are expected to critically analyze, compare, and evaluate ideas. In professional environments, weak reading skills can result in miscommunication, poor decision-making, and the inability to comprehend technical documents or instructions, thus lowering overall productivity.

On the mathematical side, poor numeracy skills are equally problematic. Professions in engineering, finance, data analysis, and information technology—key sectors driving Malaysia’s economic development—require strong mathematical foundations. When students are unable to perform basic calculations, interpret data, or solve problems effectively, they become less competitive and less capable of adapting to the rapidly changing demands of these industries. Furthermore, this weakness in foundational skills limits the ability to pursue more advanced knowledge, stifling innovation and creativity in critical fields.

The long-term impact of these skill deficits could be detrimental to Malaysia’s ambitions to become a high-income nation. Without a workforce that is proficient in reading and calculating, the country risks falling behind in terms of technological advancements and global competitiveness. The shortage of skilled professionals will affect industries that rely heavily on innovation and complex problem-solving, such as engineering, healthcare, and finance. Moreover, these deficits perpetuate inequality in education and employment opportunities, as students from disadvantaged backgrounds may struggle the most with basic skills and, thus, find it difficult to break into high-paying professional roles.

To address this issue, reforms are needed at both the policy and school levels. The education system must shift from exam-centric learning to a more holistic approach that emphasizes critical thinking, problem-solving, and the practical application of knowledge. Teachers should be trained to adopt teaching methodologies that engage students in deeper learning processes, fostering both literacy and numeracy. Additionally, higher education institutions could offer remedial programs to help incoming students strengthen these fundamental skills before advancing into their chosen fields.

In conclusion, the weakness in the 3Ms skills among school leavers in Malaysia poses a significant challenge to the country’s future professional workforce. As Malaysia continues its journey towards becoming a high-income, knowledge-based economy, it is crucial to address these fundamental gaps in education to ensure the development of competent, innovative professionals who can drive the nation forward. Without these essential skills, the future of Malaysia’s economic and social progress may be at risk.



TUGASAN PELAJAR UNIVERSITI DAN KAITANNYA DENGAN AI

SAFLINA AZIS & MUSTAFA KAMAL MAT

Dalam dunia pendidikan tinggi, tugasan pelajar universiti merupakan salah satu aspek penting yang membentuk kemahiran dan pengetahuan mereka. Dengan pelbagai jenis tugasan yang diberikan, dari eseai hingga projek kumpulan, pelajar dituntut untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Namun, dengan kemajuan teknologi yang pesat, khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI), cara pelajar menyelesaikan tugasan telah mengalami perubahan yang ketara.

AI kini memainkan peranan yang semakin penting dalam proses pembelajaran. Alat-alat seperti pembantu maya dan aplikasi pemprosesan bahasa semula jadi membantu pelajar dalam mengumpul maklumat dan menyusun idea. Misalnya, aplikasi seperti Grammarly bukan sahaja membantu dalam pembetulan tatabahasa tetapi juga memberikan cadangan untuk meningkatkan gaya penulisan. Ini membolehkan pelajar menghasilkan tugasan yang lebih berkualiti dan profesional.

Salah satu cabaran terbesar bagi pelajar universiti adalah mencari sumber maklumat yang relevan dan berkualiti untuk tugasan mereka. Dengan bantuan AI, proses

penyelidikan menjadi lebih mudah dan cepat. Enjin carian pintar dapat menyaring maklumat berdasarkan keperluan spesifik pelajar, menjimatkan masa mereka. Contohnya, jika seorang pelajar sedang menulis tentang perubahan iklim, AI dapat mencadangkan artikel, jurnal, dan buku yang berkaitan dengan topik tersebut.

Bagi pelajar yang mengambil kursus sains sosial atau sains komputer, analisis data adalah komponen penting dalam tugas mereka. AI menyediakan alat analisis yang mampu memproses data besar dengan cepat dan tepat. Ini membolehkan pelajar membuat kesimpulan berdasarkan data yang lebih luas tanpa perlu menghabiskan berjam-jam untuk menganalisisnya secara manual. Dengan ini, mereka dapat memberi tumpuan kepada aspek lain dalam tugas mereka seperti interpretasi hasil dan penggubalan cadangan.

AI juga memberikan peluang untuk meningkatkan kreativiti dalam tugas pelajar. Dengan menggunakan alat reka bentuk berasaskan AI, seperti Canva atau Adobe Spark, pelajar dapat menghasilkan bahan visual yang menarik untuk projek mereka. Ini bukan sahaja menjadikan tugas lebih menarik tetapi juga membantu mereka belajar cara menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih berkesan.

Walaupun terdapat banyak manfaat menggunakan AI dalam menyelesaikan tugas, terdapat juga beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar. Salah satu isu utama adalah ketidakpastian tentang keaslian kerja mereka. Dengan adanya alat seperti ChatGPT yang mampu menghasilkan teks secara automatik, ada risiko bahawa pelajar mungkin terlalu bergantung kepada teknologi ini sehingga mengabaikan proses pembelajaran sebenar. Selain itu, penggunaan AI juga boleh menyebabkan masalah etika. Pelajar perlu memahami batasan penggunaan teknologi ini dan memastikan bahawa mereka tidak terjebak dalam plagiarisme atau penggunaan sumber tanpa memberikan kredit yang sewajarnya.

Secara keseluruhan, hubungan antara tugas pelajar universiti dan kecerdasan buatan adalah kompleks tetapi penuh potensi. AI menawarkan banyak alat dan sumber yang dapat membantu pelajar meningkatkan kualiti kerja mereka dan mempercepatkan proses pembelajaran. Namun, adalah penting bagi pelajar untuk menggunakan teknologi ini dengan bijak dan bertanggungjawab. Dengan pendekatan yang seimbang antara penggunaan AI dan usaha peribadi, pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya pengalaman pendidikan mereka di universiti. Dengan dunia pendidikan yang terus berkembang seiring dengan kemajuan teknologi, kita tidak boleh mengabaikan peranan

penting AI dalam membentuk masa depan akademik generasi akan datang. Tugasan bukan sekadar kewajipan; ia adalah peluang untuk belajar dan berkembang, dan dengan bantuan AI, peluang itu menjadi lebih luas lagi.



ADAKAH YANG CEMERLANG ITU BENAR-BENAR CEMERLANG?

SHahrul Amri Ab Wahab

27 Mei 2024 yang lalu, sepatimana kebiasaan pada setiap tahun, Ketua Pengarah Pendidikan telah mengumumkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2023. Beliau dilaporkan berkata bahawa keputusan tahun lalu itu mencatatkan pencapaian lebih baik dengan Gred Purata Nasional (GPN) 4.60, berbanding 4.74 pada 2022, manakala seramai 11,713 calon memperoleh keputusan cemerlang, iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran pada 2023, dibandingkan dengan 10,109 calon pada 2022.

Mungkin bagi sebilangan (ataupun ramai) rakyat Malaysia sudahpun menjangkakan frasa-frasa seperti ‘mencatatkan peningkatan’, ‘pencapaian lebih baik’, dan kalimat-kalimat lain yang seerti dengannya akan disebut bersekali dengan pengumuman keputusan peperiksaan SPM – kerana memang itulah kemestian setiap kali pengumuman dibuat dari tahun ke tahun.

Penulis tidak pasti sejak bila frasa-frasa klise itu mula menjadi teman karib sehidup semati dengan pengumuman keputusan SPM, tetapi seingat penulis itulah ‘adatnya’ sejak pertengahan 1990-an lagi (iaitu sejak penulis mula

membiasakan diri menonton siaran berita). Bagi mereka yang masih naif, pastilah pengumuman sebegitu akan memberi gambaran bahawa sistem pendidikan negara kita semakin baik dan berjaya melahirkan semakin ramai pelajar bijak pandai. Maklumlah, bilangan calon yang mendapat keputusan semua A dalam SPM kini sudah mencecah ribuan orang saban tahun.



Gambar 1: Suasana pada hari pengumuman keputusan SPM di salah sebuah sekolah

Jika hendak dibandingkan dengan zaman penulis mengambil peperiksaan SPM 27 tahun dahulu, calon yang mendapat keputusan 10A1 (keputusan terbaik yang boleh dicapai mengikut sistem SPM tahun 1997) hanyalah seramai 50 orang – iaitu tidakpun sampai 0.02% daripada lebih 300,000 calon. Manakala yang mendapat semua A mungkin kurang daripada 0.2% secara keseluruhannya. Seingat penulis, keputusan SPM setahun sebelum itu hanya mencatatkan lebih kurang 30 calon saja yang mendapat 10A1, dan bilangan semua A juga pasti kurang berbanding 1997.

Jika dibuat perhitungan kasar, peningkatan calon yang mendapat keputusan semua A tahun lalu sudah meningkat lebih 20 kali ganda berbanding tahun 1997. Jika trend ini berterusan, dalam 30 tahun lagi mungkin kita boleh menghasilkan 100,000 calon yang mendapat keputusan yang serupa.

Sekiranya ramalan ini benar, apakah kita masih percaya peningkatan pencapaian ini semua adalah hasil dasar pendidikan yang lebih berkesan? Apakah kita yakin kualiti pelajar yang mendapat keputusan semua A itu adalah hampir malar dan konsisten dari tahun ke tahun?

Penulis percaya tiada akal yang sempurna boleh menerima dengan penuh yakin bahawa sistem pendidikan Malaysia telah berjaya meningkatkan nisbah pelajar yang cerdik dengan begitu cemerlang, meskipun akal tersebut tidak pernah didedahkan dengan teori taburan normal (normal distribution).

Sudah tiba masanya Kementerian Pendidikan mengambil langkah tegas menghentikan permainan silap mata politik sebegini (yang tidak semestinya dimainkan oleh ahli politik). Jujurlah dengan keputusan peperiksaan yang dinilai.

Apalah gunanya jika keputusan SPM tampak cemerlang dengan semua A, tetapi hakikatnya kualiti akademiknya hanyalah setara pelajar yang mendapat gred 2 atau 3 pada tahun 1980-an. Janganlah memalukan diri sendiri dengan memberikan gred cemerlang kepada mereka yang tidak layak, hingga ke tahap kualiti sebahagian besar pelajar ‘cemerlang’ ini hanyalah setanding dengan pelajar bertaraf ‘biasa’ di negara lain.

Cukuplah kita menghadapi inflasi dalam harga barang. Janganlah keputusan SPM juga didedahkan kepada inflasi.



5 LANGKAH PERANAN IBU BAPA DALAM MEMUPUK AMALAN MEMBACA DI KALANGAN ANAK- ANAK

**NOR'AZURAH MD KAMDARI, FARRAH
OTHMAN & SHARFIZIE MOHD SHARIP**

Apakah amalan membaca? Definisi amalan membaca adalah menjadi kebiasaan atau tabiat membaca seseorang yang dilakukan secara konsisten dan berterusan. Ianya boleh di lakukan dengan membaca setiap hari, walaupun hanya sebentar. Amalan ini akan membantu mengukuhkan tabiat membaca dan meningkatkan kemahiran membaca. Selain itu juga, membaca pelbagai jenis bahan bacaan, seperti buku, majalah, surat khabar, dan artikel dalam talian juga turut dapat meningkatkan pengetahuan dan juga sudut pandang. Aktiviti membaca membantu meningkatkan kemahiran bahasa, termasuk penguasaan kosa kata dan tatabahasa. Ini penting untuk komunikasi yang lebih baik dan dapat membantu individu dalam menulis dengan lebih efektif.

Aktiviti membaca mendorong individu untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Dengan menganalisis teks dan memahami berbagai perspektif, pembaca dapat mengembangkan kemampuan untuk berfikir secara mendalam dan membuat keputusan yang lebih baik. Membaca dengan tujuan yang jelas, seperti menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan mencari maklumat tertentu, akan membantu meningkatkan kefahaman dan ingatan. Membincangkan apa yang dibaca dengan orang lain, seperti rakan atau keluarga, dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan memperluas perspektif.



Gambar 1: Membaca amalan mulia

Peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam mempengaruhi amalan membaca dikalangan anak-anak. Pertama, ibu bapa perlu menjadi teladan dengan membaca secara aktif di hadapan anak-anak. Sekiranya anak-anak melihat ibu bapa aktif dalam aktiviti membaca ianya akan mendorong anak-anak mereka untuk meniru dan menyamai amalan tersebut. Kedua, ibu bapa perlu menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan di rumah, seperti buku, majalah, surat khabar, dan komik. Penyediaan pelbagai jenis bahan bacaan akan memudahkan anak-anak menemui minat dan kecenderungan bahan bacaan yang sesuai dengan minat mereka. Ketiga, bagi memupuk anak-anak yang masih kecil, ibu bapa juga perlu meluangkan masa untuk membaca bersama anak-anak setiap hari. Aktiviti membaca yang menyeronokkan, seperti membaca cerita sebelum tidur, dapat memupuk minat anak-anak dalam membaca.

Selain beraktiviti membaca di rumah, ibu bapa juga boleh membawa anak-anak ke perpustakaan atau pameran buku untuk mendedahkan mereka kepada pelbagai jenis buku dan aktiviti menarik. Langkah ini dapat membantu meningkatkan minat anak-anak dalam membaca. Akhir sekali ibu bapa perlu memberi dorongan dan pujian kepada anak-anak yang membaca. Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan anak-anak dan memperkuatkan minat mereka dalam membaca. Dengan menerapkan peranan ini, ibu

bapa dapat memupuk minat membaca yang kuat dalam kalangan anak-anak, yang akan membawa manfaat jangka panjang dalam perkembangan intelektual dan akademik mereka.

Rujukan

Amalan Membaca Dalam Kalangan Masyarakat - Bumi Gemilang Faedah Membaca - Isi Penting & Contoh Karangan (ecentral.my)

Peranan Ibu Bapa Memupuk Amalan Membaca Dalam Diri Anak-Anak (ipendidikan.my)

Peranan Ibu Bapa dalam Memupuk Amalan Membaca dalam Kalangan Anak-Anak (teks.my)

Laman Blog Cikgu Tan CI: Peranan Ibu Bapa Menggalakkan Anak-Anak Membaca Buku - Karangan Tulisan Murid Bernama Ng Shi Huey

Peranan Ibu Bapa untuk Memupuk Minat Membaca kepada Anak-Anak (Karangan Panjang SPM) – Miss Woodley (home.blog)



INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA DAN THAILAND

**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI &
SHAHRUL AMRI AB WAHAB**

Jem! Jem! Setiap Lebuhraya utama di Malaysia meriah dengan kenderaan tidak kira siang mahupun malam terutama ketika cuti perayaan, cuti umum mahupun cuti sekolah. Ini adalah masa yang terbaik bagi setiap rakyat Malaysia mengambil peluang untuk menghabiskan masa bersama keluarga tersayang di tempat-tempat peranginan di Malaysia. Jika berkemampuan ada dikalangan kita akan melancong ke destinasi pelancongan luar negara. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Akaun Satelit Pelancongan 2023 telah menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM275.8 billion, yang mana menyumbang 15.1% berbanding 13.9% pada tahun 2022. Jika dilihat dari segi pertumbuhan, industri pelancongan berkembang lagi sebanyak 10.3% berbanding tahun 2022.

Industri pelancongan sememangnya antara penyumbang kepada KDNK negara di mana pertumbuhan ini sebenarnya memberikan implikasi kepada ekonomi Malaysia secara umum dan khusus kepada industri-industri lain yang berhubungan dengan pemain industri pelancongan. Persoalannya sekarang, kita mengambil contoh ketika cuti

sambutan Hari Malaysia dan cuti Maulidur rasul iaitu pada tarikh 16 September 2024. Kesesakan lebuhraya lebih teruk daripada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri. Sebagai contohnya dari Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu mengambil masa 11 jam. Tetapi topik yang menarik untuk dibincang adalah kesesakan yang luar biasa berlaku di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, yang menyaksikan ribuan pelancong Malaysia memasuki Thailand. Kenapa rakyat Malaysia tertarik untuk ke Thailand? Apakah yang ditawarkan oleh pemain industri Thailand? Ramuan apakah yang digunakan sehingga dapat menarik lebih 100,000 pelancong Malaysia? Di anggarkan lebih kurang aliran keluar wang lebih RM100 juta. Kuasa beli rakyat Malaysia sudah pulih tetapi perbelanjaan di Thailand ini sebenarnya menyebabkan aliran ringgit keluar dan pastinya aliran yang besar ini akan melemahkan nilai ringgit apabila perlu bertukar kepada matawang yang dilawati. Ia adalah sama apabila Malaysia mengimport barang dari luar negara. Jika bilangan pelancong Malaysia setiap tahun meningkat untuk mengunjungi Thailand maka ia melemahkan matawang kita. Dengan erti kata lain ia mampu memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi di Malaysia.



Gambar 1: Kesesakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah. - Foto Ihsan FB Imigresen ICQS Bukit Kayu Hitam

Pemain industri perlu membuat banyak perubahan terhadap produk-produk pelancongan di Malaysia dan perlu lebih agresif dalam melaksanakan aktiviti

promosi. Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya yang mana mungkin dapat menarik perhatian pelancong luar negara. Jika dilihat Malaysia masih banyak produk pelancongan yang tidak ditonjolkan dan tidak dikomersialkan. Dengan kehadiran pelbagai budaya dan bangsa di Malaysia, ini adalah asas terbaik dalam membentuk produk pelancongan yang menambat hati pelancong. Jika ke Korea pelancong begitu teruja untuk memakai hanbok, Jepun dengan kimono dan ke Bali dengan kain batiknya. Mereka ini menjadikan budaya mereka sebagai satu daya tarikan. Pengusaha pelancongan di Malaysia boleh mengadaptasikan negara-negara ini dalam memaksimakan usaha dalam mereka produk yang menarik hati para pelancong luar negara.

Industri pelancongan sememangnya menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada Thailand. Pada tahun 2022 sahaja, industri pelancongan menyumbang lebih kurang 1.3 trillion Thai Bath kepada negara Thailand. Thailand adalah sebuah negara yang popular menjadi destinasi utama dunia di kalangan pelancong-pelancong. Jika dilihat, pemain industri pelancongan Thailand sentiasa memperbaiki produk pelancongan mereka dalam usaha untuk menarik lebih pelancong luar terutamanya pelancong dari rakyat Malaysia. Menurut Gabenor pihak Berkuasa Pelancongan Thailand (TAT) berkata warga Malaysia mendahului senarai pelancong daripada keseluruhan 28 juta pelancong pada tahun 2023. Daripada data perjalanan pelancong Malaysia, pihak TAT perlu mempelbagaikan produk pelancongan demi perbezaan keperluan serta kehendak pelancong yang berbeza. Thailand mereka bentuk produk pelancongan berbeza-beza mengikut lokasi dan citarasa pelancong terutamanya rakyat Malaysia.

Persoalannya kini, apakah yang menyebabkan warga Malaysia suka mengunjungi Thailand? Antara penyebab utama adalah kos perbelanjaan untuk mengunjungi negara Thailand adalah lebih murah dan makanan Thailand adalah makanan yang boleh diterima oleh warga Malaysia. Dengan produk-produk pelancongan yang rancak dibangunkan oleh Thailand dari masa ke semasa maka bilangan pelancong dari Malaysia akan bertambah dari hari ke hari. Baru-baru ini tular di tiktok di mana seorang pempengaruuh telah menyuarakan isu daftar masuk dan keluar hotel di Malaysia yang dikatakan terlalu melampau. Di mana daftar masuk telah berubah dari pukul 2 petang ke 3 petang dan terus ke 4 petang untuk sesetengah hotel. Manakala daftar keluar di awal kepada 11 pagi. Isu ini perlu ditangani dengan secara menang-menang keputusan di setiap pihak yang terlibat. Banyak pihak menggesa Kementerian Pelancongan perlu

campur tangan dalam perkara tersebut. Impaknya negatif akan berlaku jika pihak kerajaan tidak campur tangan dalam menangani isu tersebut


Malaysia sememangnya ingin menjadikan industri pelancongan adalah antara sumbangan terbanyak kepada KDNK negara. Gerak kerja perlu dibuat disetiap akar umbi bagi memastikan hasrat ini tercapai. Belanjawan Madani 2024 telah bersetuju untuk memperuntukkan RM350 juta agar Malaysia menjadi destinasi pelancongan utama di dunia. Antara peruntukan untuk membiayai penganjuran Kempen Melawat Malaysia 2026, bantuan kepada penggiat kebudayaan, geran padanan penerbangan carter dan dana kepada Pusat Pelancongan Islam (ITC) dalam membangunkan industri pelancongan mesra muslim. Melalui belanjawan itu juga telah diperuntukkan sebanyak RM120 juta bagi memastikan aspek pemeliharaan dan pemulihan kawasan, bangunan dan tapak warisan tumpuan pelancong. Jika kesemua peruntukan ini digunakan secara optimum dan pelaksanaan yang konsisten dan mantap maka, Malaysia mampu mencapai apa yang dicita-citakan. Selain daripada itu, banyak kemudahan dalam menarik pelancong asing, di mana penambahbaikan dalam kemudahan Visa-on-Arrival, pas lawatan sosial dan tawaran Multiple Entry Visa bagi tujuan menggalakkan kemasukan pelancong. Perancangan dan gerak kerja awal perlu dibuat awal agar Malaysia menyasarkan ketibaan pelancong seramai 26.1 juta dengan perbelanjaan domestic sebanyak RM97.6-billion-ringgit pada tahun 2026. Ayuh Malaysia! Kita mampu melencongkan semua pelancong yang merancang untuk bercuti terutamanya pelancong tempatan untuk melancong di dalam Malaysia dan bukannya memilih Thailand sebagai destinasinya pilihan utama. Kesimbangan dalam pelaksanaan dalam semua aspek perlu dibuat bagi memastikan Malaysia berjaya lebih-lebih lagi Tahun Melawat Malaysia 2026. Thailand bukan pilihan rakyat Malaysia.



KONGSI ILMU, CIPTA KEJAYAAN: KEPENTINGAN PERKONGSIAN ILMU SENJATA UTAMA DALAM PERNIAGAAN ANTARABANGSA

MUMTAZ AHMAD


Dalam era globalisasi yang pesat ini, perniagaan tidak lagi terbatas kepada sempadan geografi. Setiap usahawan muda harus bersedia untuk bersaing untuk kekal relevan dan berdaya saing di peringkat global. Setiap usahawan perlu bersedia menghadapi cabaran dengan strategi perniagaan yang mampan dan pengetahuan mendalam tentang perubahan pasaran antarabangsa. Menurut Li, Ashraf, Shahzad, Bashir, Murad, Syed, & Riaz (2020), perkongsian ilmu telah di kenal pasti dalam Rajah 1 sebagai salah satu cara yang berkesan memindahkan pengetahuan keusahawanan merentasi sempadan. Perkongsian ilmu keusahawanan antara negara pada masa kini bukan sahaja bertahan, tetapi juga berkembang dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah.



Rajah 1: Model struktur cara yang berkesan memindahkan pengetahuan keusahawanan merentasi sempadan organisasi.

Adaptasi Teknologi Digital: Kunci kepada Kelangsungan Perniagaan

Keusahawanan digital kini menjadi nadi kepada perniagaan global. Dengan perkembangan pesat teknologi seperti internet, kecerdasan buatan (AI), dan data besar, usahawan kini mempunyai peluang yang tidak terbatas untuk mencipta model perniagaan baharu (Javaid, Haleem, Singh, Suman, & Gonzalez, 2022). Terbukti kini penggunaan platform digital seperti media sosial dan e-dagang telah mengubah lanskap perniagaan secara menyeluruh dan membolehkan perniagaan berkembang lebih pantas dan efisien. Pengetahuan tentang alat digital serta keupayaan menggunakan analitik data untuk memahami tingkah laku pelanggan adalah kunci kepada kejayaan dalam era digital (Giuggioli & Pellegrini, 2022; Raji, Sulaiman, Zulhamize, & Farique, 2022). Keupayaan untuk menguasai teknologi ini bukan sahaja membolehkan perniagaan berkembang lebih pantas, malah memberikan kelebihan daya saing yang sangat diperlukan di peringkat antarabangsa.



Gambar 2: Pendapatan Total TikTok Shop di Asia Tenggara dilaporkan oleh Momentum Works yang Diolah Tim Riset IDX Channel

Ledakan E-Dagang di Asia Tenggara: Peluang Tanpa Batasan

Ledakan E-dagang di Asia Tenggara, terutamanya di Malaysia dan Indonesia, terus berkembang dengan pesat. Peningkatan penggunaan internet dan telefon pintar telah membuka peluang luas kepada usahawan untuk terlibat dalam pasaran antarabangsa. Usahawan yang memahami trend dan teknologi dalam e-dagang seperti pemasaran sosial dan pembelian dalam talian interaktif mempunyai peluang besar untuk berkembang ke pasaran antarabangsa (Raji *et al.*, 2022). Kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan permintaan pengguna global dan menggunakan teknologi AI untuk memperibadikan pengalaman pelanggan adalah kritikal untuk terus bersaing dalam membina jenama global (Giuggioli & Pellegrini, 2022). Dengan e-dagang, perniagaan boleh menghubungkan pembeli dan penjual di seluruh dunia, menjadikan pasaran lebih inklusif.

Kepelbagaian Perikatan: Strategi untuk Menakluk Pasaran Antarabangsa

Kepelbagaian dalam perikatan strategik membolehkan perniagaan menyesuaikan diri dengan cepat terhadap cabaran global. Kerjasama ini membuka peluang untuk syarikat mengembangkan pasaran mereka, berkongsi sumber, menyelesaikan masalah dengan lebih cepat dan menghadapi persaingan dengan lebih tangkas (Meyer, Li, Brouthers, & Jean, 2023). Ini memberi kelebihan daya saing yang signifikan, terutama bagi usahawan yang ingin berkembang di pasaran antarabangsa. Dalam dunia perniagaan yang semakin kompleks, kepelbagaian dalam kerjasama dan perikatan strategik adalah kunci kepada kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan. Menggandingkan kepelbagaian

dalam sektor perniagaan, teknologi, dan geografi membolehkan perniagaan menghadapi cabaran dan memperoleh sumber daya, teknologi, dan kapakaran yang sukar dicapai secara sendirian.

Pembangunan Kewangan: Mengelakkan Kegagalan, Memastikan Kejayaan Jangka Panjang

Pengurusan kewangan yang baik adalah asas kepada kejayaan jangka panjang, terutamanya apabila beroperasi di peringkat global. Usahawan perlu memahami struktur kewangan global dan memanfaatkan peluang pembiayaan yang ada untuk memastikan perniagaan mereka terus berdaya saing di pasaran antarabangsa. Pembangunan kewangan memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan, terutama apabila usahawan mula memasuki pasaran global. Menguasai selok-belok kewangan seperti pembiayaan yang mampan contohnya Ar Rahnu, pengurusan modal, serta pemahaman mendalam tentang peraturan kewangan antarabangsa membantu perniagaan mengelakkan halangan dan memastikan kelangsungan perniagaan (Azman, Zabri, Masron, & Malim, 2020).



Gambar 3: Usahawan mikro wanita Malaysia memanfaatkan Ar-Rahnu sebagai sumber kestabilan kewangan dalam urusan pembelian barang dari Indonesia.

Inovasi dan Modal Intelek: Sumber Utama Kejayaan Global

Modal intelek yang merangkumi kreativiti, inovasi, dan pengetahuan strategik merupakan aset paling berharga dalam dunia perniagaan. Usahawan yang berjaya perlu

sentiasa mencari cara baharu untuk meningkatkan nilai perniagaan mereka, sama ada melalui inovasi produk, teknologi baharu, atau strategi pemasaran yang unik (Meyer *et al.*, 2023). Untuk kekal relevan dalam dunia perniagaan global, usahawan mesti berani meneroka idea baharu dan melabur dalam pembangunan modal insan. Kejayaan perniagaan global bukan sahaja bergantung pada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, tetapi juga kepada keupayaan untuk berfikir di luar kotak dan menyesuaikan diri dengan pantas kepada perubahan pasaran.

Membangunkan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Nilai Murni yang Menentukan Masa Depan Perniagaan

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menjadi salah satu elemen penting dalam membina jenama yang berjaya dan dipercayai di peringkat global. Pengguna kini lebih cenderung menyokong perniagaan yang mengamalkan nilai etika dan tanggungjawab sosial. CSR bukan lagi pilihan, ia adalah keperluan bagi memastikan kelangsungan perniagaan. Syarikat yang mempraktikkan CSR yang kukuh iaitu mengutamakan nilai etika, kepedulian sosial, dan kelestarian alam sekitar bukan sahaja membina jenama yang dipercayai (Dapi & Agabu Phiri, 2015), tetapi juga berjaya menarik lebih ramai pelanggan dan bakat-bakat terbaik yang ingin bekerja dalam persekitaran yang beretika (Pfajfar, Shoham, Małecka, & Zalaznik, 2022). Dalam dunia perniagaan moden, CSR bukan sekadar satu strategi pemasaran, ia juga merupakan komitmen terhadap pembangunan mampan yang akan memacu pertumbuhan jangka panjang. Usahawan yang bijak akan mengintegrasikan CSR dalam model perniagaan mereka untuk membina reputasi global yang kukuh.

Persaingan di peringkat global memerlukan usahawan yang bersedia untuk bergerak pantas, berinovasi, dan mengadaptasi strategi yang relevan. Perkongsian ilmu keusahawanan oleh pakar dari Malaysia dalam taklimat di Universitas Negeri Surabaya (UNESA) ini merupakan aktiviti penting dalam membentuk usahawan yang mampu bersaing dalam landskap global yang mencabar. Dengan menguasai teknologi digital, CSR, e-dagang, pembangunan kewangan, dan inovasi, usahawan dapat memastikan perniagaan mereka bukan sahaja bertahan, tetapi juga berkembang dan mampu bersaing mencipta kejayaan di persada antarabangsa.



Gambar 4: Sesi perkongsian pakar dari Malaysia di Universitas Negeri Surabaya (UNESA), Indonesia.

Rujukan

- Azman, N. H. N., Zabri, M. Z. M., Masron, T. A., & Malim, N. A. K. (2020). The adoption of Ar-Rahnu and financial wellbeing of micro-entrepreneurs in malaysian. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 10(6). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i6/7259>
- Dapi, B., & Agabu Phiri, M. (2015). The impact of corporate social responsibility on brand loyalty. Journal of Governance and Regulation, 4(4), 8-16. https://doi.org/10.22495/jgr_v4_i1_p1
- Giuggioli, G. and Pellegrini, M. M. (2022). Artificial intelligence as an enabler for entrepreneurs: a systematic literature review and an agenda for future research. International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research, 29(4), 816-837. <https://doi.org/10.1108/ijeb-05-2021-0426>
- Javaid, M., Haleem, A., Singh, R. P., Suman, R., & Gonzalez, E. S. (2022). Understanding the adoption of industry 4.0 technologies in improving environmental sustainability. Sustainable Operations and Computers, 3, 203-217. <https://doi.org/10.1016/j.susoc.2022.01.008>
- Li, C., Ashraf, S. F., Shahzad, F., Bashir, I., Murad, M., Syed, N., ... & Riaz, M. (2020). Influence of knowledge management practices on entrepreneurial and organizational

performance: a mediated-moderation model. *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.577106>

Meyer, K. E., Li, J., Brouthers, K. D., & Jean, R. ". (2023). International business in the digital age: global strategies in a world of national institutions. *Journal of International Business Studies*, 54(4), 577-598. <https://doi.org/10.1057/s41267-023-00618-x>

Pfajfar, G., Shoham, A., Małecka, A., & Zalaznik, M. (2022). Value of corporate social responsibility for multiple stakeholders and social impact - relationship marketing perspective. *Journal of Business Research*, 143, 46-61. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2022.01.051>

Raji, A. R. A., Sulaiman, A. S., Zulhamize, Y., & Farique, M. A. M. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Pembangunan Industri Kreatif dan Pusat Media Serantau di Malaysia: The Impact of Covid-19 Pandemic on the Development of Creative Industry and Regional Media Centre in Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(5), 316-333.



MEMBANTU UiTM SAMBIL MENYELAMATKAN DUNIA

**SHahrul Amri Ab Wahab & Noor
Azillah Mohamad Ali**

Mana-mana pekerja yang sudah bertugas dengan UiTM untuk tempoh melebihi setahun pastinya sudah biasa mendengar slogan ‘Jana & Jimat’, dan rasanya kami tidak perlu menerangkan apa yang dieertikan dengan slogan tersebut serta punca kemunculan slogan tersebut.

Meskipun begitu, kami percaya bahawa slogan ini masih gagal dihayati oleh sebahagian besar daripada warga kerja UiTM, hatta di kalangan akademia yang terpelajar. Kalaupun kita tidak mampu menyumbang kepada bahagian pertama slogan tersebut (iaitu ‘penjanaan pendapatan’), sekurang-kurangnya bantulah UiTM untuk mencapai hasrat kedua yang terkandung dalam slogan tersebut.

Percayalah bahawa cara untuk mencapai penjimatan tersebut adalah amat mudah, dan tidak sekompleks menulis makalah di jurnal-jurnal ternama. Bahkan ia lebih mudah daripada mengajar subjek yang sudah 10 semester berturut-turut berada dalam jadual waktu anda.

Pendingin Hawa

Berapakah suhu yang anda tetapkan pada pendingin hawa anda? Adakah 19°C? Sekiranya ya, adakah anda melakukan tugas berat seperti bertukang dan mengangkat barang di pejabat anda? Kerana suhu serendah itu hanya sesuai sekiranya tugas anda melibatkan kerja-kerja sedemikian.

Sekiranya tidak, tetapkan suhu sekurang-kurangnya 21°C. Percayalah, anda masih boleh bekerja dengan selesa dengan suhu tersebut, apatah lagi sekiranya anda berseorangan di pejabat. Bahkan, CCOHS (Canadian Center for Occupational Health & Safety) menyarankan suhu pejabat sekitar 24.5°C dalam keadaan cuaca panas dan inilah juga adalah suhu yang disarankan oleh Perdana Menteri kita sedikit masa dahulu.



Gambar 1: Pendingin hawa

Anehnya, ada sebahagian warga kerja UiTM yang menetapkan suhu 19°C tetapi dibuka pula pintu atau tingkap pejabatnya atas alasan ‘terlalu sejuk’. Penulis hanya mampu bersangka baik bahawa mereka tidak tahu bahawa suhu pendingin hawa di Kampus Rembau ini boleh mereka laraskan sendiri (kecuali di beberapa tempat seperti Dewan Kuliah). Mungkin mereka dahulu bekerja di kampus yang suhunya dilaraskan secara berpusat seperti di Kampus Seremban 3.

Ketahuilah bahawa perbuatan membuka pintu atau tingkap itu akan menyebabkan penggunaan elektrik melambung tinggi kerana anda secara tidak langsung telah

membebankan sistem pendingin hawa anda untuk menurunkan suhu seluruh mukim Pilin mengikut suhu yang telah anda tetapkan.

Selain itu, anda boleh menyumbang kepada penjimatan elektrik dengan mematikan suis pendingin hawa apabila anda mahu meninggalkan pejabat untuk tempoh melebihi 1 jam. Setidak-tidaknya naikkanlah suhu pendingin hawa itu ke 27°C semasa anda meninggalkan pejabat, dan turunkan semula ke suhu asala setelah anda kembali masuk dalam pejabat.

Lampu, Lampu, dan Lampu

Selain pendingin hawa, pastikan anda matikan juga suis lampu di pejabat anda setiap kali anda ingin keluar melebihi tempoh 5 minit. Begitu juga apabila anda masuk ke tandas, pastikan anda hanya menghidupkan suis lampu di ruang tandas yang anda gunakan (contoh: lampu tandas staf) dan bukannya menghidupkan semua suis lampu yang ada. Dan sekali lagi: jangan lupa matikan suis lampu tandas setelah anda selesai menggunakan.

Sekiranya anda orang terakhir yang meninggalkan pejabat, ataupun kelas anda yang terakhir menggunakan bilik kuliah, apalah salahnya jika anda padamkan semua lampu (dan juga penghawa dingin). Sama juga halnya sekiranya kelas anda berakhir pada jam 1 petang, matikanlah semua suis sebelum anda keluar kerana ruang tersebut kebiasaannya akan kosong sehingga jam 2 petang.

Walaupun penggunaan tenaga oleh lampu adalah jauh lebih rendah daripada pendingin hawa, sekurang-kurangnya ia masih boleh menyumbang kepada penjimatan. Apatah lagi kalau setiap seorang daripada beribu kakitangan UiTM bersama-sama melakukan apa yang saya sarankan di atas, pasti jumlah yang dapat dijimatkan oleh UiTM meningkat berlipat kali ganda.

Demi Dunia dan Akhirat

Kalau anda berfikir tiada keperluan untuk anda membantu UiTM untuk mengurangkan kos, ingatlah bahawa tindakan di atas turut menyumbang kepada masa depan bumi yang lebih baik untuk keturunan anda. Memandangkan lebih 90% tenaga elektrik

Malaysia dijana menggunakan sumber bahan api fosil, maka mengurangkan penggunaan tenaga elektrik turut akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dari stesen-stesen janakuasa. Ini seterusnya membantu untuk menyederhanakan suhu bumi yang semakin panas akibat pemanasan global.



Gambar 2: Pencairan ais di kutub akibat pemanasan global

Anda sendiri sudah menyaksikan kesan pemanasan global yang menyebabkan perubahan iklim yang membawa kepada ribut yang lebih mengganas, banjir yang lebih meluas, hasil tanaman yang semakin merosot, dan masalah kesihatan yang berkaitan dengan peningkatan haba. Setidak-tidaknya fikirlah sumbangan anda dalam meredakan fenomena-fenomena ini.

Paling tidak pun ingatlah bahawa setiap sen yang anda bazirkan adalah wang rakyat/negara yang akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan kelak. Buatlah pilihan yang bijak. Janganlah ditambah lagi perkara yang memanjangkan tempoh anda dihisab di padang mahsyar.



TACTICS TO RESTRICT URBAN DEPRIVATION

YAASMIN FARZANA ABDUL KARIM

Urban deprivation, also known as urban poverty, concerns issues such as unemployment, low educational attainment among city residents due to perceived costliness, high living expenses, and ineffective social services. All these issues, which contribute to and perpetuate poverty in our urban areas, require a holistic approach. Urban poverty is so significant that all stakeholders, including the government, non-governmental organizations, and corporations, must collaborate on emerging interventions to ensure their effectiveness. The figures from the Federal Territories Ministry for the year 2022 show an almost threefold increase in the number of hardcore poor compared to the same period two years ago. According to a report from 2020, the percentage of poverty increased to 8.4% from near zero levels the previous year, due to the prevalence of marginal or extreme poverty among slightly over five percent of the population.

Dealing with urban poverty requires a comprehensive and multi-dimensional strategy that will address the root causes as well as symptoms. A key feature of this approach is to consider the poor as part owners in poverty reduction and not simply problems. This perspective change helps the poor become more than just passive victims of poverty.



Picture 1: Illegal houses built in the city center.

Addressing urban poverty thus requires comprehensive, multi-faceted approaches to both the root causes and symptoms of poverty. The approach involves viewing the poor as indispensable, albeit a challenging term to use, rather than as outliers. This represents a shift in perspective, as it transforms the impoverished from passive recipients of handouts into active participants in the eradication of poverty.

In order to eradicate urban deprivation, improving economic opportunities should be a primary focus. We can achieve this goal by generating employment opportunities, fostering entrepreneurship and small business growth, and attracting investments in urbanization. Workforce development programs should prioritize vocational training and skill development that aligns with market requirements. Additionally, they should offer job placement services and career counselling to assist urban residents in securing permanent employment.

Another important strategy is to expand access to quality education. Expanding educational infrastructure in economically backward urban areas, reforming the curriculum, and addressing the needs of industry-related knowledge dissemination through large-scale scholarships and financial assistance can disrupt this cycle. Education must incorporate life skills and financial literacy to equip individuals for their future careers. Programs that are prone to TVET will be the next best option for those who seek hands-on and skill-relevant jobs.

The shortage of affordable housing is a severe problem in cities, and the response undoubtedly requires mechanisms such as social, public housing, rental control policies, or plans for transforming slums. These initiatives aim to provide lower-income residents with safe and affordable living environments, thereby preventing homelessness and enhancing their quality of life. However, we must manage urban redevelopment to avoid displacing existing residents, as this could geographically concentrate them and exacerbate the poverty issue.

Promotion of social inclusion is also very important. By implementing anti-discrimination policies, community development, and inclusive urban planning, we can help overlooked populations become part of the fabric of society, which will eliminate some of the most stubborn social determinants today. Such initiatives could include giving civil society organizations the power to act, promoting community-led development, and ensuring that urban planning is participatory and inclusive.



Picture 2: Urban Poverty in Kuala Lumpur

These strategies require cooperative effort. We need government policies and interventions at local, state, and national levels to support this framework. Non-governmental organizations (NGOs) can instead support the work of government through targeted interventions and community-based programs. Similarly, the private sector, whether through CSR programs or public-private partnerships, can also serve as a catalyst for sustainable development. Most importantly, the involvement of the community is required, as local ownership and social participation strengthen its outcomes with solutions that are unique to your own poor living conditions. If that's the case, it's important to acknowledge that these strategies are not instant fixes and will not yield results overnight.

Lastly, the enforcement must conduct periodic monitoring and evaluation, which are essential to ensuring these strategies work. Having measurable goals and regular assessments, along with transparency and accountability in the process will assist in curbing, if not reducing, poverty in urban areas.

In closing, urban poverty is a multi-dimensional issue that cannot be solved with divided interventions where economic strategies are singularly enacted to address income generation or education solutions aimed at workforce development or social policy specifically directed toward reintegration into community life via otherwise stalled rehabilitation programs. Collaboration between governments, NGOs, the private sector, and communities is crucial in developing sustainable solutions that significantly reduce poverty among urban populations.



ASAS KEJAYAAN PENDIDIKAN RASULULLAH SAW

MOHD RIDZUAN BIN IBRAHIM

Bila tiba kedadangan bulan Rabiul Awal sudah pastinya kita sentiasa ingat bulan kelahiran junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW yang kita cintai. Ianya bertepatan kerana baginda Rasulullah SAW menjadi ikutan kita dengan mengikuti Sunnah baginda. Justeru setiap perkara yang disarankan oleh baginda sudah pasti akan ada hikmah dan kebaikan yang akan dikecapi oleh umatnya.

Antara kejayaan baginda Rasulullah SAW bagaimana tahap keilmuan dan kearifan yang dapat dipelajari oleh para sahabat dan umatnya selepas kewafatan baginda. Terdapat empat (4) aspek utama yang menentukan kejayaan dalam satu pasukan atau organisasi. Faktor utama yang membawa kejayaan ini adalah bagaimana Rasulullah SAW mementingkan kesemua tindakan manusia beriman dan bertaqwa hanyalah semata-mata kerana Allah untuk menuju ke akhirat. Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan buat julung-julung kalinya mengadakan program Maulidur Rasul pada 12 September 2024 di Kampus Rembau melibatkan Kampus Rembau, Kuala Pilah dan Seremban. Sambutan program dimulakan dengan perarakan kontijen di setiap fakulti, jabatan serta unit di cawangan masing-masing. Program diteruskan dengan ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh PU Ustaz Dr Mohd Fakhruzzai beserta dengan alunan qasidah yang dijemput khas bagi menyertai program tersebut.

Semangat kerja berpasukan inilah yang menjadi asas kejayaan dalam sesebuah organisasi. Kita perlu mengambil iktibar bagaimana garis panduan yang ditekankan oleh Rasulullah SAW dalam menentukan kejayaan dalam pasukan. Ini bermaksud jika empat faktor utama ini gagal dipatuhi ia berkemungkinan salah satu kriteria di bawah gagal diikuti.

Ketua sebagai idola

Faktor ini merujuk bagaimana Rasulullah sendiri menunjukkan teladan dan kepimpinan yang hebat dengan perlaksanaan dan tindakan baginda dapat dicontohi oleh para sahabat dan umatnya. Aspek ini banyak memberikan ibrah dan pengajaran bagaimana seorang ketua yang baik sewajarnya sendiri mengetuai dan mengepalai organisasi masing-masing. Ianya dapat diterjemahkan dengan istilah yang sering kali diperkatakan seperti turun padang dan seumpamanya.

Sinergi pasukan

Asas kejayaan pendidikan yang diterapkan oleh baginda Rasulullah SAW dalam satu pasukan bila mana kesemua individu mengetahui dan memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing. Maka bertepatan sesebuah organisasi mampu melonjak ke peringkat antarabangsa kerana kerjasama dan sinergi yang dicapai dalam sesebuah organisasi. Setiap unit kecil berperanan membantu antara sama lain dan dengan adanya toleransi sebegini akan membawa satu matlamat yang besar dan jelas.

Budi bicara dan ketegasan

Majoriti ketua dalam organisasi gagal dalam aspek ini kerana tidak dapat menghayati sesuatu keputusan yang bagaimana harus dilaksanakan. Keputusan yang dibuat oleh ketua sewajarnya dilihat dengan mendalam. Sebagai contohnya kriteria budi bicara boleh diguna pakai selagi keputusan itu tidak meruntuhkan pasukan dan organisasi secara total. Namun jika ia melibatkan keutamaan kepada pasukan sudah tentulah keputusan yang tepat wajib diambil oleh seorang ketua kerana tidak mahu melihat organisasi menuju kemerosotan apatah lagi membawa kepada kehancuran. Kebijaksanaan Rasulullah SAW membuat keputusan amat disenangi oleh para sahabat kerana keputusan yang dicapai penuh hikmah. Untuk itu arahan ketua tersebut dapat disambut baik oleh para pekerja dengan tenang dan membawa mereka lebih bermotivasi.

Fokus matlamat ke akhirat

Antara kejayaan pendidikan Rasulullah SAW kepada para sahabat ialah baginda sentiasa menekankan setiap tindakan manusia atau amal soleh seseorang akan dihitung oleh tuhan dan sudah tentu memberi inspirasi kepada umatnya kerana akan mendapat balasan yang amat bermakna dalam setiap insan dengan diberikan balasan syurga kepada mereka. Pendekatan inilah yang membawa sesebuah pasukan atau organisasi dapat menuju kejayaan yang sebenar dan hakiki.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan yang terbaik datangnya dari Rasulullah SAW yang merupakan model untuk insan sepanjang zaman. Asas pendidikan yang ditinggalkan oleh baginda merupakan tunjang pencarian ilmu yang bermanfaat kerana tujuan sebenar kehidupan menuju ke akhirat benar-benar dapat dihayati oleh manusia yang muslim, mukmin dan bertaqwa.



Sumber: <https://www.linkedin.com/pulse/leadership-dan-aplikasinya-di-bisnis-global-gaby-sri-rahayu/>



TAHAP MASALAH KESIHATAN MENTAL DI KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

**NOR'AZURAH MD KAMDARI, FARRAH
OTHMAN & SHARFIZIE MOHD SHARIP**

Kesihatan mental merujuk kepada keadaan kesejahteraan psikologi dan emosi seseorang, di mana individu dapat berfungsi dengan baik dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan mental melibatkan kemampuan untuk menghadapi tekanan hidup, bekerja secara produktif, dan menyumbang kepada masyarakat. Ia juga merangkupi cara seseorang berfikir, merasa, dan bertindak, serta bagaimana mereka berinteraksi dengan orang lain dan bagaimana individu itu menangani masalah yang mereka hadapi.

Kesejahteraan emosi banyak mempengaruhi kesihatan mental yang membolehkan individu menikmati kehidupan dan merasakan keseimbangan emosi. Ini termasuk kemampuan untuk mengatasi stres, beradaptasi dengan perubahan, dan menjalani kehidupan yang memuaskan. Selain itu, fungsi sosial turut mempengaruhi kesihatan mental juga melibatkan kemampuan untuk berinteraksi dengan orang lain secara positif. Individu yang sihat mental dapat membina hubungan yang baik, berkomunikasi

dengan berkesan, dan berfungsi dalam konteks sosial. Sehubungan itu, kesihatan mental mempengaruhi terhadap kesejahteraan psikologi seperti kepercayaan diri, penguasaan diri, dan kemampuan untuk membuat keputusan yang baik. Kesihatan mental yang baik membolehkan individu untuk mencapai potensi penuh mereka dan berfungsi secara optimum dalam pelbagai aspek kehidupan.

Tahap masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat di Malaysia menunjukkan kebimbangan yang semakin meningkat. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada tahun 2019, sebanyak 2.3% orang dewasa dan 9.5% kanak-kanak berusia 10-15 tahun mengalami masalah mental. Angka ini dijangka terus meningkat, dengan satu pertiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas berdepan masalah mental. Ini menunjukkan peningkatan kes masalah mental yang perlu kita ambil perhatian. Terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan, yang sering kali melibatkan golongan belia. Ini menunjukkan bahawa masalah kesihatan mental semakin membimbangkan dan memerlukan perhatian serius dari pihak berkuasa. Dari Januari hingga Mei tahun ini, talian bantuan sokongan psikososial KKM menerima lebih daripada 101,000 panggilan, di mana 91.2% memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.



Gambar 1: Gangguan emosi boleh menjelaskan kesihatan mental

Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental? Antaranya ialah masalah kewangan, kehilangan pekerjaan, dan tekanan di tempat kerja adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental di Malaysia.

Ini diburukkan lagi oleh situasi pasca-pandemik yang memberikan tekanan tambahan kepada individu. Kajian menunjukkan bahawa wanita lebih cenderung mengalami masalah mental berbanding lelaki, dengan peratusan 55% berbanding 45%. Manakala masalah mental lebih tinggi di kalangan individu yang tiada pendidikan atau berpendidikan rendah, dengan kadar mencapai 15-16%.



Gambar 2: Aktiviti santai boleh membantu Kesihatan mental

Antara 4 jenis gejala-gejala individu yang mengalami masalah kesihatan mental adalah seperti perubahan mood dan emosi, perubahan tingkah laku, masalah kognitif dan masalah fizikal. Dari segi perubahan mood dan emosi individu akan merasa sedih, murung, atau tidak bersemangat yang berlarutan rasa cemas, takut, atau panik yang berlebihan perubahan suasana hati yang drastik dan tidak menentu. Manakala perubahan tingkah laku individu merasa suka menyendiri, menarik diri dari keluarga dan rakan-rakan, perubahan drastik dalam tabiat makan dan tidur, penggunaan alkohol atau dadah yang berlebihan, melakukan kecederaan diri atau memikirkan tentang bunuh diri. Seterusnya masalah kognitif individu akan kesukaran berkonsentrasi atau membuat keputusan, halusinasi atau delusi (melihat atau mendengar sesuatu yang tidak wujud) pemikiran yang tidak rasional atau tidak konsisten. Akhir sekali masalah fizikal, individu merasa sakit kepala, sakit perut, atau sakit badan yang berulang, keletihan yang berlebihan atau kurang tenaga.

Sekiranya terdapat gejala-gejala ini di dalam diri, janganlah ragu untuk mendapatkan bantuan profesional. Dengan rawatan yang sewajarnya, kebanyakan masalah kesihatan mental boleh diatasi dan dapat diuruskan dengan baik.

Rujukan:

Kesihatan Mental di Malaysia Semakin Membimbangkan - Laman Web MKN

Kesihatan Mental Rakyat Makin Membimbangkan - Sinar Harian

Kesihatan_Mental_Kesihatan_Fizikal.Pdf (Moh.Gov.My)

Kesihatan Mental - Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas

Kesihatan Mental: Apakah Punca Kes Ini Semakin Meningkat? - Doctoroncall



PELABURAN KRIPTO ETHEREUM DI MALAYSIA PADA 2024

**MOHD AZLAN ABDUL MAJID & AFIZAN
AMER**

Pelaburan kripto. Banyak yang bicara berkaitan dengan matawang kripto seperti Bitcoin dan sebagainya. Tetapi adakah anda sedar matawang kripto bukan sahaja terdiri daripada Bitcoin sahaja.

Pandangan masyarakat awam terutama di Malaysia, ramai yang mengatakan ia adalah pelaburan penipuan, pencurian elektrik untuk tujuan perlombongan dan sebagainya. Adakah ini benar? Secara definasi, matawang kripto seperti Bitcoin adalah matawang digital yang bergantung dengan “peer-to-peer” dengan menggunakan sistem internet yang disentralisasi kepada lejar awam. Apakah maksudnya? Dengan bahasa yang mudah, Bitcoin adalah matawang yang dilahirkan dengan sistem komputer di mana ia berkaitan dengan kod dan semua transaksi adalah di miliki dan boleh diakses oleh masyarakat awam. Kedua adalah “blockchain” ataupun rantaian blok. Ia adalah sistem maklumat dan data yang disentralisasi kepada blok. Bahasa mudahnya Bitcoin adalah matawang data yang menggunakan kripto manakala rantaian blok adalah pangkalan data dalam blok dalam sistem komputer.

Dengan kefahaman asas ini, boleh kita ketahui yang matawang kripto bukan sahaja terdiri daripada Bitcoin sahaja, tetapi daripada pelbagai lagi matawang kripto. Mengikut data terkini pada tahun 2024, terdapat 13,217 jenis matawang kripto yang terdiri daripada Bitcoin yang di anggap matawang yang utama. "Altcoin" ataupun matawang kripto selain bitcoin seperti Ethereum. Dan "Meme coin" ataupun matawang meme yang dibina untuk hiburan dan meme seperti Shiba Inu dan sebagainya. Ethereum juga bukanlah sekadar matawang sahaja. Ia adalah sistem rantaian blok yang menjana internet moden, internet kecerdasan buatan dan pelbagai lagi kegunaan internet lapisan kedua yang mejadikan dunia moden kita sekarang, moden.

Daripada data terkini, Bitcoin mempunyai nilai pasaran sebanyak RM 5.256 trillion, Ethereum pula di tempat kedua dengan RM 1.388 trillion. Ketiga adalah Binance iaitu RM 367.92 billion dan yang keempat adalah Solana iaitu RM 293.58 billion. Data ini menggunakan kadar matawang semasa iaitu 1 USD = RM 4.38. Manakala nilai ekonomi Malaysia pada tahun semasa iaitu dengan jangkaan pada tahun 2024 adalah RM 1.830 trillion. Ini bermakna jika Bitcoin adalah negara, ia mempunyaikekayaan 2.87 kali ganda daripada Malaysia. Manakala Ethereum pula mempunyai 75.6% kekayaan Malaysia. Data ini sangat mengagumkan.



Gambar 1: Simbol kripto Ethereum

Oleh hal demikian, bicara terhadap Etherum, ramai dikalangan rakyat Malaysia tidak mempercayai matawang kripto disebabkan harganya yang tidak menentu dan berubah dengan pantas berbanding pasaran saham tradisional. Sebagai contoh pada 27 April 2017, Etherum cuma berharga RM 231.31. Tetapi pada 8 November 2021, Ethereum bernilai RM 20,231.32 bagi setiap satu token Ethereum. Pada masa sekarang pula nilai Etherum adalah pada RM 11,545.68 iaitu pada bulan Ogos 2024. Pandangan masyarakat di Malaysia terdiri daripada daripada dua pandangan utama; pelabur dan masyarakat.

Pertama sebagai pelabur runcit. Dengan keadaan harga yang boleh meningkat sebanyak 87.58 kali ganda dan tidak menentu seperti ini adalah indah bagi pelabur. Ini disebabkan pelabur bukan sahaja boleh melabur dalam pasaran semasa sahaja, tetapi

juga dalam pasaran derivatif. Dengan harga yang tidak menentu ini pelabur terutama pelabur spekulasi bukan sahaja boleh menjana keuntungan dalam pasaran semasa iaitu membeli murah dan menjual mahal. Tetapi jika harga yang jatuh mereka sudah tentu menjana keuntungan daripada pasaran derivatif. Pelabur tradisional seperti pelabur runcit juga menyukai kripto seperti Ethereum yang di dapati ia membina keuntungan yang lebih banyak pasaran tradisional seperti "Standard & Poor 500", Nasdaq dan Dow Jones di Amerika Syarikat dan pasaran tradisional yang lain. Banyaknya. Melabur RM 1 tetapi pulangan RM 87 hanya dalam masa 4 tahun. Jika melabur di bursa saham paling banyak keuntungan yang dijana cuma 2 ke 7% setahun yakni 8 ke 30% selama 4 tahun. Manakala pelaburan kripto Ethereum boleh menjana hingga 8700% dalam masa yang sama. Pelabur institusi seperti Fidelity, Greyscale lain lain yang telah melancarkan ETF Ethereum pada tahun ini. ETF bermaksud "Exchange Trade Fund" ataupun Dana Dagangan Pasaran. Pelabur institusi di Amerika Syarikat pula sangat menyukai pelaburan kripto Ethereum ini di mana mereka melabur tanpa henti dan tidak mempedulikan harga pasaran yang disebabkan pulangan yang tinggi. Manakala di Malaysia, ia terdiri lebih kepada pelabur runcit dan kurang pada pelabur institusi.

Kedua adalah pandangan umum masyarakat Malaysia. Sudah tentulah ada dua pandangan utama. Pertama adalah rakyat yang memang tidak percaya terhadap pelaburan ini. Ini disebabkan kripto Ethereum ini sangat tidak menentu dan dalam masa beberapa tahun sahaja harganya boleh tinggi dan rendah dan menjadi ketakutan kepada pada masyarakat yang pertama kali menjek kaki dalam pasaran ini. Mereka faham akan pelaburan tetapi tidak menyukai aset kripto yang senang berubah. Yang kedua adalah masyarakat yang tidak ambil kisah langsung terhadap pelaburan dan memburukkan lagi keadaan adalah pihak media masa yang sentiasa mencanangkan masalah matawang kripto seperti pencurian elektrik untuk tujuan perlombongan dan penipuan pelaburan.

Kesimpulannya, di harap rakyat Malaysia perlu lebih cakna terhadap matawang kripto seperti Ethereum ini. Bukan sahaja Ethereum adalah matawang kripto sebagai asset saham tetapi kegunaan di masa kecerdasan buatan dan teknologi internet yang berkaitan dengan rantaian blok. Ethereum adalah salah satu alternatif kepada pelabur di Malaysia yang sangat menguntungkan sambil sahamnya menjana teknologi internet moden kita sekarang.

Rujukan

Bitcoin price today, BTC to USD live price, marketcap and chart | CoinMarketCap. (2024, August 22). CoinMarketCap. Retrieved August 22, 2024, from <https://coinmarketcap.com/currencies/bitcoin/>

Ethereum price today, ETH to USD live price, marketcap and chart | CoinMarketCap. (2024, August 22). CoinMarketCap. Retrieved August 22, 2024, from <https://coinmarketcap.com/currencies/ethereum/>



AR-RAHNU VS PINJAMAN BANK: KEMUDAHAN JANGKA PENDEK ATAU BEBAN JANGKA PANJANG USAHAWAN?

SITI HAJAR MD JANI

Pengenalan

Ar-Rahnu, sistem pajak gadai Islam, terkenal sebagai cara yang cepat dan mudah diakses oleh individu dan usahawan berskala kecil untuk mengakses dana dengan mencagarkan emas sebagai cagarans. Dari masa ke masa, ia telah dipasarkan sebagai alternatif bagi mereka yang tidak boleh atau memilih untuk tidak terlibat dengan sistem perbankan konvensional. Walau bagaimanapun, upah simpan Ar-Rahnu terutamanya dalam tempoh yang panjang, menimbulkan persoalan penting: Adakah Ar-Rahnu benar-benar alat untuk memperkasakan, atau adakah struktur upah simpannya menimbulkan beban kewangan berbanding produk kewangan lain, seperti pinjaman peribadi berjangka masa panjang.

Daya Tarikan Ar-Rahnu: Tunai cepat dengan Birokrasi Minimal

Ar-Rahnu menawarkan kepada pelanggan yang mencari wang tunai segera tanpa pelbagai birokrasi untuk dipenuhi. Kecairan segera iaitu mendapat tunai pada hari yang sama adalah satu kriteria tarikan yang penting bagi usahawan yang memerlukan modal cepat dalam merebut peluang perniagaan. Tidak seperti pinjaman bank, proses mencagarkan emas adalah agak mudah, dengan prasyarat yang lebih sedikit diperlukan seperti ketulenan emas dan umur pelanggan.

Masalah dengan upah simpan Ar-Rahnu lwn kadar keuntungan pinjaman peribadi.

Di sebalik kelebihannya, struktur upah simpan Ar-Rahnu, apabila pajakan emas di lanjutkan tempohnya, dari masa ke masa, ianya akan menjadi beban kewangan. Sebagai contoh, pinjaman RM58,090 melalui Ar-Rahnu kadar upah simpan adalah sebanyak RM 621.72 atau 1.07% sebulan, dan sekiranya termasuk pinjaman, nilainya adalah RM 10,303.72 sebulan, selama enam bulan dan kadar upah simpan ini akan mencecah 6.42% bagi tempoh tersebut. Sudah pasti ianya merupakan kos yang besar untuk usahawan yang sudah menguruskan aliran tunai yang ketat. Jika seorang usahawan tidak dapat menebus emas mereka dalam tempoh enam bulan, kos ini terus terkumpul, menyebabkan tekanan pada kewangan mereka.

Sebaliknya, pinjaman peribadi daripada bank dengan kadar faedah tahunan 2.91% menghasilkan liabiliti bulanan yang jauh lebih rendah. Sebagai contoh, pinjaman RM58,090 dalam tempoh sepuluh tahun hanya memerlukan RM1,754.61 sebulan sebagai bayaran balik, termasuk faedah, yang jauh lebih rendah daripada apa yang diperlukan dengan Ar-Rahnu dalam jangka pendek.

Kemudahan jangka pendek vs kestabilan jangka panjang

Perbezaan utama antara Ar-Rahnu dan pinjaman bank terletak pada struktur pembayaran balik. Ar-Rahnu beroperasi pada pembiayaan jangka pendek, bermakna usahawan sering terpaksa membayar balik jumlah yang besar dengan cepat untuk mengelakkan kenaikan bayaran. Ini boleh membawa kepada situasi di mana, walaupun terdapat kemudahan awal, usahawan menghadapi liabiliti bulanan yang ketara membebankan perniagaan mereka.

Sebaliknya, pinjaman peribadi dengan tempoh bayaran balik yang lebih panjang menawarkan lebih banyak ruang bernafas kepada usahawan, dengan bayaran bulanan terurus tersebar selama beberapa tahun. Garis masa yang dilanjutkan ini membolehkan pemilik perniagaan menavigasi naik turun semula jadi perniagaan, tanpa tekanan untuk

memenuhi bayaran bulanan yang tinggi yang boleh menyebabkan tekanan kewangan atau penutupan perniagaan.

Mengimbangi Kos dan Faedah: Bila memilih Ar-Rahnu

Terdapat keadaan di mana Ar-Rahnu mungkin masih menjadi pilihan yang lebih baik. Sebagai contoh, apabila jumlah modal yang lebih kecil diperlukan untuk peluang perniagaan jangka pendek, atau apabila peminjam tidak layak untuk pinjaman bank, kesederhanaan dan kebolehcapaian Ar-Rahnu menjadi kelebihan utama. Walau bagaimanapun, untuk jumlah yang lebih besar atau keperluan jangka panjang, usahawan perlu mempertimbangkan dengan teliti implikasi kewangan struktur upah simpan Ar-Rahnu. Memilih Ar-Rahnu untuk pinjaman jangka panjang boleh mengakibatkan kos yang lebih tinggi berbanding pinjaman bank konvensional.

Ar-Rahnu faktor tolakan motivasi usahawan dalam merancakkan perniagaan

Rentetan hendak mengurangkan kadar upah simpan setelah Ar-Rahnu dijadikan modal perniagaan, terdapat juga usahawan yang berusaha lebih gigih dalam perniagaan, melakukan pelbagai usaha yang kreatif dalam proses pengeluaran dan pemasaran produk, bagi memastikan produk terjual dalam jumlah yang banyak sepanjang masa atau "volume tinggi". Ia secara tidak langsung membentuk mereka menjadi usahawan yang berpotensi tinggi untuk terus lebih matang dan berjaya dalam perniagaan. Kebiasaan sesuatu "ancaman" akan membuka satu "peluang". Ancaman upah simpan membuka peluang membentuk sikap yang lebih rajin kepada seseorang usahawan dalam perniagaan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, risiko dan faedah untuk jangka masa panjang atau jangka masa pendek, adalah salah satu faktor penting bagi seseorang usahawan fikirkan dan menyusun strategi sebelum mengambil sebarang dana atau pinjaman. Kemampuan membayar balik pinjaman juga merupakan kriteria utama dalam kelangsungan sesuatu perniagaan. Kemudahan atau bebanan adalah berdasarkan cara berfikir dan tindakan diambil.



PERKAHWINAN JARAK JAUH (PJJ)

**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI &
SHAHRUL AMRI AB WAHAB**

Berkahwin adalah salah satu sunnah Nabi Muhammad SAW. Jika ada yang ingin hidup membujang, ini jelas menunjukkan ia adalah bertentangan dengan sunnah. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas RA bahawa Rasullulah SAW bersabda yang bermaksud “Berkahwinlah kamu dan beranak pinaklah kamu dengan banyaknya, sesungguhnya aku akan berbangga dengan kamu berbanding umat lain pada hari akhirat nanti.” (Riwayat Abu Dawud dan al-Hakim)

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, kahwin itu sendiri membawa kepada perikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan, menjadi suami isteri adalah satu perikatan sah Perkahwinan itu sendiri adalah satu perkongsian hidup antara pasangan suami dan isteri. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan Perkahwinan Jarak Jauh (PJJ)? Menurut kajian (Rafeah, Hidayatul Sakinah binti Mohd, & Azhar Abd, 2021), mengatakan ia adalah satu corak hubungan yang bercirikan pertemuan yang jarang dilakukan antara suami dan isteri. Pasangan suami isteri ini tinggal di lokasi geografi yang berbeza dengan tempoh berjauhan antara satu sama lain. Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat merekodkan bahawa ini adalah model kekeluargaan yang menjadi dominasi masyarakat ini.

Menurut Perunding Motivasi Dan Kaunseling Keluarga, Dr Robiah K Hamzah berkata PJJ ini bukanlah satu perhubungan yang digalakkan dalam islam dan banyak impak negatif. Berdasarkan kajian oleh (Sandow, 2014) perhubungan jarak jauh membawa kepada kadar perpisahan yang tinggi. Tambahan kajian oleh (Rafeah et al., 2021) mengatakan peratusan perceraian juga disebabkan oleh model perkahwinan ini. Dalam perkawinan jarak jauh kegagalan komunikasi yang efektif juga memberikan penyumbang kepada masalah antara pasangan suami isteri. Dengan ini akan mewujudkan jurang antara pasangan (Aguila, 2009).

Sebelum perkahwinan, setiap pasangan perlu membuat penelitian yang terperinci bagaimana kehidupan mereka selepas berkahwin kerana bukannya mudah untuk melayari perkahwinan jarak jauh ini. Setiap perkahwinan akan diuji. Ujian itu datang daripada beberapa aspek dan ujian yang dihadapi oleh setiap pasangan adalah berbeza. Sememangnya hidup ini adalah pilihan, ada yang tidak sanggup berjauh dengan pasangan, maka salah seorang perlulah berkorban memilih samada kerjaya ataupun keluarga.

Keadaan yang memaksa untuk meneruskan perkahwinan jarak jauh ini kerana tuntutan kerjaya. Dalam keadaan yang serba mahal kini, di mana tidak memadai hanya seorang sahaja yang bekerja. Peluang pekerjaan yang jauh dari pasangan perlu dipikul demi kelangsungan hidup. Sesungguhnya model perkahwinan ini bukannya perlu diagungkan kerana tanggungan adalah tinggi di mana ada dua kos yang perlu dikeluarkan. Bak kata orang "dua dapur" perlu diagihkan. PJJ bukanlah pilihan yang terbaik tetapi keadaan yang memaksa untuk meneruskan kehidupan begitu. Jika disenaraikan sememangnya banyak negatif daripada positif. Apakan daya kehidupan perlu diteruskan.

Janganlah dikecam dengan perkahwinan jarak jauh ini atau juga dipanggil keluarga komuter oleh Kajian Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN), di mana golongan ini berjauhan adalah kerana tuntutan ekonomi seisi keluarga. Seperti dikatakan tadi, kos yang berganda dan juga risiko berdepan dengan kemalangan semasa berulang-alik. Jangan ditanya mereka ini dengan soalan yang menjengkelkan seperti "sampai bila hendak begini", "tidak pernah untuk memohon pertukaran ke", "tidak risau ke pasangan curang" dan bermacam-macam soalan yang keluar dari mulut penyibuk tanpa berfikir. Keluarga komuter ini berkemungkinan telah berusaha bermacam-macam cara untuk menamatkannya tetapi Allah belum mengizinkan. Kita yang mengetahui ada di kalangan rakan-rakan kita dalam kategori keluarga komuter ini, teruskan berdoa untuk kelancaran mereka untuk mengharungi kehidupan ini. Ingatlah tiada pasangan yang ingin berkelana seorang di utara, seorang di timur tetapi demi tuntutan ekonomi mereka ini gagahi jua. Allah Pemberi Rezeki, terus berusaha dan berdoa. Tiada perkahwinan jarak jauh inginkan perpisahan, jika ianya berlaku bukan disebabkan model perkahwinan itu sendiri tetapi ketentuan Allah.

Rujukan

Aguila, A. P. N. (2009). Living long-distance relationships through computer-mediated communication. *Social Science Diliman*.

Rafeah, S., Hidayatul Sakinah binti Mohd, Z., & Azhar Abd, A. (2021). Perkahwinan Jarak Jauh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia Menurut Perspektif Fiqh Dan Undang- Undang Keluarga Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 211-226. doi:10.33102/jfatwa.vol26no2.393

Sandow, E. (2014). Til work do us part : the social fallacy of long-distance commuting. *Urban Studies*. doi:10.1177/0042098013498280



SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA

**FARRAH OTHMAN, SHARFIZIE MOHD
SHARIP & NOR'AZURAH MD KAMDARI**

Pengalaman selama enam tahun sebagai ahli Jawatankuasa Tatatertib Akademik telah membuka mata saya terhadap pelbagai realiti dunia pendidikan tinggi. Salah satu isu yang paling kerap dan menyedihkan adalah salah laku meniru dikalangan pelajar dalam peperiksaan akhir. Walaupun nampak remeh bagi sesetengah pelajar, perbuatan ini membawa implikasi serius yang boleh merosakkan masa depan akademik mereka.

Suasana Perbicaraan

Setiap perbicaraan kes tatatertib akademik mempunyai suasana yang berbeza-beza, mencerminkan kepelbagaiannya emosi dan reaksi pelajar yang terlibat. Ada pelajar yang hadir dengan penuh keinsafan, dan ada tidak dapat menahan air mata apabila menyedari kesalahan mereka. Ada pula yang merasa malu, terutama apabila ditemani ibu bapa sebagai pemerhati. Saya pernah melihat pelajar yang cuba merayu agar hukuman diringankan dengan alasan mereka telah memberi banyak sumbangan kepada universiti. Namun, ada juga yang datang dengan penuh ego, menafikan kesalahan dan meletakkan kesalahan pada pihak lain.

Sebab dan Akibat

Dari pengalaman saya, terdapat beberapa pola tingkah laku yang sering dilihat pada pelajar yang didapati meniru:

Kematangan dan Pemikiran Jauh: Ramai pelajar yang terlibat dalam salah laku ini sebenarnya kurang matang dalam membuat keputusan. Mereka tidak berfikiran jauh dan hanya memikirkan cara cepat untuk mencapai keputusan yang baik tanpa mempertimbangkan akibat jangka panjang.

Jalan Pintas: Meniru dianggap sebagai jalan pintas untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Namun, mereka lupa bahawa keputusan ini tidak mencerminkan kemampuan sebenar mereka dan boleh memberi kesan buruk pada masa depan.

Kegagalan Mengakui Kesalahan: Ada pelajar yang tidak mengakui kesalahan mereka dan sebaliknya menyalahkan orang lain, sama ada rakan sekelas atau pihak pengawas. Sikap ini menunjukkan kurangnya rasa tanggungjawab dan integriti diri.

Penyesalan Terlambat: Walaupun ada yang menyesali perbuatan mereka dan akur dengan keputusan panel, penyesalan itu datang terlalu lambat. Sesal kemudian memang tidak berguna apabila keputusan telah dibuat.

Kurangnya Persediaan: Banyak pelajar yang tidak cukup bersedia untuk menduduki peperiksaan akhir. Kekurangan persediaan ini mendorong mereka untuk meniru sebagai jalan keluar daripada situasi yang sukar.

Hukuman dan Implikasi

Hukuman bagi pelajar yang didapati bersalah meniru berbeza-beza, bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan. Antara hukuman yang boleh dikenakan adalah amaran atau denda sehingga RM500, penggantungan dari pengajian dalam tempoh tertentu, atau gred FD (*Fail Dishonour*) yang kekal dan tidak boleh ditebus tampal. Setiap hukuman ini membawa kesan besar kepada masa depan akademik dan kerjaya pelajar.

Langkah Pencegahan

Untuk mengurangkan kes meniru dalam peperiksaan pada masa akan datang, beberapa langkah pencegahan boleh diambil:

Peningkatan Kesedaran: Pihak universiti, termasuk pensyarah dan ketua pengawas, perlu meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar mengenai bahaya dan implikasi sekiranya mereka didapati bersalah meniru. Ini boleh dilakukan melalui ceramah, taklimat, atau peringatan sebelum peperiksaan bermula.

Persediaan Akademik yang Cukup: Pensyarah perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan pelajar bersedia menghadapi peperiksaan. Ini boleh dilakukan dengan memberikan latihan dan ulangkaji yang mencukupi serta menyediakan bahan tambahan yang boleh membantu pelajar menguasai subjek yang diajar.

Hebahan Kes Tataterib: Poster hebahan mengenai kes tataterib yang telah berlaku boleh dipamerkan di kampus, bersama dengan hukuman yang telah dijatuhkan kepada tertuduh. Ini akan memberikan kesedaran dan amaran kepada pelajar lain agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Kesimpulan

Pandangan bahawa "kesilapan boleh dimaafkan kerana usia muda" perlu diperbetulkan untuk memastikan pelajar memahami betapa pentingnya integriti dan tanggungjawab dalam setiap tindakan mereka. Usia muda bukanlah lesen untuk melakukan kesalahan serius seperti meniru dalam peperiksaan, dan pelajar perlu diajar untuk melihat jangka panjang dalam setiap keputusan yang mereka buat. Dengan kesedaran dan bimbingan yang betul, pelajar dapat belajar untuk menghargai integriti dan menjauhi kesilapan yang boleh merosakkan masa depan mereka. Saya juga berharap agar semua pihak, termasuk pelajar, pensyarah, dan pentadbiran universiti, dapat bekerjasama dalam memastikan integriti akademik sentiasa terpelihara. Sesal kemudian memang tidak berguna, dan hanya dengan kejujuran serta usaha yang tulus, kita semua dapat mencapai kejayaan yang bermakna.

Rujukan

Peraturan Akademik Diploma Dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 [Bilangan 1]



WHY NEGERI SEMBILAN NEEDS MONORAIL

YAASMIN FARZANA ABDUL KARIM

As one of the nation's fastest-growing general areas with swelling suburbs, Nilai and Seremban, Negeri Sembilan has experienced substantial obstacles in transportation. The current infrastructure, which mainly relies on 'cars and buses' is overloaded, consequently resulting in increased travel time as congestion builds up even more during peak hours of the day leading to low access or out of solution for areas that are poorly served by these transport modes. Unfortunately, these problems are only going from bad to worse as the population continues to grow, thus stressing how great of a need there is for an effective and long term transportation fix. As such, the launch of monorail services emerges as a practical solution to these issues because it will provide better connectivity for both residents and visitors.

An area where the border state to Selangor is failing badly is in its lack of public transit options. This dependence on road transport has led to frequent traffic jams, which in turn has made daily commuting across the city quite cumbersome. Moreover, this dependence leads to environmental destruction as it creates high carbon dioxide (CO₂) and pollution levels that are injurious to the public health of human beings and surroundings. The current infrastructure is insufficient to handle the increasing number of residents and has made roads more congested, making rural areas even less accessible.

Monorail services are a solution that can help address many of these issues. Monorails offer quick and efficient transport, taking far less time to travel than traditional road methods. And once they get going in operation, their reliability and regular schedule simply increases the scope providing a reliable option to everyday passengers. Monorails are also an environmentally sound option in terms of emissions and energy consumption. They are also of minimal disruption to the landscape and can co-exist harmoniously with wildlife while providing city-scale movement. Reducing the number of cars on highways, monorails can serve as a solution to reducing road traffic congestion and improve city or suburb connectivity.

The monorail services can bring in huge economic benefits for the Nilai and Seremban. The building and running of monorail lines will produce jobs which in turn benefit the local economy. These are not just going to open business districts and commercial centers but also facilitate economic activity together with upgrading transport infrastructure for inviting tourists, bolstered ongoing tourism segment of state. Conversely, they predict an uptick in property prices around monorail stops because of the ease-of-access will push up demand for more semi-slick residential and commercial zones to be built closer still to these new transit hubs – further contributing not just admission but also economic growth.

Monorail services, from a social perspective, will help in a great deal to improve the standard of living for city residents. Enhanced accessibility to important services like education, health facilities, and job opportunities will help all citizens of the State but more significantly; improve quality life within rural and less privileged areas. The monorail is designed to promote inclusivity, providing improved mobility for the elderly and disabled population with cheap transportation alternatives for our low-income communities. Monorail services can help to join the urban and rural divide, connecting townspeople with those from regional areas.

The successful case of monorail systems in other cities and states has become a lucrative reference to study what went well with others, and how the same can be implemented according to local requirements, especially for outskirt states like ours. After analyzing these case studies, it is apparent that monorails are indeed innovative transit options; offering many unique opportunities which other modes of transportation (light rail or buses) do not offer and being more environmentally sound than traditional heavy-rail systems. Additionally, a detailed cost-benefit analysis of this monorail project shows that the proposed initial outlay is expected to bring a substantial return in future for the state. The most funding models meet both the top-down and a bottom-up approaches which combine public-private partnership (PPP), foreign investments high-cost state of art technology financing with lower cost innovative local solutions, concession funded by usage grant perhaps for instance gated communities or PPP schools. In addition, there will need to be a lot of planning done in order to keep the maintenance and operational

costs down so that it can remain allow for sustainable operation and create an more than adequate monorail system. Nowadays, other countries are opting for hanging or suspended monorail as shown the photo below. It is a magnetic sky train that demonstrates efficient, eco-friendly and futuristic transit solutions. Furthermore, it will certainly be a record as this type of train is the first-ever in Malaysia.



To sum up, the introduction of monorail services in a suburban state is a potential resolution to this traffic problem. When considered in terms of enhanced efficiency, better eco-friendliness, economic progress and stronger societal connections – it is enough reason for cities to invest monorail services. Stakeholders should take this project seriously and fully get behind it, because truly is a big part of the future solution for transportation in our state. Above addressing the logic concerns here, whilst this might address more immediate transportation needs such as that of tourism and jobs in c. recovering markets like Spain (though I'm not sure a monorail is what everyone was calling for), there is an opportunity to lay foundations now which will better connect Europe sustainably & prosperously into the future...



PUSINGAN KERJA (JOB ROTATION) DALAM ORGANISASI

**SHARFIZIE MOHD SHARIP,
NOR'AZURAH MD KAMDARI & FARRAH
OTHMAN**

Pusingan kerja atau job rotation merupakan satu proses atau kaedah Dimana sesebuah organisasi memindahkan pekerja dari satu jabatan ke jabatan yang lain atau dari satu tugas/fungsi kejera kepada sesuatu tugas/fungsi kerja yang lain. Secara dasarnya ianya bertujuan untuk memberikan peluang kepada pekerja mendapat dan menimba pengalaman dari pelbagai aspek disamping memberikan pengalaman bekerja yang berbeza. Selain itu ianya juga mampu memberikan pekerja satu kemahiran baru yang berkemungkinan tidak mampu diperolehi sekiranya mekeka kekal berada dalam satu fungsi sahaja. Kebiasaannya, pusingan kerja ini dijalankan secara berkala dan salah satu daripada program *career development* untuk pekerja.

Secara logiknya pusingan kerja memberikan banyak manfaat kepada jabatan dan yang paling utama ianya mampu mengurangkan kebosanan dikalangan pekerja. Seperti sedia maklum, sesuatu pekerjaan yang dibuat berulang kali dalam satu tempoh masa yang panjang pasti akan mengundang rasa jemu atau bosan dan sekaligus mengakibatkan pekerja menjadi lepu dan tidak kreatif dalam melaksanakan tugas. Kadangkala kebosanan mengakibatkan pekerja menjadi lesu dan tidak bersemangat kerana sudah pasti dapat membayangkan kesudahan bagi setiap fungsi yang dilakukan. Selain itu, daya kreativiti turut menjadi rendah dan sudah pasti ianya mengakibatkan pekerja menjadi tidak serius atau mengambil mudah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

Selain itu, pusingan kerja juga memberi peluang kepada pekerja untuk memahami dengan lebih mendalam aspek organisasi dan perincian pelaksanaan setiap jabatan dengan lebih jelas dan mantap. Secara tidak langsung ianya memberikan gambaran pekerja untuk lebih bersedia sekiranya mendapat tawaran jawatan yang lebih tinggi dan bersesuaian dengan pengalaman yang dimiliki mereka. Tambahan pula, pusingan kerja juga diyakini mampu mengurangkan risiko yang bakal dihadapi oleh pengurusan sumber manusia seperti contoh apabila berlakunya pemberhentian pekerja yang kadang kala adalah diluar kawalan pengurusan, dengan adanya pekerja yang serba boleh dan pelbagai fungsi ianya mampu menminimakan risiko sebegini.

Di Malaysia, terdapat banyak pekerjaan yang terlibat dengan pusingan kerja seperti contoh di sektor kesihatan bagi bidang tugas doktor dan jururawat. Jika sebelum ini seseorang doktor atau jururawat berkhidmat di unit kecemasan, pusingan kerja membolehkan beliau ditugaskan untuk bekerja di Jabatan penjagaan intensif (ICU) bagi menguruskan pesakit dalam keadaan yang kritikal. Ini membolehkan pekerja memperolehi pengalaman dalam pelbagai situasi dan secara tidak langsung meningkatkan kecekapan dalam menguruskan pesakit yang kritikal. Bidang kerja pensyarah juga antara yang berpeluang mendapat peluang dalam pusingan kerja seperti contoh seseorang pensyarah sebelum ini mengajar dalam bidang Pemasran dibawah Fakulti Pengurusan Perniagaan, dengan pusingan kerja beliau berpeluang untuk dipindahkan ke bahagian Pembangunan kurikulum untuk membangunkan silibus kurikulum, secara tidak langsung ianya dapat memperkayakan pengalaman dalam pembangunan kurikulum dan meningkatkan kualiti pengajaran.

Kesimpulannya, pusingan kerja dalam organisasi merupakan strategi yang berkesan untuk memperkaya pengalaman dan kemahiran pekerja. Melalui pendedahan kepada pelbagai jabatan dan tugas, pekerja bukan sahaja dapat mengelakkan kebosanan dan mengekalkan motivasi, tetapi juga memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai operasi keseluruhan organisasi. Ini seterusnya mempersiapkan mereka untuk tanggungjawab yang lebih besar dan peranan yang lebih mencabar.



SOCIAL ECONOMIC PERSPECTIVE AFTER PANDEMIC ERA IN MALAYSIA IN 2024

**MOHD AZLAN ABDUL MAJID & AFIZAN
AMER**

The COVID-19 pandemic struck The Word from 2019 until a few years ago. Malaysia also had a negative social and economic impact because the Malaysian government was not excluded from initiating a similar program to mitigate the infection of the virus by quarantine and restrictions on human mobility and movement. Movement Control Order or MCO is starting in Malaysia on 18 March 2020. This creates two fundamental consequences. Health and economics. Of course, health is a significant objective of this order, but this also influences economic growth and, importantly, social.

We can see the recent data from the World Bank to determine this correlation. Malaysia's GDP by current USD in 2019 was at 365.18 billion USD. However, in 2020, GDP fell to 337.46 billion USD. However, in 2021, Malaysian GDP had a V-shape recovery pattern of 373.83 billion USD. Impressive right? Not necessarily. This is because in 2018 Malaysian Gini Index was at 0.407 in 2009, 0.411 in 2020 and 0.407 in 2021, based on the World Bank and the Department of Statistics in Malaysia. This means that there exists economic growth. However, income inequality exists in COVID-19, but there is a quick recovery after 2021. If this argument holds?

To discuss this further, we must look at three perspectives on Malaysian society based on social status. In Malaysia, we define static differentiated clusters based on the income level, which is called B40, M40, and T20. That stands for below, medium and top. This classification is based solely on household income level with B40 to RM 4,850, M40 from RM 4,851 to RM10,970 and T20 more than RM 10,971. Not a great indicator. This is because, in Malaysia, we also have a dynamic classification based on relativity income level with the development of "Pangkalan Dara Utama" or Padu. Nevertheless, this policy is still being processed by the Ministry of Economics of Malaysia. Definition of difference with United States understanding of class. This is because they understand that there are only two classes. The middle class is the working class, and the working class is related to the owner of resources such as land, capital, and rent. So, in Malaysia, we only classify based on income, not social class. For example, in Malaysia, we can categorize the T20 of the household, but the household is still a worker and not a resource owner.

Perspective differs between social classes in Malaysia. The first is in B40 or Below the medium income level, consisting of 40% of the population below the median income level. This bottom of the line consists more of blue-collar workers. This class has had the most received impact after the post-Covid-19. This is because this class group received the most negative impact when the economy closed down and hammered the income and career path. To make more, many withdrawals funds in EPF or Employees Provident Fund create a saving deficit, especially in the B40 group. For example, recent data in 2024 indicates that the B40 income group only consist of average savings of around RM1,713. At the same time, M40 is around RM 28,032, and T20 is RM 278,941. Of course, when the world's economic impact, such as Ukraine and the Palestinian wars, flooding the money with a reduction in interest rates by many major countries, reflects increasing M2 and liquidity, it propelled the world's inflation level. This also increases the impact of inflation in the B40 group in Malaysia. The government tries to mitigate this impact by increasing "Sumbangan Tunai Rahmah", or STR, the primary fund of the B40 group in Malaysia.

The second is the M40 group impact. As M40 stands for the middle 40% of the population, a broader definition for Middle income is the group that can afford to spend on necessities with ample to achieve balanced spending such as vacation, education

and health. This class of society example is more related to officers, managers, etc; this group receives more impact than the B40 group in Malaysia. Studies indicate that in Malaysia, 20% of people from the M40 group slid to become the B40 group in 2020, which was the peak of COVID-19 impact in Malaysia. Even after the pandemic, this group of people received the impact that M40 does not receive benefits from the government and does not achieve high fundamental income such as T20. Furthermore, M40 also pay the most tax in Malaysia, but the most received the impact after post-COVID-19.

Lastly is the T20 group. This is the top 20 per cent income group in Malaysia that can afford not only necessities, education, health and vacation. But also luxury. This group includes directors, high professionals, investors, business owners, etc. This group does not have a negative impact, but there have been cases of increased wealth and income levels. This is because the top class is not only the workers but also resource earners. For example, Standard and Poor 500 (S&P 500) indices in December 2019 are 2182.2, but in January 2022 are 4814. Means an increase in more than two-fold wealth. Nevertheless, these top earners are the most vital in capitalistic terms, and they are also resource earners that propel monetary progress; recent government actions and policies with artificial intelligence have brought more progress and growth to this group of people. T20 needs more policy and investment environments, which we can see our current government trying to deliver.

To conclude, more comprehensive policies are needed to protect and progress in the M40 and T20 groups, while the T20 policy continues. The MADANI concept of governance to propel economic growth is the best solution for a multiracial country such as Malaysia. But this implementation is taking time, especially to recover after COVID-19. Overall, good job, Malaysians, but there is still room for improvement, especially in B40 and M40 progress and welfare.

References:

- World Bank Open Data. (2024, August 25). World Bank Open Data. Retrieved August 25, 2024, from <https://data.worldbank.org/indicator/NY.GDP.MKTP.CD?locations=MY>
- Dosm. (2024, August 25). *Department of Statistics Malaysia*. Retrieved August 25, 2024, from <https://www.dosm.gov.my/>



LEARNING BEYOND THE CLASSROOM: KNOWLEDGE IS POWER, EXPERIENCE IS ALWAYS THE BEST TEACHER

HAZIRA MOHD NASIR

“Flying through the blue sky, learning to swim in the ocean, and returning to the earth to learn to read and write” best describes my humble experiences from twenty-five years ago—working with a Singaporean Airline company as an In-Flight Attendant or Cabin Crew, moving to a French-based shipping company adapting the French Man cultures at the heart of Marseilles city, France and ultimately serving as a senior lecturer at UiTM Di Hatiku” till today. Thus, the journey of learning keeps going on and continues ever onwards.

The tapestry of my life hangs on every wall. It has been a journey of self-discovery, personal growth, and the slow unfolding of my identity. The foundation was that learning is never confined to a classroom. And here I am..., so I decided to pen this piece of writing art depicting my perspective on these two idioms; knowledge is power, and experience is the best teacher. Let's explore!

These two aphorisms of "**knowledge is power**" and "**experience the best teacher**", some say stamen, have sparked academic debates ages ago. This is where I bring the reader in, to see the delicate and relatively intricate dance – through the power of knowledge and experience how my very own understanding of this world was developed.

The education in a fast-paced world does not remain within the four walls of the classroom. The definition of learning has changed, and knowledge has always been said to be power, but experience is the best teacher. In this article we dive into the relationship between formal education and real-world experience, and why they are so instrumental to personal and professional growth.

Indeed, the classroom setting is rapidly passing beyond the limiting realm of traditional learning and knowledge acquisition. Given the rapid change in the educational landscape from mechanical didactic (a pedagogy in the 1880s) to a dynamic and learner-centric model, the one-size-fits-all approach was dramatically transformed to encompass more variations (Srivastava, 2023).

The Power of Knowledge

There is a reason that the saying "knowledge is power" has echoed throughout time. First, knowledge is the basis on which we create our experiences of reality. It gives us the tools we need to make good decisions, solve complex problems, and even innovate in everything from business to government. So, knowledge comes from learning whether it be through formal education, books or self-study which builds our domain understanding, enables us to reason and effectively apply critical thinking.

The knowledge is organized, structured and curated in the classroom. This helps students understand the centuries-old concepts and theories. This form of formalized knowledge makes them more confident and equips students to invest their lives in various industries or get higher education. Nevertheless, knowing is one side of the coin. So yes, the traditional classroom has lost its monopoly on learning and acquiring knowledge. Education has seen a radical change in its landscape from one size fit for all to a dynamic learner-centric model which is based upon the personalization of learning.

The main issue of knowledge is that it changes all the time and grows and becomes irrelevant after a period too (Iacob & Mușuroi, 2021). Thus, the main goal of educational activities should not be teaching students specific information but developing their critical abilities and problem-solving skills which will enable them to cope with multiple challenges in the 21st-century world.

The Wisdom of Experience

As soon as we set foot out there outside the protected walls of a classroom, we face a different phase of learning which is more complex and unplanned than ever. Experience is a traditional form of learning and is one of the reported methods in life to assist practicality with the knowledge we possess. It forces us to change, face adversity, and grow.

Anything – cooking, driving, managing a team. Theoretical learning – Knowledge from a book or lecture gives you a strong footing on the subject, but until you experiment with your own hands things stay there. With doing – and, as the case may be, with succeeding or failing – you learn the ins and outs more accurately ... experience is an awesome teacher.

So, for instance, formal knowledge might help to execute a task at the workplace, but experience is what tells you how to deal with managing people or coping when dealing with unexpected issues and leading with compassion. Experience builds critical thinking skills, and resourcefulness and can be hard to learn from books only.

Combining Knowledge and Experience for Holistic Learning

It creates holistic learning where knowledge is combined with experience. Knowledge is your structure, and experience is just what adds depth to that; This develops in a mutually influencing cycle (a causal relationship). You do learn from your experiences by applying the knowledge base that you acquired, using it to shape what you learned and how you will learn next time.

In this day and age when industries quickly change, skills can become outmoded in little more than a decade, resulting in such profound shifts as the need for lifelong learning. An example: Technology I learned about programming/algorithms in school and that information would be irrelevant today but if I had learned how to learn new technologies, that still holds.

Likewise, the majority of entrepreneurs swear learning through doing is invaluable. They may begin with a background in their field, but it is often trial and error that leads to mastery. They see their failures as learning opportunities, not a hindrance to moving forward and often times it teaches them things that no business course could ever.

Adapting new ways of learning and using the technology can make a huge impact on the way students learn, helping in making them self-directed active learners with skills to adapt to the changes in rapidly growing global arena (Helwa & Helwa, 2018; Lowry et al., 1951; Dahms et al., 2020; Iacob & Mușuroi, 2021).

Lifelong Learning: The Future of Education

With the changing nature of work, lifelong learning has emerged as a school of thought. Formal education is no longer the single way to keep up with or compete in one's own field. The answer is no, they are looking for new experiences in the form of workshops, hands-on projects or real-world challenges.

This move reflects an expansion of education outside the confines of a classroom. It occurs in the workplace, in the community, traveling – all these spaces is where learning impactful to work happens. It urges people to remain inquisitive, upskill always and stay open to opportunities that will broaden their horizons.

The increasing trend of online courses, podcasts and e-tutorials has made learning more accessible than ever. It implies that people can keep studying and actively look for experiences to put their knowledge into practice.

Concluding Remarks: The Power of Knowledge and Experience Together

Knowledge, however, can only open doors and plant the seeds on which you learn to grow; experience is what allows that knowledge to metamorphose into wisdom. They both provide us with the necessary skill set to be successful, not just in our jobs but in life. In a world of continuous learning it is not merely education but gainfulness and the fusion of experience with knowledge which truly unleashes our potential.

Conclusively, the central message is obvious: learning is not limited to inside a classroom. So, as we continue growing in our personal and professional lives, always remember – ***knowledge is power, but experience will forever be the best teacher of all.***

References

- Dahms, H U., Peterson, T R., & Baveye, P. (2020, August 11). Editorial: Innovative Approaches to Learning in Environmental Science. Frontiers Media, 8. <https://doi.org/10.3389/fenvs.2020.00121>
- Helwa, H S A A., & Helwa, S. (2018, January 1). Online Project based Instruction in English Language Learning: Theory and Practice. , 4(1), 155-1733. <https://doi.org/10.21608/jrciet.2018.24492>
- Iacob, I., & Mușuroi, C. (2021, November 27). The Impact of Classroom Management Strategies on the Students' Academic Success in the Computer-Assisted Lesson, 15, 146-150. <https://doi.org/10.46300/91015.2021.15.21>
- Lowry, O H., Rosebrough, N., Farr, A., & RANDALL, R J. (1951, November 1). PROTEIN MEASUREMENT WITH THE FOLIN PHENOL REAGENT. Elsevier BV, 193(1), 265-275. [https://doi.org/10.1016/s0021-9258\(19\)52451-6](https://doi.org/10.1016/s0021-9258(19)52451-6)
- Srivastava, M. (2023, September 10). The Evolution of Education: Navigating 21st-Century Challenges, 5(5). <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i05.6314>



DARI SEKOLAH KE UNIVERSITI: KUASAI KEMAHIRAN UNTUK MELANGKAH DENGAN YAKIN

SYAZLIANA KASIM & SHAHRUL AMRI AB WAHAB

Peralihan dari sekolah ke universiti adalah salah satu fasa paling penting dalam kehidupan seorang pelajar. Fasa ini bukan sahaja memerlukan penyesuaian terhadap persekitaran pembelajaran yang baru, tetapi juga menuntut penguasaan kemahiran yang berbeza untuk menghadapi cabaran yang lebih kompleks dan tanggungjawab yang lebih besar. Berikut adalah beberapa kemahiran penting yang harus dikuasai oleh pelajar bagi memudahkan peralihan ini dan membantu mereka berjaya dalam pengajian di peringkat universiti.

Kemahiran Pengurusan Masa

Kemahiran pengurusan masa adalah asas kejayaan di universiti. Di sekolah, jadual pelajar biasanya lebih terstruktur dengan waktu belajar dan aktiviti yang ditentukan oleh pihak sekolah. Namun, di universiti, pelajar perlu menguruskan masa mereka secara mandiri. Dengan jumlah tugas akademik yang lebih banyak, tempoh kuliah yang mungkin berbeza-beza, serta komitmen sosial dan kurikulum, pelajar perlu bijak merancang waktu mereka.

Untuk berjaya, pelajar perlu menguasai kemahiran menetapkan keutamaan. Mereka perlu mengenalpasti tugas yang memerlukan perhatian segera dan mengagihkan masa yang cukup untuk setiap aktiviti. Penggunaan alat seperti jadual mingguan, aplikasi pengurusan masa, atau kaedah seperti **time blocking** boleh membantu pelajar mengurus masa dengan lebih efektif.

Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah

Di universiti, pembelajaran tidak lagi tertumpu pada menghafal fakta atau nota yang diberi oleh guru. Sebaliknya, pelajar digalakkan untuk berfikir secara kritis dan menganalisis pelbagai perspektif. Kemahiran pemikiran kritis adalah penting kerana ia membantu pelajar membuat keputusan yang tepat, menilai maklumat dengan lebih mendalam, dan membentuk pendapat yang berasas.

Pelajar perlu mengasah kemampuan untuk berfikir secara bebas, mencabar teori yang sedia ada, serta menggunakan data dan bukti bagi menyokong hujah mereka. Ini juga termasuk kemahiran menyelesaikan masalah. Di universiti, pelajar sering kali dihadapkan dengan situasi yang kompleks dan memerlukan penyelesaian yang kreatif. Dengan menguasai kemahiran ini, pelajar bukan sahaja dapat menjawab soalan dalam peperiksaan, tetapi juga bersedia untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan sebenar.

Kemahiran Komunikasi yang Berkesan

Kemahiran komunikasi, sama ada lisan atau bertulis, adalah penting untuk kejayaan di universiti. Pelajar perlu mampu menyampaikan idea dengan jelas dan berkesan, sama ada dalam tugas bertulis, pembentangan, atau dalam perbincangan kelas. Kemahiran ini bukan sahaja membantu dalam konteks akademik, tetapi juga dalam berinteraksi dengan pensyarah, rakan sebaya, dan pihak universiti yang lain.

Menulis esei, laporan penyelidikan, dan artikel memerlukan keupayaan untuk mengorganisasi pemikiran secara sistematik. Oleh itu, pelajar harus meningkatkan kemahiran penulisan mereka dengan memahami struktur yang baik, gaya penulisan akademik, dan cara menyampaikan idea dengan koheren. Dalam konteks komunikasi lisan, pelajar harus belajar untuk bercakap dengan yakin dan jelas, terutamanya semasa pembentangan atau perbahasan.

Kemahiran Penyesuaian Diri dan Daya Tahan

Peralihan dari sekolah ke universiti sering kali diiringi oleh perasaan terasing, tekanan akademik, dan cabaran baru yang tidak dijangka. Oleh itu, kemahiran untuk menyesuaikan

diri dan memiliki daya tahan adalah penting. Pelajar perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru yang mungkin jauh berbeza dari apa yang mereka biasa hadapi. Contohnya, mereka perlu belajar menguruskan kehidupan kampus, membuat kawan baru, dan menyesuaikan diri dengan pelbagai budaya di universiti.

Daya tahan merujuk kepada kemampuan untuk bangkit selepas menghadapi kegagalan atau kesulitan. Di universiti, pelajar mungkin akan mengalami kegagalan dalam peperiksaan, tekanan tugas, atau masalah peribadi. Mereka perlu belajar untuk mengendalikan emosi dan mental mereka agar tidak mudah putus asa, serta mencari jalan untuk terus maju walaupun berdepan dengan cabaran yang sukar.

Kemahiran Berdikari

Salah satu perubahan terbesar apabila memasuki alam universiti adalah keperluan untuk menjadi lebih berdikari. Di sekolah, pelajar mungkin bergantung pada guru dan ibu bapa untuk bimbingan dan sokongan yang berterusan. Di universiti, pelajar perlu belajar untuk membuat keputusan sendiri, mengurus kehidupan harian mereka, dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembelajaran mereka.

Kemahiran berdikari meliputi banyak aspek, termasuk pengurusan kewangan, menjaga kesihatan mental dan fizikal, serta menyelesaikan masalah secara mandiri. Kemahiran ini penting kerana ia bukan sahaja membantu pelajar berjaya dalam akademik, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk kehidupan selepas universiti, di mana mereka perlu berdikari dalam kerjaya dan kehidupan peribadi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, peralihan dari sekolah ke universiti adalah satu proses yang memerlukan pelajar untuk menguasai pelbagai kemahiran yang baru. Dari kemahiran pengurusan masa, pemikiran kritis, komunikasi berkesan, penyesuaian diri, hingga berdikari, setiap satu memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelajar di universiti. Dengan mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran ini, pelajar bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan baik di universiti, tetapi juga membina asas yang kukuh untuk kejayaan masa hadapan.

e-BULETIN
EDISI
2024

RONA TINTA

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

